

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 5

Isnin

14 Mei 2007

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

USUL-USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong
- *Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok*

(Halaman 33)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan
Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 57)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
Isnin, 14 Mei 2007**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA
PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

10 Mei 2007

Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (Pindaan) 2006;
2. Rang Undang-undang Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006;
3. Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006;
4. Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) 2007;
5. Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2007;
6. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007;
7. Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007;
8. Rang Undang-undang Antipemerdagangan Orang 2007;
9. Rang Undang-undang Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007;
10. Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
11. Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007;

12. Rang Undang-undang Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007;
13. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan Pindaan (Pindaan) 2007; dan
14. Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (Pindaan) 2007.

Yang ikhlas,

t.t

“YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:
Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibaca kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum daripada itu Dewan Negara ingin menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi ke Dewan Negara [*Tepuk*]. Silakan Dr. Mohd Puad Zarkashi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, diucapkan Selamat Hari Ibu kepada seluruh ibu-ibu yang ada di Malaysia terutamanya ibu-ibu tunggal yang masih muda.

1. Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta Menteri Kewangan menyatakan apakah Proton tidak mempunyai masa depan jika ia tidak bergabung dengan syarikat pembuat kereta asing dan apakah faktor yang menggagalkan perundingan penggabungan antara Proton dan PSA Peugeot Citroen. Mengapakah pula Khazanah mahu menjual kepentingannya sebanyak 38.2% di dalam Proton.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum daripada itu Dewan Negara juga menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:
Terima kasih Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad. Tuan Yang di-Pertua, Proton selaku syarikat pengeluar kereta kebangsaan yang mempunyai peranan yang lebih besar daripada sekadar menjadi sebuah syarikat yang mengeluarkan kenderaan. Selain daripada tujuan untuk memperoleh keuntungan, Proton juga perlu memenuhi kehendak strategik seperti pembangunan program vendor bagi memenuhi berbagai-bagai keperluan dalam konteks pembangunan industri automotif.

Di antara kehendak-kehendak strategi tersebut adalah pembangunan pembekal dan pengeluar alat ganti tempatan berwibawa dan pewujudan ahli-ahli kejuruteraan tempat yang

mahir. Selain itu, Proton juga perlu memastikan jenama Proton berada dalam kedudukan yang *competitive* di pasaran antarabangsa.

Sehubungan dengan itu Proton memerlukan rakan kongsi antarabangsa yang mampu mengangkat Proton ke tahap yang berdaya saing untuk antarabangsa. Khazanah Nasional Berhad yang memegang kira-kira 43% kepentingan dalam Proton sedang membuat perimbangan bersama kerajaan mengenai pelbagai pendekatan untuk menambah nilai pegangan saham serta nilai tambah Proton kepada negara tetapi tidak hanya terhad kepada usaha untuk mencari pelabur atau pembeli semata-mata.

Kerajaan turut terlibat secara langsung dalam proses pemetaan masa depan Proton secara khusus dan industri automotif negara secara amnya.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah jika susah sangat hendak mencari rakan kongsi daripada luar kenapakah Naza Motor dan juga syarikat DRB Hicom yang sudah pun menawarkan diri untuk membeli saham proton ini tidak diberi peluang dan untuk menyelamatkan Proton sebagai kereta nasional ini, apakah kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan sahaja cukai kereta-kereta import ini dan apa sebenarnya yang kerajaan akan lakukan untuk membantu pengedar-pengedar Proton ini. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita semua sedia maklum, kerajaan memang telah berunding dengan berbagai-bagai pihak. Kalau dahulunya GM kemudian Citroen, kemudian Volkswagen, Mitsubishi dan lain-lain lagi.

Tujuan pihak kerajaan ataupun Proton untuk cuba mengambil *partner* dengan izin, daripada luar, mereka ini yang saya sebutkan tadi adalah mereka yang telah lama dalam industri automotif ini dan mereka memang ada kepakaran dalam teknologi baru berbanding dengan syarikat tempatan yang sebenarnya terkemudian daripada Proton dari segi penglibatan mereka dalam industri kereta ini.

Kepakaran mereka sebenarnya adalah kurang daripada Proton sebenarnya. Maksud saya syarikat-syarikat automotif tempatan kereta nasional tempatan yang ada empat itu termasuk Proton dan lain-lain adalah lebih baru. Contohnya macam Inokom, Perodua dan juga Naza mereka lebih terkemudian daripada Proton. Jadi kepakaran mereka jika dibanding dengan Proton mereka kurang daripada Proton dari segi teknologi dan sebagainya. Mereka lebih pakar dalam hal pemasaran dan sebagainya. Jadi pilihan pertama ialah dengan *partner* daripada luar yang sudah tentu ada kepakaran dan juga ada dia punya *market share* mereka. Jadi kita daripada Proton kalau sudah dapat *partner* sebegitu maka satunya teknologi akan meningkat, yang kedua pas pemasaran lebih meluas.

Selepas itu kerajaan masih lagi hendak berunding dengan pihak luar dan pertimbangan untuk *joint venture* dengan syarikat tempatan adalah selepas itu Tuan Yang di-Pertua. Memang dari segi *vendor development* memang banyak Tuan Yang di-Pertua, yang telah dibuat banyak

dan ini satu perkara yang membawa peluang yang banyak kepada pengusaha-pengusaha tempatan. Sekarang sudah ada, kalau berbanding dengan tahun 1985 ada empat sahaja vendor, sekarang sudah ada 108 vendor. Jadi makna satu angka yang begitu banyaklah, peningkatan yang begitu banyak. Kerajaan akan teruskan usaha ini dan tentang cukai ini kita kena adil. Kalau kita, sebab *national car* ini memang begitu banyak dan sebenarnya cukai yang diturunkan adalah di bawah *range* cc yang tinggi, yang rendah ini kita tidak turunkan cukai itu yang *ranges* yang tinggi yang mana 2,500 – 3,000 cc yang ini kerajaan turunkan cukai, cc yang rendah ini kereta tempatan buat kita tidak kurangkan. Bermakna ada *protection* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

2. Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan pandangan terhadap pepatah "ilmu itu kuasa." Ilmu boleh diperkaya melalui bacaan dan bacaan dapat membentuk minda dan karakter seseorang. Maka budaya membaca dari sumber buku dan lain harus ditanam. Apa pendekatan dan tindakan kementerian dalam soal ini selain dari melancar Kempen Membaca yang nyata tidak berkesan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia or KPM sedar betapa pentingnya diterapkan budaya membaca di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Antara langkah yang diambil untuk menggalakkan budaya membaca di kalangan pelajar ialah dengan mengadakan program NILAM di peringkat sekolah rendah dan menengah, pertandingan pusat sumber sekolah, pertandingan kokurikulum yang memerlukan pembacaan luas seperti pertandingan bercerita, bahas ala Parlimen, Pidato Piala di Raja, kuiz dan pertandingan yang dianjurkan oleh agensi luar dengan kerjasama KPM.

Untuk makluman melalui program NILAM (Nadi Ilmu Amalan Membaca), berbagai-bagai aktiviti telah dilaksanakan. Dalam aktiviti khemah membaca dengan pengisian berupa bengkel dan ceramah, pertandingan jejak maklumat juga diadakan, pembangunan pusat sumber sekolah melalui penyediaan dan pembekalan koleksi bacaan terpilih. Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) yang ditubuhkan di bawah KPM juga terus menjalankan aktiviti-aktiviti galakan membaca. Semua aktiviti ini disokong dan turut mendapat kerjasama dari Perpustakaan Negara Malaysia di bawah KeKKWa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Dato' Dr. Norraesah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas itu Yang Berhormat bagi Lee Sing Chooi dan Yang Berhormat bagi Dato' Hajah Samsiah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: ...Yang Berhormat bagi Dato' Haji Noh bin Haji Omar. Setakat ini sejauh manakah keberkesanan aktiviti-aktiviti yang sudah pun dilaksanakan? Adakah ia menunjukkan peningkatan dalam purata membaca per kapita di negara ini, oleh sebab

purata membaca per kapita, satu kepala yang amat terendah di antara negara-negara di Asia Tenggara ini? Apakah jawapan Yang Berhormat terhadap perkara ini?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak nyatakan secara spesifik keberkesanannya memang amat sukar. Memang kita tidak nafikan bahawa dalam kajian yang dibuat oleh Perpustakaan Negara, pembacaan di kalangan rakyat Malaysia ialah dua buku satu tahun. Namun demikian, kalau dilihat hasil daripada *KL Book Fair* yang diadakan baru-baru ini, satu sambutan yang amat luar biasa telah pun ditunjukkan oleh rakyat. Pada tahun lepas, *KL Book Fair* atau pun Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, pengunjungnya hanya ada 700,000 sahaja, tapi pada tahun ini yang baru berakhir baru-baru ini, jangkakan amat luar biasa iaitu hampir 1.4 juta, dua kali ganda daripada tahun lepas.

Jadi dalam tempoh satu tahun kita boleh lihat sekali ganda pengunjung-pengunjung pameran-pameran buku ini, dan juga daripada maklumat yang kita dapat, *purchasing power*, ertinya orang ramai yang hari ini sudah mula berani melabur, membeli buku-buku juga adalah bertambah. Pada tahun hadapan *KL Book Fair* ini sudah tidak cukup lima blok, lima bangunan yang kita sewa, kita kena tambah lagi bangunan yang baru. Ini menunjukkan purata minat membacanya telah pun nampak kesannya dan kalau kita lihat masa *KL Book Fair* memang luar biasa Tuan Yang di-Pertua. Dia jalan itu macam pasar malam. Jalan dia berhimpit-himpit bukannya lengang, kalau dahulu mungkin lengang pameran buku tapi sekarang macam pasar malam ramai yang datang. Ini secara umumnya boleh dilihat keberkesanan daripada kempen menggalakkan membaca dan budaya membaca ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi sambutan adalah lebih baik daripada tahun lepas. Yang Berhormat bagi Tuan Lee Sing Chooi.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setakat ini kempen membaca telah diusahakan oleh KPM dan juga KeKKWa di bawah kementerian. Tuan Yang di-Pertua pada Hari Buku Dunia pada hari bulan 23 April yang lalu, Menteri KeKKWa telah melancarkan satu modul kempen membaca di SJKC Sin Nyen Port Klang, di mana melibatkan lebih 10 buah sekolah SJKC, SK, SJKT, di mana mereka berkumpul dan juga di dalam modul ini dalam tahun enam, sekolah rendah, sasaran membaca itu 100 buah buku, itu *target* dia. Dengan modul ini menteri sangat setuju dan berpendapat modul ini akan berjaya dan Perpustakaan Negara pun bersetuju memperluaskan modul ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, macam manakah Kementerian Pelajaran dapat bekerjasama dengan KeKKWa dengan lebih erat lagi untuk mempertingkatkan kempen pembacaan? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya nyatakan tadi bahawa aktiviti-aktiviti kempen galakan membaca ini memang sentiasa mendapat kerjasama daripada Perpustakaan Negara di bawah KeKKWa. KeKKWa juga ada program mereka tersendiri dan Kementerian Pelajaran seperti yang saya nyatakan tadi beberapa

program telah pun kita susun seperti program NILAM sebagai contoh tadi, di mana dalam program NILAM ini dia bermula daripada tahun satu hingga ke tingkatan lima, kaedah baca dan rekod bagi membudayakan pembacaan dan kita memberikan ganjaran melalui pengiktirafan kepada tokoh NILAM di peringkat kebangsaan yang diadakan di setiap tahun.

Jadi dengan adanya program-program seperti yang saya nyatakan tadi seperti NILAM, bahas dan sebagainya ini semuanya kempen untuk menambahkan ilmu kepada pelajar-pelajar. Dalam masa yang sama, Kementerian Pelajaran juga telah memperuntukkan, peruntukan-peruntukan tertentu seperti melalui BTP, kita memperuntukkan sebanyak RM25 juta untuk membeli buku-buku bacaan umum di sekolah-sekolah juga kita memberikan peruntukan-peruntukan tertentu mengikut bilangan murid.

Sebagai contoh, kalau pelajar di sekolah itu bawah 100 orang, kita bagi peruntukan RM1,500 sehinggalah kalau sekolah itu sama ada sekolah menengah ataupun sekolah rendah pelajarannya lebih 100 ribu orang, kita akan memperuntukkan RM13,600 *plus* dengan RM12 setiap kepala. Inilah usaha-usaha yang kita buat dan saya yakin kita boleh melahirkan generasi yang berminat untuk membaca. Terima kasih.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya telah terjawab. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata apa yang dia hendak tanya tadi telah pun terjawab, maka tidak ada lagi soalan tambahan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Ismail Kasim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana sudi menjawab soalan ini iaitu soalan nombor 3 dan terima kasih kepada ketua-ketua cawangan dan juga ketua-ketua wanita dari bahagian Arau yang hadir pada hari ini. *[Tepuk]*

3. Tuan Ismail Kasim minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk merangka satu kurikulum baru yang boleh memenuhi pasaran kerja di pusat pengajian tinggi awam dan swasta agar para penuntut yang menamatkan pengajian kelak mempunyai peluang untuk bekerja.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucap selamat datang kepada ketua-ketua wanita dari Arau yang datang untuk mendengar wakil mereka berucap di Dewan Negara. Selamat datang kita ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi dasar kerajaan khususnya Kementerian Pengajian Tinggi untuk menyemak kurikulum dari masa ke semasa. Secara umumnya penyemakan yang menyeluruh akan diadakan setiap lima tahun sekali. Di antara satu semakan besar itu akan diadakan semakan kecil. Antara semakan kurikulum yang telah dibuat setakat ini

dan sedang dilaksanakan ialah untuk bidang kejuruteraan, perakaunan, undang-undang dan IT. Ini sebagai contoh dan yang sedang kita semak ini ialah kurikulum dalam bidang perubatan.

Ini adalah penting untuk memastikan ia sentiasa relevan kepada keadaan semasa. Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sentiasa menggesa pihak kami di Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Pelajaran agar kurikulum disemak bagi mencerminkan keadaan semasa dan kami akur dengan saranan tersebut. Oleh itu, kami menganggap ini satu langkah yang perlu kita ambil perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu adalah mustahil untuk memastikan bahawa kurikulum yang digubal itu dapat memenuhi 100% keperluan semasa. Adalah mustahil mana-mana di dunia memastikan setiap graduannya dapat bekerja, umpamanya. Ini bergantung juga kepada keadaan ekonomi semasa. Ada sesetengah graduan mungkin memilih untuk berehat sekejap, jadi di mana-mana negara mustahil untuk kerajaan memberi jaminan bahawa setiap graduan yang keluar daripada universiti itu mendapat pekerjaan.

Walau bagaimanapun kami cukup sedar tentang perlunya dikaji kurikulum dari masa ke semasa dan ini merupakan satu aktiviti yang berterusan yang kami laksanakan di Kementerian Pengajian Tinggi. Sehubungan dengan ini, pihak kementerian telah mengadakan beberapa pertemuan dalam tempoh dua bulan ini. Yang pertama, pertemuan telah pun diadakan dengan *Multimedia Development Corporation* (MDeC), di mana kita menemukan kesemua dekan-dekan fakulti IT dan *engineering* dengan syarikat-syarikat yang terlibat dalam bidang multimedia.

Di dalam pertemuan tersebut, beberapa perkara telah dibincangkan termasuklah perlunya diwujudkan kerjasama yang erat untuk menyemak kurikulum kerjasama di antara universiti dan juga industri. Langkah-langkah sedang diambil untuk memastikan bahawa lebih banyak input daripada industri diambil kira dalam menggubal kurikulum dalam bidang IT.

Satu lagi pertemuan telah diadakan dengan pihak Bank Negara Malaysia di mana kita menghimpunkan semua dekan-dekan fakulti ekonomi, pengurusan *accounting* bersama dengan ahli-ahli bank, mereka yang terlibat dalam industri perbankan dan *financial services industry*, dengan izin. Hasil daripada pertemuan tersebut, beberapa tindakan sedang dirangka umpamanya pihak industri bank telah mengemukakan kepada kementerian senarai ahli-ahli bank atau tokoh-tokoh ekonomi yang sanggup menyumbang kepada pengajaran di kampus dengan memberi kuliah untuk tempoh tertentu dalam seminggu ini.

Tiga minggu lepas kami mengadakan pula pertemuan dengan Khazanah Nasional Malaysia yang mana Khazanah sedang menjalankan beberapa program untuk melatih para graduan supaya mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik dan beberapa pandangan input telah pun diberikan. Pada petang ini, saya sendiri akan mempengerusikan satu mesyuarat di

CIDB (*Construction Industry Development Board*) bersama dengan dekan-dekan fakulti kejuruteraan di seluruh negara. Tujuannya ialah untuk sekali lagi untuk mendapat input dan pandangan daripada mereka tentang kerelevanan kurikulum di fakulti *engineering* di semua universiti.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah sedang kita ambil dan kita sedar akan pentingnya hubungan yang rapat antara universiti dengan pihak universiti. Sehubungan dengan ini saya ingin memaklumkan sebagai tambahan, pihak universiti telah melaksanakan satu program baru iaitu Program Kemahiran Insaniah ataupun *soft skills*. Semua universiti telah pun melaksanakan program ini. Universiti Malaya bermula pada 8 Mei lalu. Dalam tempoh sebulan, 600 orang pelajar yang lemah dalam bahasa Inggeris, yang lemah dalam prestasi akademiknya, yang bukan mengikuti program profesional, mereka sedang mengikuti satu program yang dipanggil *pre-employment* untuk tempoh sebulan.

Tujuannya adalah untuk mengasah bakat mereka di dalam penguasaan bahasa, untuk memastikan mereka dapat menyediakan CV dengan baik dan pastikan mereka dapat, dengan izin, *perform* dalam *interview*. Ini sedang berjalan dan pada awal bulan depan, program ini akan berakhir. Inilah langkah yang diambil oleh Universiti Malaya bagi meningkatkan kebolehpasaran ataupun *employability* para graduan mereka. Langkah-langkah juga telah diambil di universiti lain, di Universiti Putra Malaysia dan universiti-universiti lain di dalam negara kita. Tindakan-tindakan sedang diambil untuk memastikan bahawa para graduan kita akan lebih senang mendapat pekerjaan setelah mereka bergraduan. Terima kasih.

Tuan Ismail Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Suatu ketika dahulu timbul polemik yang menyatakan kebanyakan tenaga pengajar kita ini banyak berpandukan kepada nota lapuk yang tidak pernah *diupdate* termasuk pada masa saya belajar dahulu. Jadi, saya mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah membuat tindakan-tindakan susulan hasil daripada polemik yang berlaku pada suatu masa dahulu.

Cuma saya ingin penjelasan, adakah ketika kita merancang kurikulum sesuatu kursus itu yang di campur dengan golongan profesional dan juga golongan-golongan yang memang terlibat secara langsung dalam bidang berkenaan bagi memastikan konsep pengajaran yang diperkenalkan ini ialah konsep pengajaran *true learning* ataupun konsep pengajaran sebenar yang diasaskan seperti yang diamalkan di Institut Pengurusan Asia dan lain-lain universiti di luar negara.

Dato' Mustapa Mohamed: Mengenai nota lapuk, kita tidak menerima laporan di mana pensyarah-pensyarah hari ini menggunakan nota lapuk dalam menyampaikan kuliah. Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat ada laporan, maka kita amat dukacitalah kalau pensyarah-pensyarah masih menggunakan nota 10 atau 20 tahun dalam menyampaikan kuliahnya. Kita akan menyiasatnya.

Berkaitan penglibatan para profesional dalam merancang kurikulum, memanglah ini satu amalan wajib bagi mereka umpamanya dalam bidang *engineering*. Para pensyarah dalam bidang kejuruteraan akan melibatkan golongan profesional, umpamanya *Board of Engineers, Institution of Engineers Malaysia*, pihak JKR dan pihak CIDB. Mereka dilibatkan dalam bidang perakaunan umpamanya, badan-badan profesional dilibatkan secara langsung. Bukan sahaja terlibat dalam menggubal kurikulum tetapi jua terlibat dalam mengajar kursus-kursus tertentu dan mereka memberi banyak pandangan yang bernas dan ini menjadikan kurikulum lebih relevan kepada keadaan semasa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, selepas itu Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana perubahan-perubahan yang begitu banyak telah dibuat ke arah positif. Mengikut rekod MTEN, saya ulangi juga 60,000 pengangguran yang berlaku di antara graduan kolej dan universiti, terbukti 95% adalah di kalangan bumiputera. Jadi, bagaimana pihak kementerian untuk memantau dari segi pengambilan graduan ini di pihak swasta? Ini kerana dasar kerajaan juga memerlukan swasta membantu.

Jadi, kalau dikenakan syarat-syarat umpamanya bahasa Mandarin, ini merupakan halangan dan saya mohon. Kita kurikulum baik, dasar baik tetapi pelaksanaannya yang agak kurang memuaskan. Bagaimana pihak kementerian boleh membantu agar pihak swasta juga turut menyumbang dari segi pengambilan tenaga penganggur yang mana dikenakan syarat-syarat yang memang tidak boleh mereka masuk ke pihak swasta. Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Adalah benar mengikut maklumat yang dikeluarkan oleh MTEN pada bulan September 2005. Kebetulan saya mengepalai kajian tersebut pada masa itu, kebanyakan daripada mereka yang didapati sedang bekerja tetapi gajinya tidak berpatutan ataupun belum bekerja merupakan bumiputera itu perkara yang benar - penemuan, tetapi kita merasakan bahawa saya merasakan angka 95% itu mungkin lebih sikit kerana mungkin ada di kalangan para graduan bukan bumiputera yang enggan tampil ke hadapan untuk memberikan maklumat.

Walau bagaimanapun kita tidak menafikan hakikat bahawa kebanyakan daripada yang menganggur itu ialah para graduan bumiputera, antara lainnya ialah sikapnya kalau dibandingkan dengan rakan-rakan mereka di kalangan bukan bumiputera yang lebih berdikari. Kita difahamkan dimaklumkan bahawa di kalangan para graduan bukan bumiputera mereka malu untuk mengaku mereka tidak mempunyai pekerjaan.

Jadi, oleh kerana banyak di kalangan para graduan ini merupakan graduan bumiputera, maka itulah sebabnya antara lain kerajaan telah melaksanakan beberapa program termasuklah program yang saya sebutkan tadi untuk meningkatkan kemahiran insaniah dan juga bermula

tahun ini sesi akan datang kita akan menggunakan kaedah terbaru dalam mengajar bidang keusahawanan. Kita akan memperkenalkan satu modul baru iaitu keusahawanan mempunyai dua *credit hours*.

Tujuannya untuk meningkatkan perasaan atau pun supaya mereka lebih berdikari, ini kita mendapati merupakan masalah yang dihadapi oleh segolongan pelajar-pelajar bumiputera.

Jadi, kita berharap sektor swasta juga akan mengambil pekerja-pekerja bumiputera dan kita tidak boleh *tolerate* diskriminasi dalam pasaran buruh dan kita harap semua majikan dalam negara kita Malaysia ini akan mengambil pekerja mereka tanpa mengira kaum.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Puan Mumtaz binti Md. Nawi.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya adakah kementerian mempunyai satu kajian ataupun mekanisme untuk mengenal pasti lima buah IPTA ataupun IPTS yang paling berprestasi dari segi kebolehan pasrannya, sebagaimana yang telah dibuat oleh Kementerian Pelajaran terhadap sekolah berprestasi rendah? Sekiranya ada minta dinyatakan, terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Kita memang ada membuat kajian sebenarnya tahun ketiga tahun lepas 2006, tahun keempat setiap tahun, pihak kementerian akan berada di universiti semasa diadakan *konvo*, dan pelajar-pelajar yang mendapat *scroll* mereka ataupun mendapat ijazah mereka ditanya sama ada mereka sudah bekerja atau tidak.

Hasil daripada kajian tersebut kita kumpulkan dan mengikut kajian tersebut memanglah ada beberapa universiti yang lebih sedikit dari segi kebolehpasaran ataupun *employability* para graduan mereka. Saya pernah membuat kenyataan umpamanya pelajar-pelajar daripada UiTM mempunyai peluang pekerjaan yang lebih sedikit berbanding universiti lain, tetapi perbezaan tidaklah begitu ketara. Ada perbezaan tidaklah ketara sangat.

Kita dapati juga graduan dari UIA umpamanya mempunyai peluang lebih sedikit antara lain kerana penguasaan bahasa, apabila kita selidik apa sebabnya, antaranya penguasaan bahasa yang lebih baik.

Jadi saya ingin menekankan walaupun ada perbezaan di kalangan universiti kita halangan ini semua tapi ia tidak membolehkan kita membuat satu tanggapan umum atau *generalization* menyatakan satu universiti lebih baik, perbezaan yang ketara perbezaan terlalu kecil tidak membolehkan kita membuat satu *generalization* - menyatakan satu universiti jauh berada di hadapan universiti lain, tapi perbezaan memang ada perbezaannya tidaklah begitu ketara.

Secara umumnya, tidak banyak perbezaan kalau kita lihat hasil kajian yang kita buat di antara satu universiti-universiti yang lain, berkaitan *employability* ini, terima kasih.

4. Puan Heng Seai Kie minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bagaimanakah pihak kementerian memastikan bahawa sesebuah projek kawasan perumahan

yang diluluskan itu tidak akan dikenakan ke atas pengusaha yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Robert Lau Hoi Chew]: Terima kasih Yang Berhormat, pihak berkuasa kerajaan tempatan semasa memproses dan meluluskan permohonan kementerian merancang bagi sesuatu projek perumahan telah mengenakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi oleh setiap pemaju antaranya:

- (i) pemaju hendaklah mengikut pelan susun atur yang telah diluluskan
- (ii) tidak ada perbuatan yang merosakkan tanah atau alam sekitar iaitu termasuk fizikal, topografi, semula jadi, dan landskap.
- (iii) tidak ada kemusnahan atau mengubahkan semula jadi tanah.
- (iv) tidak akan menebang pokok-pokok yang bersaiz lapan meter ukur lilit.
- (v) menanam semula pokok-pokok dan menyediakan kawasan lapang.

Secara umumnya syarat-syarat yang dikenakan perlu dipatuhi oleh pemaju, sekiranya pemaju gagal mematuhi syarat-syarat yang dikenakan, maka penguatkuasaan boleh dibuat oleh pihak berkuasa kerajaan tempatan melalui seksyen 28 Akta Rancangan Bandar dan Desa. di mana kemajuan yang berlawanan dengan kebenaran perjanjian yang telah diberikan jika disabitkan kesalahan ini boleh di denda tidak lebih daripada RM100,000 atau penjara tidak lebih daripada 6 bulan atau kedua-duanya sekali, sekian.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: *[Bangun]*

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah serius masalah ketidakakuran syarikat pemaju di negara ini dan berapakah syarikat yang telah pun dikenakan tindakan setakat ini? Terima kasih.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Yang Berhormat. Kes-kes sekarang saya ada maklumat di sini ialah di Taman Cahaya Seksyen U 10, Shah Alam, kurang daripada sepuluh pemaju kalau didenda dan tidak lebih RM100,000, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Dato' Hajah Saripah Aminah binti Syed Mohamed.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada pihak kementerian, cuma saya hendak tahu dari pihak kementerian pelan-pelan untuk membuat rumah diluluskan oleh PBT di tempat masing-masing, apakah tindakan kementerian kepada PBT-PBT yang telah meluluskan pelan-pelan di kawasan-kawasan yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tidak boleh dibuat rumah?.

Datuk Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada syarat-syarat yang tertentu untuk tempat-tempat yang sesuai atau tidak sesuai untuk membangunkan rumah, kalau di puncak atau larian bukit contohnya itu kawasan yang sangat sensitif di dalam bidang alam sekitar. Permohonan ini sebelum PBT meluluskan itu harus dianjurkan kepada Majlis Perancang Risiko Negara, untuk nasihatnya berkenaan untuk permohonan itu.

Memang saya tidak nafikan PBT tertentu mungkin, saya tahu ia kurang peraturan atau kes-kes yang meluluskan kawasan-kawasan itu tidak sesuai untuk membina rumah, kita ada satu kawalan ini, pemaju akan kena denda, sekian.

5. Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan peratusan terkini wanita yang berkerjaya dan berkeluarga dan kemudahan serta prasarana yang disediakan untuk memudahkan mereka berkerjaya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Tahun 2005 jumlah penduduk yang bekerja ialah seramai 10 juta orang. Daripada jumlah tersebut 36% atau seramai 3.6 juta ialah wanita yang mana 2.1 juta atau 21% ialah wanita yang berkahwin. Kerajaan sedar sumbangan wanita dari segi sosial ekonomi amat penting dan oleh itu pelbagai usaha telah dan akan terus diambil bagi menggalakkan golongan ini menyertai tenaga buruh.

Selain daripada itu sejak kebelakangan ini terdapat trend wanita meninggalkan kerja walaupun berkelayakan serta berpengalaman kerana memberi keutamaan kepada keperluan keluarga. Mengambil perhatian akan trend tersebut salah satu perkara penting yang menjadi keutamaan kerajaan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat khususnya ialah untuk menggalakkan penyediaan suasana dan persekitaran kerja yang kondusif supaya wanita dapat bekerja tanpa menjejaskan tanggungjawab kepada keluarga. Dalam hubungan ini kerajaan amat menggalakkan para majikan memupuk amalan mewujudkan tempat kerja yang mesra keluarga terutamanya melalui penubuhan taska di tempat kerja sama ada di sektor awam ataupun swasta bagi memudahkan ibu-ibu yang bekerja.

Beberapa insentif telah disediakan oleh kerajaan kepada majikan dalam sektor awam dan swasta bagi tujuan menggalakkan lagi penubuhan taska di tempat kerja. Insentif-insentif yang disediakan oleh kerajaan bagi sektor awam ialah kenaikan geran pelancaran untuk menubuhkan taska di tempat kerja daripada RM50,000 kepada RM80,000 yang berkuat kuasa mulai 17 Januari 2007. Selain daripada kenaikan geran pelancaran, kerajaan turut meluluskan subsidi yuran pengasuhan sebanyak maksimum RM180 sebulan bagi seorang anak yang dihantar ke taska di tempat kerja. Subsidi ini diberi kepada penjawat awam yang berpendapatan isi rumah kurang daripada RM2,000 sebulan. Subsidi ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2007. Sebagai insentif kepada majikan dalam sektor swasta yang menubuhkan taska di tempat kerja pula, kerajaan telah memperkenalkan kemudahan pengecualian cukai sebanyak 10% ke atas kos bangunan yang dibina khas untuk taska bagi tempoh 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pekerja yang tidak dapat menggunakan kemudahan taska di tempat kerja sektor awam ataupun swasta mereka boleh menggunakan perkhidmatan pusat penjagaan kanak-kanak berasaskan komuniti iaitu taska komuniti yang diperkenalkan oleh

kerajaan pada tahun 2005. Kerajaan juga menyediakan geran pelancaran bagi penubuhan Taska Komuniti sebanyak RM55,000 serta pembelian subsidi yuran pengasuhan sebanyak maksimum RM180 kepada keluarga yang berpendapatan isi rumah tidak melebihi RM2,000 di kawasan bandar dan RM1,200 di kawasan luar bandar. Geran tahunan sebanyak RM64,000 juga disediakan bagi membiayai kos operasi taska komuniti.

Selain daripada menggalakkan penubuhan taska, sektor swasta yang merupakan majikan terbesar digalakkan untuk memudahkan lagi penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan melalui penyediaan peraturan kerja yang lebih kondusif dengan mengambil kira pelbagai peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh wanita. Kemudahan ini termasuk mewujudkan peraturan kerja baru dan fleksibel seperti tele-kerja, kerja sambilan dan perkongsian kerja. Di samping itu konsep bekerja dari rumah atau pejabat@rumah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diyakini dapat menggalakkan wanita terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Sekian, terika kasih.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada wakil kementerian di atas kemudahan yang telah disediakan oleh kementerian. Tetapi adakah kementerian rasa kemudahan kenaikan pangkat yang mencukupi telah disediakan kepada wanita berkerjaya setelah pengorbanan mereka kepada pembangunan negara atau dengan kata-kata lain *Is the glass ceiling at impediment*, dengan izin.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Bagi sektor awam kalau kita semak balik peratusan (*percentage*) JUSA yang kita ada pada masa yang lepas dan berbanding dengan masa sekarang, kalau saya tidak silap, sekarang wanita-wanita yang berada di peringkat JUSA telah pun meningkat dengan banyak. Kalau mengikut langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan, sebenarnya kerajaan tidak akan mendiskriminasikan kalau wanita yang berkenaan adalah berkelayakan. Pada tahun 60-an kebanyakan kakitangan yang diambil oleh sektor awam adalah kaum lelaki. Oleh itu di peringkat JUSA itu agak sedikit. Tetapi selepas itu, pada tahun 80-an, kaum wanita yang diambil sebagai kakitangan sektor awam telah pun meningkat. Oleh itu setakat ini kita nampak semakin hari semakin ramai jawatan KSU pun telah dipegang oleh kaum wanita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang daripada kaum lelaki pula. Dato' Yip Kum Fook.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Suasana bekerja juga merupakan faktor penting sebagai kemudahan. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian demi mewujudkan suasana yang lebih selesa dan harmoni untuk Ahli-ahli Parlimen wanita dalam Parlimen, sama ada kata-kata prejudis, dengan izin, terhadap Ahli Parlimen wanita yang sering terkeluar daripada Dewan Rakyat akan dicontohi dan diteladani oleh orang-orang di luar dan seterusnya menjadi *sexual harassment*, dengan izin. Terima kasih.

Datin Paduka Chew Mei Fun: Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook. Sebenarnya untuk mewujudkan suasana dan persekitaran kerja yang kondusif

untuk wanita sama ada dia pekerja-pekerja yang biasa atau golongan Ahli-ahli Yang Berhormat wanita di Dewan Negara dan Dewan Rakyat pun adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Mengenai insiden-insiden yang telah berlaku baru-baru ini, kementerian merasa kecewa di atas insiden yang berkenaan. Oleh itu kita telah pun berbincang secara mendalam di peringkat kementerian dan Yang Berhormat Menteri telah pun mengambil maklum dan beliau sendiri mengambil serius terhadap insiden-insiden begini dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk kita bersama-sama mewujudkan satu suasana yang lebih kondusif kepada semua wanita. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Ahmad bin Husin minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan tindakan yang telah dan akan diambil terhadap media cetak dan elektronik yang menyiarkan sesuatu berita tanpa kesahihan fakta yang betul memandangkan kesan daripada penyiaran tersebut boleh menyebabkan salah tanggapan terhadap sesuatu perkara yang dilaporkan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan yang terkandung di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 memberi kuasa yang cukup kepada menteri untuk mengambil tindakan terhadap media cetak yang menyiarkan sesuatu berita tanpa kesahihan faktor yang betul. Apatah lagi sekiranya penyiaran tersebut boleh menyebabkan salah tanggapan sehingga boleh memudaratkan keselamatan negara, ketenteraman awam, kepentingan awam atau kepentingan negara.

Antara tindakan yang boleh diambil oleh menteri terhadap media cetak yang berbuat demikian ialah:

- (i) menggantung atau membatalkan permit penerbitannya;
- (ii) menolak pengimportan atau menahan menghantar serahan atau mengenakan apa-apa syarat yang perlu sebelum media cetak yang diimport dibenarkan untuk edaran di negara ini;
- (iii) mengenakan perintah larangan.

Tindakan-tindakan yang diambil adalah bertujuan untuk memelihara keselamatan negara, ketenteraman awam atau kepentingan negara daripada digugat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan mempunyai kepentingan tertentu. Sebagai contoh, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri pernah mengambil tindakan mengeluarkan surat tunjuk sebab kerana menyerahkan berita-berita yang tidak sahih. Menggantung permit penerbitan akhbar-akhbar kerana menyiarkan karikatur Nabi Muhammad S.A.W dan menyiarkan tempahan penerbitan yang memudaratkan kemoralan. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, media elektronik bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tetapi adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi serta Kementerian Penerangan. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Ahmad Husin, lepas itu Datuk Dr. Lee Chong Meng.

Tuan Ahmad Husin: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah menjawab soalan tadi. Soalan tambahan saya ialah berita sensasi yang baru lepas, PM pengsan di Pulau Pangkor. Saya hendak tanya apa yang sebenarnya terjadi? *Direct* dalam dewan ini. Apakah muslihat puak-puak ini? Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Memang adalah sikap yang amat tidak bertanggungjawab oleh pihak yang dalam internet khususnya *bloggers* yang menyiarkan berita yang tidak tepat dan palsu dan tidak berasas. Tetapi ini adalah dalam bidang kuasa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk mengambil tindakan sekiranya mereka rasa perlu ambil tindakan. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa jualan 'Buletin Rocket' di pasaran luar? Apakah tindakan yang perlu diambil oleh kementerian kerana 'Buletin Rocket' ini yang dicetak oleh parti DAP untuk ahli-ahli saja. Tetapi saya sentiasa nampak wakil jualan menjual 'Buletin Rocket' di kedai-kedai kopi dan di pasar malam. Sekian terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, buletin parti adalah untuk dijual untuk ahli-ahli saja. Jika mana-mana pihak *political party*, parti politik yang telah jual buletin mereka di pasaran, maka tindakan akan diambil terhadap mereka. Selama ini Kementerian Dalam Negeri memang sentiasa menjalankan pemeriksaan terhadap gerai-gerai dan kedai-kedai yang jual majalah dan surat khabar. Jika didapati ada buletin parti politik kita akan ambil tindakan merampas artikel tersebut. Sekian terima kasih.

7. Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah kakitangan swasta yang dilaporkan kepada PERKESO yang meninggal dunia atau hilang upaya dalam tempoh perkhidmatan dalam tempoh 10 tahun dan tuntutan ilat yang telah dibelanjakan.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pekerja yang meninggal dunia dilaporkan kepada PERKESO sepanjang tempoh 10 tahun yang lepas. Dari tahun 1997 hingga 2006 adalah seramai 54,855 orang. Pecahannya ialah seramai 10,487 orang yang meninggal dunia akibat kemalangan yang melayakkan orang tanggungan dibayar faedah orang tanggungan. Seramai 44,368 meninggal dunia sebelum berumur 55 tahun atas pelbagai sebab yang melayakkan orang tanggungannya dibayar faedah '*pension* merangkap'.

Bilangan pekerja yang ditimpa kemalangan pekerjaan dan mengalami hilang upaya sementara ialah seramai 628,000. Seramai 200 dan empat ribu daripadanya turut mengalami hilang upaya kekal seperti kehilangan fungsi anggota dan sebagainya. Sebanyak RM1.3 bilion telah dibelanjakan oleh PERKESO bagi faedah *pension* ilat untuk tempoh sepuluh tahun ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Mumtaz, selepas itu Tuan Munusamy.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah PERKESO bercadang untuk meminda Akta PERKESO bagi memasukkan pelan

ataupun pengurusan ala takaful dalam PERKESO untuk pekerja-pekerja Islam? Yang kedua, kenapakah PERKESO tidak menghantar penyata tahunan sebagaimana KWSP kepada pencarum? Satu lagi, berapa lamakah prosedur ataupun piagam pelanggan yang dibuat oleh PERKESO untuk menyelesaikan tuntutan untuk meninggal dunia ataupun kemalangan? Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, tentang pertanyaan pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Cadangan itu adalah baik dan akan dikaji oleh PERKESO. Sedangkan pada masa sekarang pun pihak PERKESO sentiasa bekerjasama dengan syarikat-syarikat takaful supaya pelan-pelan kita adalah mengikut cadangan tersebut.

Kedua ini berkaitan dengan laporan tahunan. Sebenarnya pihak PERKESO tidak, bukan. Yang pentingnya ialah kita mesti bagi tahu kepada para pekerja tentang caruman-caruman mereka sama ada telah dibayar oleh majikan ataupun tidak. Untuk mencapai tujuan tersebut PERKESO sedang mengemaskinikan sistem komputer, sistem ICT kita supaya kita bolehlah hantar kepada setiap para anggotanya laporan berkaitan dengan kedudukan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan M. Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, selain daripada faedah ilat dan juga faedah orang tanggungan. Apakah jenis-jenis faedah yang telah ditawarkan oleh pihak PERKESO kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam kemalangan ataupun kematian?

Kedua, apakah *age limit* bagi ahli-ahli PERKESO untuk menerima faedah-faedah ini? Memandangkan bahawa *age limit* bagi pekerja-pekerja sekarang ditambah. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn : Tuan Yang di-Pertua, selain daripada skim-skim yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat, bayaran yang lain juga ada banyak seperti bayaran untuk pengurusan mayat, untuk membayar dengan izin *funeral expenses* dan juga untuk membayar bayaran berkaitan dengan perubatan dan sebagainya. Ia juga untuk anak-anak ahli anggota yang telah layak, pihak PERKESO izin mereka mengambil pinjaman untuk membolehkan mereka menghabiskan pendidikan tinggi mereka.

Soalan berkaitan dengan umur ini, sebenarnya skim PERKESO ini adalah untuk memberi perlindungan kepada para pekerja sehingga mereka bersara. Selepas mereka bersara memanglah mereka tidak layak untuk mendapat perlindungan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Rawisandran ada bangun tadi? Hendak tanya soalan, silakan.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Adakah panel doktor swasta yang memeriksa pesakit kehilangan upaya ingin menjadi keputusan muktamad sebelum kementerian mempertimbangkan kelulusan pesakit ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Kuat sikitlah.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Soalan saya ini, adakah panel doktor swasta yang dilantik oleh Kementerian menjadi keputusan muktamad sebelum Kementerian meluluskan permohonan daripada pesakit ini?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan ini adalah berkaitan dengan sistem peperiksaan, permohonan yang telah dibuat oleh anggota-anggota PERKESO selepas mereka hadapi kemalangan sama ada keputusan yang dibuat oleh panel doktor itu merupakan keputusan yang muktamad.

Sebenarnya pihak Perkeso ada sistem yang lebih lengkap. Selepas mendapat keputusan pihak panel, kalau pihak anggota atau pekerja tersebut tidak puas hati dengan keputusan, dia boleh buat rayuan kepada Jemaah Rayuan dan selepas itu kalau panel rayuan itu telah buat keputusan dan pihak pekerja masih tidak puas hati, dia berhak untuk membuat rayuan kepada Menteri dan Menteri akan merujuk kes tersebut kepada Jemaah Rayuan supaya ia boleh dikaji semula. Kalau pihak pekerja tidak berpuas hati juga, dia boleh cabar keputusan tersebut di mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua: Masih ada lagi ruang untuk mengadu tadi?

Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tuan Fatanah Datuk Haji Ahmad.

8. Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang di ambil oleh Kementerian bagi mengawal kenaikan harga ubat supaya tidak membebankan pesakit terutamanya pesara-pesara kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah untuk mengawal kenaikan harga ubat-ubatan bagi kegunaan *facility* kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan iaitu melalui rundingan harga ubat setiap tiga tahun dengan syarikat konsesi. Dengan cara ini harga ubat-ubatan untuk kegunaan hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan adalah tetap dan dikawal.

Bagi ubat-ubatan yang bukan dibekalkan oleh syarikat konsesi, ianya akan dibeli melalui proses tender. Melalui cara ini harga ubat juga akan ditetapkan dan dikawal. Kementerian juga akan memberikan keutamaan kepada pembelian ubat-ubatan, generik dan ubat-ubatan tempatan kerana harga mereka jauh lebih rendah berbanding dengan ubat berjenama.

Oleh yang demikian, secara tidak langsung ubat-ubatan dapat dibeli dengan harga yang lebih murah dan semua pesakit termasuk pesara-pesara kerajaan boleh memperoleh bekalan ubatan secara percuma dari hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Sekian.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Ir. Hiang A Li dan selepas itu Puan Loga Chitra. Oh Maaf, saya tidak nampak Tuan Fatanah tadi penanya asal soalan. Saya bagi Tuan Ir. Hiang A Li dahulu selepas Tuan Fatanah dan selepas itu Puan Loga Chitra.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Memang banyak jenis ubat telah dibekalkan untuk kegunaan semua hospital kerajaan. Soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah yang diamalkan oleh kementerian untuk memastikan ubat-ubat ini dalam kualiti yang baik dan *genuine* itu. Itulah soalan saya, terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan ubat-ubatan yang kita beli melalui konsesi atau melalui pasaran kita tidak menghadapi masalah berkaitan dengan kualiti kerana semua ubat-ubatan di negara kita kena berdaftar dengan kementerian kita. Ubat-ubatan yang kita beli itu kita akan memastikan ia adalah tulen dan *genuine*. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Fatanah.

Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad: Soalan tambahan saya ialah, tidakkah kementerian bercadang untuk menubuhkan unit pengaduan orang ramai jika terdapat rasa tidak puas hati terhadap hal ubat-ubat dan juga kualiti ubat. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan unit pengaduan ini, Kementerian Kesihatan memang ada unit pengaduan. Jikalau kita ada apa-apa yang tidak berpuas hati kita boleh mengadu kepada semua hospital kita kerana kita memang ada satu unit pengaduan. Kita juga ada satu mekanisme pengaduan di mana semua pengaduan yang kita terima akan disiasat di peringkat hospital sampai ke negeri dan kadang-kadang ia sampai ke pusat iaitu di Kuala Lumpur, ia memang ada satu mekanisme tersendiri. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Loga Chitra.

Puan Loga Chitra a/p M. Govindasamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk memastikan pemantauan dan kawalan diadakan di klinik atau di hospital awam dan swasta agar ubat bagi penyakit yang lazim berlaku di kalangan masyarakat Malaysia seperti penyakit kencing manis, darah tinggi serta penyakit kardiovaskular berada dalam kemampuan masyarakat kita.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan ubat-ubatan yang dijual di dalam pasaran, kita pada masa sekarang tidak ada satu dasar atau polisi yang menyekat harga ubat-ubatan kita, tetapi kita sentiasa memantau harga ubat-ubatan di negara kita supaya ia adalah setaraf kalau dibandingkan dengan negara-negara lain iaitu ia tidak lebih mahal daripada misal kata di negara-negara serantau ini tetapi kita tidak boleh mengatakan bahawa tiap-tiap ubat itu adalah lebih murah atau setanding dengan negara lain kerana ia ada aspek-aspek yang lain seperti kos pengangkutan, kos insurans dan sebagainya. Kita memang ada mekanisme untuk memantau harga ubat-ubatan ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson

9. Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan peranan utama yang dimainkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan untuk membendung pelajar-pelajar sekolah serta pusat-pusat pengajian tinggi yang terlibat dalam gejala penggunaan dadah yang semakin hari semakin merunsingkan.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Agensi Dadah Kebangsaan telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti pencegahan dadah bagi membendung masalah penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar sekolah serta di pusat-pusat pengajian tinggi di bawah strategi pendidikan pencegahan dadah.

Program Antidadah bertujuan untuk memberi pengetahuan mengenai bahaya penyalahgunaan dadah, menanam rasa gerun terhadap bahaya ketagihan dadah dan memberi kemahiran bertindak menolak dadah dan seterusnya mengamalkan hidup sihat tanpa dadah.

Setakat ini program-program pendidikan pencegahan dadah yang dilaksanakan melibatkan pelajar-pelajar sekolah seperti berikut:

- (i) Program intelek asuhan rohani atau PINTAR untuk pelajar sekolah rendah
- (ii) Program intervensi untuk pelajar sekolah menengah
- (iii) Ceramah termasuk tayangan video
- (iv) Kem motivasi
- (v) Pameran
- (vi) Program pendidikan pencegahan dadah melalui pendidikan jasmani dan kesihatan
- (vii) Program pendidikan pencegahan dadah dalam ko-kurikulum baru sekolah menengah
- (viii) Program pendidikan pencegahan dadah di televisyen dan radio
- (ix) Skim lencana Antidadah
- (x) Sekolah anak didik kami

Manakala program pendidikan pencegahan dadah yang dilaksanakan bagi pelajar di pusat pengajian tinggi ialah program Kampus ... yang memberi pengetahuan dan kesedaran kepada pelajar IPT mengenai bahaya dadah dan menjauhi dadah. Antara aktiviti seperti ujian air kencing, berpidato, seminar, bengkel dan lain-lain. Terima kasih.

Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson: Soalan tambahan saya ialah setakat ini berapa orang pelajar dikenal pasti sebagai penagih dadah di sekolah-sekolah mahupun di kolej-kolej dan universiti-universiti.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ia memerlukan statistik jadi saya akan beri secara bertulis. Walau bagaimanapun, program-program yang kita laksanakan setakat ini yang kita lancarkan iaitu pertama sekali program PINTAR ia melibatkan pada peringkat pertama sebanyak 59 buah sekolah dan sekarang di peringkat kedua melibatkan 489 buah sekolah yang melibatkan 162 pelajar. Jadi program-program ini sedang berjalan di sekolah-sekolah. Mengenai itu saya akan beritahu nanti kerana perkara itu agak lari sedikit daripada soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Wan Nordin

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah adakah fungsi Agensi Anti Dadah Kebangsaan dapat mencapai matlamat penubuhannya kerana kita dapati laporan menunjukkan bahawa penagih dadah kian bertambah?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita rujuk balik kepada asas penubuhannya pada tahun 2004:

- (i) memberi pendidikan pencegahan dadah;
- (ii) rawatan dan pemulihan penagih dadah;
- (iii) penguatkuasaan undang-undang dadah;
- (iv) kerjasama antarabangsa; dan
- (v) menasihati menteri mengenai polisi yang berhubung dengan masalah dadah.

Di antara perkara-perkara itu, mengenai rawatan dan pemulihan yang saya rasa ia agak mencabar kerana setakat hari ini dari segi AADK, kita berpuas hati dengan program yang telah kita laksanakan. Umpamanya mengenai rawatan dan pemulihan. Saya sudah beberapa kali memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa apabila mereka berada di pusat-pusat rawatan iaitu di pusat serenti, boleh dikatakan kebanyakan mereka berada dalam keadaan yang baik. Boleh dikatakan kebanyakan dari mereka telah pulih. Tetapi apabila mereka pulang kepada pangkuan masyarakat, apabila masyarakat sukar menerima mereka ini, maka akhirnya mereka ini akan kembali kepada penagihan dadah. Ini masalah yang dihadapi.

Mengenai pendidikan dan sebagainya, benda itu berjalan lancar dan sepertimana yang saya maklumkan tadi berkenaan dengan penguatkuasaan undang-undang, kita tengok sekarang ini memang berjalan dengan baik dan mengenai kerjasama dengan antarabangsa, memang kita ada hubungan yang rapat dengan negara-negara mengenai usaha untuk memerangi dadah ini.

10. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah syarikat GLC pada keseluruhannya dan jumlah syarikat-syarikat GLC yang memainkan peranan mereka dalam khidmat sosial masyarakat dan apakah jenis khidmat sosial yang diberi keutamaan untuk dibiayai oleh syarikat-syarikat ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan senarai di bawah *Putrajaya Committee for GLC High Performance*

(PCG), terdapat 50 syarikat berkaitan kerajaan ataupun GLC. Di bawah program transformasi GLC, semua GLC diwajibkan memberi sumbangan kepada masyarakat seperti yang telah ditetapkan di bawah Buku Perak ataupun *Silver Book* yang dilancarkan pada September 2006. Buku Perak tersebut memberikan garis panduan bagaimana GLC dapat memberi sumbangan secara bertanggungjawab kepada masyarakat dan pada masa yang sama mendapatkan kesan yang positif yang maksimum untuk perniagaan mereka serta masyarakat.

Melalui Buku Perak ini, sumbangan kepada masyarakat telah didefinisikan sebagai suatu aktiviti yang dibuat oleh sesuatu syarikat yang mana objektif utamanya ialah untuk memberi manfaat ataupun faedah kepada masyarakat ataupun kepada kumpulan individu atau komuniti dalam masyarakat tersebut. Sumbangan tersebut secara amnya adalah sukarela ataupun ia dibuat di atas permintaan *stakeholders* ataupun pemegang syer. Dengan adanya Buku Perak ini, Lembaga Pengarah syarikat-syarikat GLC akan menggunakannya sebagai rujukan utama dalam segala hal yang berkaitan dengan program sumbangan kepada masyarakat.

Program ini dijangka akan menetapkan keperluan minimum dalam setiap syarikat GLC dalam menjalankan tanggungjawab sosial. Ini dijangka dapat dilihat pada suku kedua tahun 2007. Keperluan minimum tersebut adalah seperti berikut:

- (i) untuk program yang komprehensif mengenai tanggungjawab sosial serta menyampaikan kepada semua *stakeholders* ataupun pemegang saham;
- (ii) menetapkan belanjawan kewangan untuk program tersebut;
- (iii) menyediakan satu proses bagi mengendali segala permintaan untuk sumbangan; dan
- (iv) melaporkan secara terperinci sumbangan syarikat tersebut dalam menjalankan tanggungjawab sosial kepada PCG, GLIC dan pihak berkuasa yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, Kementerian Kewangan yang menubuhkan syarikat-syarikat milik kerajaan untuk GLC. Apakah benar Kementerian Kewangan ini tidak mempunyai kuasa untuk mengawasi syarikat-syarikat milik kerajaan ini dan berapakah jumlah dari segi peratusan keuntungan syarikat yang dijalankan untuk aktiviti-aktiviti sosial kemasyarakatan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan ini tauke, Tuan Yang di-Pertua. Maknanya Kementerian Kewangan memiliki syarikat-syarikat GLC ini. Contohnya Khazanah. Khazanah di bawah Kementerian Kewangan dan mereka bertanggungjawab kepada Kementerian Kewangan. Tidak benarlah kalau kita katakan Kementerian Kewangan tidak ada kuasa ke atas GLC-GLC ini. Sebab ini ada tuan punya dan tuan punya adalah Kementerian Kewangan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut penetapan yang dibuat di bawah Buku Perak ini semua syarikat GLC telah pun diberi tugas, diberi tanggungjawab untuk membelanjakan sebahagian daripada keuntungan mereka untuk kerja-kerja kemasyarakatan. Ia termasuklah pendidikan, *environment* (alam sekitar) dan juga tantang masalah sosial. Masing-masing mengikut kemampuan masing-masing. Tidak ditetapkan jumlah minimum, tetapi mengikut kemampuan masing-masing. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, dalam hal satu program yang banyak diperkatakan sekarang ini ialah tentang *pilot project*, Projek PINTAR yang dijalankan di Pulau Pinang sebagai perintis.

Ini sebagai permulaan, Tuan Yang di-Pertua. Ini melibatkan 18 GLC dikelolakan oleh Khazanah dan telah mengambil 42 sekolah di Pulau Pinang melibatkan 16,000 pelajar sama ada sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Contoh saya bagi Tuan Yang di-Pertua, Telekom Malaysia (TM) telah *reservekan* peruntukan sebanyak RM400,000 untuk tiga tahun, untuk dua buah sekolah. MAS contohnya akan membelanjakan RM500,000 untuk dua buah sekolah yang telah pun diambil sebagai anak angkat untuk tiga tahun juga. Malaysia Airports Berhad contohnya, pun ada peruntukan mereka dan *TIME Engineering* pun ada peruntukan mereka. Ini berbeza-beza mengikut kemampuan syarikat masing-masing, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Puan Mumtaz.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian mempunyai sebarang polisi untuk mengkategorikan khidmat sosial yang akan ditawarkan oleh GLC masing-masing bagi memastikan khidmat sosial yang diberikan itu lebih terurus dan efektif sebagaimana yang dibuat oleh Lions Clubs. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya telah jawab tadi dalam jawapan tadi bahawa ada garis panduan dalam Buku Perak (*Silver Book*) ini. Ada garis panduan di situ. Sebenarnya ia dilancarkan pada September 2006 dan syarikat masing-masing hendaklah menyediakan peruntukan masing-masing untuk *fiscal year* tahun hadapan, 2007. Mereka telah ada sediakan dan ada sistem pelaksanaan khidmat masyarakat ini. Ada sistemnyalah. Yakni merancang, kemudian menyedia peruntukan, melaksanakan dan membuat laporan semula. Maknanya telah pun ditetapkan garis panduannya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

11. Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan apakah keberkesanan Kempen Budi Bahasa yang dilancarkan oleh kerajaan pada tahun lalu.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia iaitu KeKKWa telah mengadakan kajian Kempen Budi Bahasa melibatkan seramai 8,874 orang. Manakala responden telah memberikan maklum balas berkaitan Kempen Budi Bahasa dan nilai-nilai murni mengikut pembahagian jantina, bangsa, umur dan pekerjaan. Antara faktor yang diguna pakai

dalam indeks budi bahasa adalah menyentuh kesedaran ke atas wujudnya kempen tersebut dan kefahaman masyarakat kita tentang Perkara 47, nilai-nilai murni yang telah ditetapkan. Daripada maklum balas tersebut, didapati 71% responden menyatakan keberkesanan Kempen Budi Bahasa dan nilai-nilai murni manakala 29% responden lagi menyatakan sebaliknya. Kesimpulan ini menunjukkan Kempen Budi Bahasa dan nilai-nilai murni tahun 2006 adalah berjaya dan mencapai matlamatnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M. Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan bahawa respons yang positif adalah 71% dan Kempen Budi Bahasa yang dilancarkan itu begitu berjaya, adakah kementerian bercadang untuk melanjutkan kempen ini ke peringkat daerah dan juga di peringkat mukim-mukim? Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kempen ini akan merangkumi semua masyarakat di Malaysia dan segenap lapisan dan kita ada program untuk empat sasaran kita iaitu institusi kekeluargaan, institusi kemasyarakatan, institusi pembelajaran dan institusi perkhidmatan. Program ini akan diteruskan sehingga tahun 2010. Sekian, terima kasih.

Datuk Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada KeKKWa atas usaha murni dalam mewujudkan satu masyarakat yang berbudi bahasa. Memandangkan baru-baru ini, Ahli-ahli Parlimen tertentu, begitu tidak arif dengan apanya kesopanan dan kesusilaan seperti mengaitkan kebocoran dengan manusia insan, maka sama ada KeKKWa akan menganjurkan kursus tertentu kepada Ahli-ahli Parlimen tertentu tentang kesopanan dan kesusilaan sejajar dengan hasrat kementerian. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Gooi Hoe Hin. Saya rasa Yang Berhormat maksudkan iaitu keluaran perkataan-perkataan yang begitu kesat di Dewan Rakyat baru-baru ini. Saya sebagai seorang insan yang kamil, tidak boleh terima dan juga saya rasa Barisan Nasional pun juga tidak boleh terima perangai orang yang berulang-ulang kali [*Tepuk*] menjatuhkan dan merosakkan imej Barisan Nasional. Saya sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah berbincang dengan menteri saya dan saya sendiri rasa sebagai seorang anggota Barisan Nasional akan menulis kepada Pengerusi Barisan Nasional iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Pak Lah tentang kes-kes ini sebab kita tidak hendak tengoklah.

99% wakil rakyat dan juga anggota-anggota Barisan Nasional adalah insan yang baik tetapi "sebab nila setitik, rosak susu sebelanga". [*Tepuk*] Ini tidak boleh berterusan, "seekor kerbau berlumpur terpalit sekawanan". Kita kena, bukan mereka kerana sudah berulang-ulang kali. Bagaimana mereka berdepan dengan keluarga mereka, emak mereka – padahal kelmarin adalah Hari Ibu – isteri mereka, anak perempuan mereka, kakak dan adik mereka. Saya amat

kecewa. Saya sedikit *bad mood*lah tentang ini sebab rosaklah kita punya Kempen Budi Bahasa, rosaklah program Pak Lah tentang modal insan yang kelas pertama.

So saya haraplah kita sebagai wakil rakyat, kita di barisan depan sentiasa prihatin tentang tingkah laku kita, tentang pertuturan kita, tentang manusia dan khususnya kepada kaum wanita yang kita semua sanjung dan semua kasihi. Sekian, terima kasih.

12. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta Menteri Pelancongan menyatakan apakah benar dakwaan orang ramai bahawa promosi Tahun Melawat Malaysia (TMM 07) tidak menepati sasaran kerana kelemahan publisiti dan bahan bercetak di samping kurang mendapat sokongan terutamanya daripada Penerbangan Malaysia (MAS) yang melakukan penerbangan ke luar negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]:
Tuan Yang di-Pertua, jawapannya agak panjang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak boleh. Ringkaskan tidak apa.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, Kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pelancongan, destinasi percutian terunggul di dunia. Bagi mencapai hasrat ini, aktiviti promosi serta pemasaran pelancongan yang telah dan akan diadakan secara agresif dan besar-besaran. Kempen ini juga bertujuan untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke Malaysia serta menggalakkan pelancong untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih di Malaysia.

Kementerian Pelancongan telah mensasarkan seramai 20.1 juta pelancong asing akan melawat negara ini sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 dan berdasarkan jumlah ketibaan tersebut dan wang asing yang bakal diperolehi daripada industri pelancongan adalah dianggarkan berjumlah RM44.5 bilion. Kementerian Pelancongan berpendapat bahawa dakwaan orang ramai bahawa promosi Tahun Melawat Malaysia tidak menepati sasaran kerana kelemahan publisiti dan bahan cetak di samping kurang mendapat sokongan terutamanya daripada Penerbangan Malaysia atau MAS adalah tidak benar sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan telah diperuntukkan sebanyak RM330 juta bagi tahun 2006 dan RM335 juta bagi tahun 2007 untuk mempromosikan Tahun Melawat Malaysia 2007 secara besar-besaran. Selain daripada usaha-usaha promosi dan gerakan pelancongan di luar negara, sebahagian besar daripada peruntukan tersebut dibelanjakan menerusi kempen pengiklanan di sebelah segmen pasaran. Segmen-segmen pasaran yang dimaksudkan ialah pasaran Asia Timur, Asia Utara, Asia Barat, Asia Selatan, Asian, Amerika Utara, Eropah, China serta termasuk pasaran domestik, MICE iaitu Meeting Incentives Conventions and Exhibitions dan pengiklanan acara-acara khas.

Kempen pengiklanan tersebut adalah meliputi media elektronik, media cetak, periklanan luaran, periklanan *online*, periklanan praktikal dan aktiviti promosi bersama dengan Penerbangan Malaysia atau MAS.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Setiausaha Agung UNCTAD atau *United Nation Conference on Trade and Development* pada 15 Mac 2007 telah memberikan pujian terhadap laman web *Tourism Malaysia* pada satu persidangan di Kota Kinabalu, Sabah. Beliau menyebut bahawa laman web *Tourism Malaysia* adalah contoh terbaik sebagai model *e-tourism* oleh Badan Bangsa-bangsa Bersatu. Laman web tersebut juga menerima 12.3 juta pengunjung setiap bulan.

Di samping itu juga Malaysia telah terpilih sebagai salah satu destinasi terbaik di dunia melalui kajian yang dijalankan oleh majalah *Global Travelers* pada Februari hingga Ogos bulan lepas. Malaysia telah terpilih di antara lokasi-lokasi lain yang terkenal seperti Hawaii, Bali, Singapura, Hong Kong, Itali, Phuket, Afrika Selatan, Fiji dan Australia. Hasil kajian tersebut telah dikeluarkan pada isu bulan Januari 2007. Ini menunjukkan bahawa kempen-kempen pengiklanan yang dijalankan telah berjaya dalam mencapai sasaran dan objektif Tahun Melawat Malaysia 2007.

Selain daripada itu, *Tourism Malaysia* juga telah memenangi beberapa anugerah peringkat antarabangsa melalui iklan-iklan yang dihasilkannya. Di antaranya adalah seperti berikut:

- (i) Tahun 2006 *ITB Berlin Award*, sudah dapat *gold* untuk *Malaysia Now Global Online Campaign*, kita dapat *silver* untuk "*The Time Is Now, The Place Is Malaysia*" ini dalam *60 second TV commercial*;
- (ii) Februari 2006, *Asia Marketing Effectiveness Award* dan dapat *silver*, *Best Long Term Marketing and Planning Campaign*;
- (iii) Mac 2006, *Rempata Gold Award*, Malaysia dapat *gold* untuk *Tourism Malaysia website*.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi publisiti dan promosi dalam bentuk bahan-bahan bercetak. *Tourism Malaysia* telah mencetak dan mengedarkan sejumlah 16,522,000 keping risalah-risalah yang diterbitkan khusus untuk promosi Tahun Melawat Malaysia 2007 dari awal tahun 2006 sehingga April 2007. Dalam risalah-risalah yang telah dicetak dan diedarkan adalah *VMY announcement brochure* dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, *Calendars Of Event 2007* dalam bahasa Inggeris, *15 Major Events 2007* dan *Spectacular Showcase of 15 Major Events and Festival* dalam bahasa Inggeris, bahasa Malaysia, bahasa Thai, bahasa Jepun, bahasa Arab, bahasa Italy dan bahasa Mandarin.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

VMY 17 State Highlight dalam bahasa Inggeris, bahasa Malaysia, Thai, Italy dan juga Mandarin. Risalah-risalah tersebut telah diedarkan ke seluruh dunia melalui pejabat-pejabat *Tourism Malaysia* dalam dan luar negeri, pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia luar negara, kementerian-

kementerian, agensi-agens kerajaan dan swasta seperti agensi pelancongan pihak hotel dan sempurna pelbagai aktiviti seluruh negara.

Bersempena dengan pelaksanaan kempen Tahun Melawat Malaysia 2007 ini, Kementerian Pelancongan akan terus memantau dan meningkatkan lagi usaha-usaha promosi pelancongan yang agresif dari masa ke semasa bagi menggalakkan dan meningkatkan jumlah ketibaan pelancong asing ke Malaysia sekali gus meningkatkan jumlah pendapatan negara, sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid, Tuan Lee Chee Keong.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah promosi setakat ini yang telah dibelanjakan oleh Kementerian Pelancongan berbaloi dengan kehadiran para pelancong asing dan mencapai matlamatnya, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Senator. Tadi saya telah jawab tentang peruntukan yang kita akan belanja untuk tahun ini iaitu untuk tahun 2006, kita telah belanja RM330 juta dan untuk tahun 2007 kita belanja RM335 juta. Dari segi sasaran yang kita capai, buat masa ini kita hanya ada angka sampai bulan Februari. Kita dapat angka ini dari Jabatan Imigresen dan kita harap boleh dapat angka untuk bulan Mac tahun ini. Dari angka yang kita ada untuk dua bulan yang lepas iaitu Januari dan Februari, kita telah nampak ada kenaikan sebanyak 9.3% pelancong asing datang ke Malaysia. Ini memang telah menunjukkan satu angka yang baik untuk kita.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah benar rungutan pelancong, dari negara ASEAN dan rakyat kita sendiri bahawa ketidaktepatan masa dan kelewatan melampau penerbangan tambang murah menyebabkan mereka serik, tambangnya memang murah sampai RM9.90, susah dapat tempat duduk dan selalu sahaja lewat. Apakah mungkin ia juga menjejaskan promosi Tahun Melawat Malaysia, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat prihatin dengan isu pelancongan. Memang kita ada satu jawatankuasa untuk menghadapi masalah untuk kemudahan masuk isu-isu pelancong asing dan ahli jawatankuasanya adalah dari pihak Kementerian Pengangkutan, pihak MAS, Air Asia, polis, Jabatan Imigresen, Kastam, JPJ, MAB dan juga *tour operator* macam MATTA dan sebagainya, Sabah, Sarawak *Tourism Board*. Kita memang ada bincang mengenai isu-isu seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat iaitu tambang-tambang yang kita nampak ada kelewatan. Pertama sekali Air Asia dan memang kita tahu, kita buat satu kajian, untuk tahun lepas, mereka memang hadapi masalah kekurangan *air craft* dan kita diberitahu bahawa mereka bahawa angka yang kita dapat lewat dari lebih dari satu jam dan 19%, itu angka yang besar dan MAS hanya 6%, *but* saya diberitahu bahawa, tahun ini

mereka telah ada buat perubahan yang baik dan kita memang haraplah mereka teruskan dan kita memang memerlukan *airlines* untuk membantu kita dalam promosi pelancongan ini.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, di sebelah kiri kita nampak banyak promosi dan perbelanjaan telah kita salurkan untuk Tahun Melawat Malaysia (TMM), di sebelah kanan kita banyak dengar promosi tentang MM2H (Malaysia *My Second Home*) dengan izin. Tetapi, saya tidak nampak kesinambungan antara TMM dengan MM2H. Jadi saya ingin tahu apakah usaha kementerian semasa mempromosikan TMM ini kita sematkan MM2H ini dalam promosi kita, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Untuk makluman Yang Berhormat, seperti Yang Berhormat sedia maklum, memang ada program MM2H di bawah Kementerian Pelancongan dan kita telah memberi arahan kepada pegawai kita. Mereka apabila melawat ke negara luar untuk membuat promosi pelancongan. Mereka mesti membawa pegawai yang bertanggungjawab dalam MM2H ini dan kita telah lantik seramai 156 *agents* untuk MM2H. Mereka pun boleh ikut menteri atau timbalan menteri atau ketua pengarah atau KSU yang ada *delegation* untuk promosi dan mereka pun boleh ikut. Memang ada kaitan dan kita pun telah memberi satu taklimat kepada semua *ambassador* kita di luar negara dan kita haraplah mereka pun boleh bantu kita dalam hal ini.

13. Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah-langkah bagi menjadikan Malaysia pangkalan pelaburan di kalangan negara-negara Islam dari seluruh dunia dan berapa banyak pula kemasukan modal negara-negara Islam ke Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang yang perlu dijawab pada 15 Mei 2007 kerana kedua-dua soalan ini berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan secara berterusan berusaha untuk menambah baik iklim pelaburan negara bagi menarik para pelabur termasuk pelabur dari negara-negara Islam di Timur Tengah dan negara-negara Eropah ke Malaysia. Bagi menarik pelaburan jangka masa panjang, kerajaan melalui Pelan Induk Perindustrian Ketiga atau IMP3 telah menggariskan beberapa teras strategik:

- (i) mengambil pendekatan yang lebih fokus seperti penubuhan Taman Teknologi khusus dan proses membuat keputusan yang lebih cepat dalam persaingan global bagi mendapatkan pelaburan langsung asing atau FDI;
- (ii) meningkatkan tahap daya saing dan produktiviti sektor perkilangan dan perkhidmatan;

- (iii) memastikan industri mentah mendapat faedah daripada perjanjian perdagangan dua hala serantau dan pelbagai hala seperti Skim Keutamaan Tarif yang melibatkan 16 negara OIC dan juga perjanjian keutamaan perdagangan di antara negara D8 terdiri daripada lapan negara Islam termasuk Malaysia;
- (iv) mempelbagaikan subsektor perkhidmatan yang berpotensi bagi pelaburan dan eksport misalnya industri pembinaan dan juga pembuatan;
- (v) meneruskan liberalisasi dasar ekuiti yang progresif dalam sektor perkhidmatan;
- (vi) menjadikan iklim pelaburan lebih kondusif termasuk sokongan institusi dan infrastruktur.

Selain daripada itu, program spesifik bagi menarik pelaburan asing turut dirangka.

Antaranya:

- (i) Menganjurkan Misi Perdagangan dan Pelaburan ke negara yang mempunyai teknologi tinggi dan strategik. Pada tahun ini, Misi Perdagangan dan Pelaburan ke negara Emiriah Arab Bersatu atau UAE, Bahrain dan Arab Saudi telah diadakan dari 21 hingga 31 Mac 2007. Manakala misi perdagangan dan pelaburan ke Netherlands Denmark dan Sweden sedang diadakan iaitu dari 5 hingga 15 Mei 2007;
- (ii) menganjurkan *Specific Industry Seminar* dengan izin bagi industri-industri yang berpotensi di negara yang dikenal pasti seperti industri mesin dan peralatan di Jerman dan industri makanan dan perubatan bioteknologi di Perancis;
- (iii) menganjurkan *Specific Project Mission* dengan izin di dalam sesuatu sektor berpandukan kekuatan negara tersebut di dalam industri yang dikenal pasti;
- (iv) menganjurkan program *round table meeting* dengan izin bersama industri di bandar-bandar yang tidak dapat dikunjungi oleh Misi Perdagangan dan Pelaburan; dan
- (v) memperkenalkan polisi liberal untuk jawatan asing di mana syarikat-syarikat milik rakyat Malaysia diberikan kelulusan untuk jawatan asing secara automatik seperti mana yang dipohon. Umpamanya untuk jawatan teknikal termasuk jawatan untuk R&D. Bagi tempoh 2001 hingga 2006, jumlah pelaburan langsung asing dari negara timur tengah bernilai RM5 bilion dalam projek yang mempunyai nilai ditambah tinggi atau *high value added* dengan izin. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tak minat ke Yang Berhormat menjemput pertanyaan tambahan?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Saya ingin habiskan dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Di sini tak ada pertanyaan sangat. Terima kasih. Yang Berhormat jemput pun dia orang tak ada nak tanya soalan.

14. Tuan Lee Chee Keong minta Menteri Pelajaran menyatakan dasar Kementerian dalam menentukan jenis dan jumlah buku-buku latihan tambahan yang dibenarkan di sekolah-sekolah rendah dan tindakan tata tertib yang akan dikenakan kepada guru-guru besar yang memaksa murid-murid membeli buku-buku latihan yang berlebihan.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengeluarkan arahan yang spesifik mengenai penggunaan buku kerja atau buku latihan melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/2000 - Penggunaan Buku Kerja di Sekolah Rendah bertarikh 3 Februari 2000. Surat Pekeliling tersebut melarang penggunaan semua buku kerja bagi murid-murid Tahap Satu kerana buku latihan aktiviti telah disediakan oleh Bahagian Buku Teks.

Bagi murid-murid Tahap Dua, hanya satu judul buku kerja sahaja dibenarkan untuk setiap mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Bahasa Cina atau Bahasa Tamil. Guru tidak boleh menggunakan buku kerja sepenuhnya semasa mengajar bagi menggantikan buku teks, tetapi ianya lebih sebagai sumber latihan tambahan. Buku kerja tidak digalakkan digunakan pada awal tahun. Guru besar yang tidak mematuhi arahan ini boleh diambil tindakan mengikut peraturan yang sedia ada. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dibenarkan satu pertanyaan tambahan sebab saya ingin bereskan hingga pertanyaan nombor 17.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada jawapan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri kita. Tetapi pada hakikatnya kita nampak banyak buku latihan dijual beli di sekolah, terutamanya di sekolah-sekolah SJKC. Walau bagaimanapun, kita nampak tidak banyak tindakan diambil terhadap guru-guru atau guru besar sampai memaksa ibu bapa membeli buku latihan. Jadi saya ingin tahu...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi itu cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini kena tengok daripada dua aspek. Yang pertama, kemungkinan PIBG. Sebab PIBG juga memang dibenarkan untuk membuat apa-apa aktiviti yuran tambahan untuk meninggikan kualiti pendidikan di sesuatu sekolah tersebut. Tapi semua aktiviti ini mesti dimaklumkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri. Jika ada mana-mana guru melanggar peraturan-peraturan ini seperti yang saya nyatakan, kita boleh ambil tindakan. Masalahnya sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kita banyak mendengar rungutan di dalam akhbar ataupun di mana-mana. Ini tidak memadai untuk kita mengambil

tindakan. Jadi jika ada spesifik kes, kita akan turut siasat dan kita akan ambil tindakan kepada guru-guru yang melanggar arahan ini. Terima kasih.

15. Datuk Gooi Hoe Hin minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan rundingan dengan Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) telah gagal atau dihentikan dan apakah tindakan susulan yang akan diambil supaya konsesi ini adalah seimbang dan munasabah kepada Tenaga Nasional Berhad.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah bersetuju pada Mei 2006 supaya Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi mengadakan rundingan semula dengan pihak penjana-penjana bebas IPP. Dengan ini bertujuan untuk mengurangkan cas kapasiti yang perlu dibayar oleh TNB kepada IPP bagi memastikan sektor tenaga negara kekal mampan.

Lanjutan daripada itu, kementerian ini telah berusaha dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan menetapkan asas-asas dan hala tuju rundingan memandangkan terdapat perbezaan pendapat mengenai asas-asas rundingan semula dan pendekatan yang boleh digunakan, satu perjumpaan telah diadakan dengan lima IPP generasi pertama iaitu YTL Power Generation, Genting Sanyin Power, Segari Energy Ventures, Power Tech Berhad dan PD Power Berhad untuk mendapatkan pandangan mereka terhadap perkara tersebut.

Susulan kepada perjumpaan tersebut, pihak IPP telah mengemukakan cadangan masing-masing. Walau bagaimanapun, analisis ke atas cadangan-cadangan yang dikemukakan menunjukkan bahawa ia tidak menguntungkan kerajaan atau TNB dalam jangka masa panjang. Dalam masa yang sama, usaha kerajaan untuk mengurangkan keuntungan IPP telah memberikan implikasi-implikasi yang negatif ke atas pasaran saham negara dan pelaburan oleh sektor swasta dalam bidang tenaga. Oleh itu, kerajaan telah membuat keputusan untuk mengkaji semula isu ini agar pendekatan yang digunakan tidak akan menjejaskan ekonomi negara. Terima kasih.

16. Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan kesan yang akan timbul apabila PTPTN (Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional) memperketat prosedur pemberian pinjaman termasuk mewajibkan semua peminjam menyediakan penjamin.

Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya amat berterima kasih kepada Tan Sri kerana memberi peluang kepada saya untuk menjawab soalan 16. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini, ibu bapa kepada anak yang membuat pinjaman kepada PTPTN ataupun Tabung Pendidikan Tinggi Nasional tidak perlu mengambil sesiapa pun sebagai penjamin. Bermula tahun ini, setiap peminjam akan dikehendaki untuk mengadakan penjamin dan penjamin itu ialah ibu bapa mereka sendiri. Tujuan langkah ini diambil ialah kita dapati sebelum ini ada ibu bapa yang tidak

mengetahui pun bahawa anak mereka telah meminjam daripada PTPTN, apatah lagi hendak menasihati anak mereka membayar balik pinjaman.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, sebahagian besar sumber kewangan PTPTN adalah daripada hutang yang diambil oleh kerajaan daripada pihak KWSP. Hutang perlu dibayar kerana bila pelajar-pelajar tidak membayar hutang kepada PTPTN, maka sudah pasti kerajaan akan menghadapi masalah yang sukar. Oleh yang demikian,

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bermakna di sini pelajar berhutang kepada pekerja?

Dato' Mustapa Mohamed: Pelajar berhutang *indirectly* lah Tuan Yang di-Pertua. Sebahagian besar sumber kewangan adalah daripada KWSP. Oleh itu, maka pinjaman tersebut perlu dibayar. Oleh hal demikian, kerajaan perlu memastikan bahawa peminjam-peminjam mengadakan penjamin sebelum mendapat pinjaman. Tindakan diambil supaya ibu bapa tahu tentang pinjaman yang diambil oleh anak-anak mereka. Supaya mereka dapat bagi nasihat anak mereka membayar balik, supaya ibu bapa juga menasihati anak mereka belajar bersungguh-sungguh dan menghabiskan pengajian yang mereka ikuti.

Setelah segala ruang diberikan dan pelajar masih belum dapat membayar ataupun ingkar untuk membayar maka tindakan undang-undang terpaksa diambil oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin kemudian Tuan M. Munusamy.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, bolehkah penjamin tidak dikenakan apa-apa tindakan jika peminjam tidak menjelaskan pinjaman ini? Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan khususnya pihak PTPTN akan mengambil setiap langkah yang perlu sebelum tindakan diambil terhadap penjamin iaitu bapa. Biasanya peminjam iaitu pelajar akan bertimbang rasalah kalau mereka hendak jaga maruah ibu bapa mereka maka mereka harus membayar dan kalau mereka tidak mampu ataupun ada hal-hal tertentu mereka boleh mendapat pengecualian untuk tempoh tertentu daripada pihak PTPTN dan banyak kes di mana pihak tabung telah memberi kelonggaran kepada pelajar berkenaan yang penting kita mahu pelajar-pelajar supaya memberi maklum balas kepada pihak tabung.

Banyak kes Tuan Yang di-Pertua di mana kira-kira 80%, lebih 80% daripada pelajar yang menghadapi masalah ini apabila ditulis surat mereka tidak pun membalas balik surat daripada pihak tabung. Jadi kita harap ibu bapa akan menasihati anak-anak mereka, jawablah surat yang dihantar dan yang penting bayarlah, ringkasnya Tuan Yang di-Pertua kita akan memastikan bahawa segala tindakan yang perlu telah diambil sebelum tindakan lanjut iaitu tindakan undang-undang akan diambil terhadap ibu bapa berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan M. Munusamy.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, penjamin iaitu ibu bapa para pelajar perlukah mengikut syarat-syarat tertentu seperti pendapatan tertentu sebelum menjadi penjamin? Terima kasih.

Dato' Mustapa Mohamed: Dari syarat yang dikenakan Tuan Yang di-Pertua semua ibu bapa tanpa mengira tahap pendapatan layak menjadi penjamin dan bagi mereka yatim piatu dikecualikan, tidak ada emak tidak ada bapa dikecualikan daripada menyediakan penjamin.

17. Tuan Ir. Hiang A Li minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah keberkesanan Program Ops Sikap dan Ops Statik dalam usaha kementerian mengurangkan kadar kematian di jalan raya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator yang mengemukakan soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, Ops Statik atau Ops Sikap merupakan salah satu inisiatif atau program kempen bersepadu keselamatan jalan raya yang diadakan semasa musim perayaan. Ops Statik mula dilaksanakan sejak tahun 1997 sehingga tahun 2001 di mana ops ini kemudiannya telah dikenali sebagai Ops Sikap sehingga sekarang. Tujuan Ops Sikap ini adalah bagi mengatasi masalah kemalangan dan kematian di jalan raya semasa musim perayaan.

Sebelum Ops Statik dan Ops Sikap dilaksanakan jumlah kematian semasa musim perayaan telah mencecah kepada 321 kematian. Namun selepas Ops Sikap dilaksanakan jumlah kematian telah dapat dikurangkan. Sebagai contoh semasa Ops Sikap 12, 2007 dijalankan sempena Tahun Baru Cina bagi tempoh masa bermula dari 11 sehingga 25 Februari 2007, terdapat penurunan kes kemalangan maut iaitu daripada 205 kes semasa Ops Sikap ke 10 kepada 192 kes kemalangan maut pada Ops Sikap ke 12. Selain daripada itu bilangan kematian yang berpunca daripada kemalangan jalan raya juga telah mengalami penurunan di mana 226 kes kematian dicatatkan semasa Ops Sikap 10 telah berkurangan kepada 207 kes pada Ops Sikap ke 12.

Ini menunjukkan angka kemalangan maut telah menurun sebanyak 13 kes dan jumlah kematian juga telah menurun sebanyak 19 kes semasa Ops Sikap 12. Penurunan ini adalah *significant* jika dibandingkan dengan jumlah kenderaan yang bergerak di atas jalan raya pada musim perayaan yang dianggarkan dua kali ganda berbanding dengan hari-hari biasa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat kita telah berlarutan masa, masa cukup, terima kasih. Tuan Ir. Hiang A Li lah, satu.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Walaupun nampak ada penurunan kes maut dalam kemalangan tetapi banyak lagilah saya nampak. Jadi adakah kementerian mencadangkan tindakan yang susulan yang lebih berkesan atau lebih keras dalam untuk memperbaiki keadaan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita sentiasa akan berusaha bahkan pada hari ini kita telah mewujudkan satu institut untuk memberi orang kata kefahaman kepada pengguna-pengguna jalan raya kita pada hari ini dan kita juga adanya Jabatan Keselamatan Jalan Raya yang telah kita adakan sejak dalam masa beberapa tahun ini dan kita akan turun ke negeri-negeri dan ke daerah-daerah untuk memastikan penurunan yang mendadak akan dapat kita lakukan bahkan perkara ini amat serius kerana kematian di jalan raya begitu meningkat walaupun kita tahu dari segi kenderaannya bertambah pada tiap-tiap tahun bahkan kita ada 15 juta kenderaan yang bergerak di jalan raya kita pada hari ini.

Sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebenarnya Pengerusi kepada Jawatankuasa Keselamatan Jalan Raya bagi seluruh negara. Ini menunjukkan betapa seriusnya pandangan kita kementerian terhadap keselamatan jalan raya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, masa cukup.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong,” demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen yang Kesebelas”. **[10 Mei 2007]**

11.57 pg.

Tuan Majid bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung ucapan menjunjung Titah Diraja. Tuan Yang di-Pertua, banyak pihak yang merasakan hubungan etnik masih lagi rapuh dalam dimensi-dimensi tertentu. Oleh itu usaha mengukuhkan hubungan antara etnik secara holistik adalah amat mencabar. Alasan retorik dan simbolik semata-mata hanya akan menghasilkan impak yang sungguh kecil sahaja. Sebarang tindakan memupuk dan

memperkasa hubungan antara etnik harus bersandarkan teras yang telah dibina oleh arkitek negara yang terdahulu iaitu Rukun Negara dan Perlembagaan.

Ini adalah kerana iltizam masyarakat yang berteraskan Rukun Negara dan semangat Perlembagaan mampu membentuk masyarakat yang utuh moralnya, kental kerohaniannya, mantap emosi dan mentalnya dan gagah fizikalnya. Tujuannya ialah masyarakat yang memiliki sifat-sifat sedemikian dan mampu mewujudkan hubungan harmoni antara satu sama lain dalam ikatan perpaduan. Matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya asas-asas fizikalnya tidak dilengkapi terlebih dahulu. Antara aspek-aspek fizikal yang mendasari binaan hubungan antara etnik ialah:

- (i) Memperbetulkan kedudukan sosioekonomi masyarakat agar ia menjadi lebih seimbang, masyarakat yang seimbang dan mempermudah jalinan kerjasama.
- (ii) Melalui pendidikan, pihak kerajaan perlu menyerapkan pembelajaran kontrak sosial dalam kurikulum di semua peringkat pengajian. Disebabkan kurang penekanan aspek-aspek kontrak sosial dalam kurikulum pembelajaran sekarang maka kesefahaman yang wujud sekarang adalah tidak mendalam. Aspek kontrak sosial yang perlu ditekankan ialah dari segi kesejahteraan khususnya persetujuan yang telah dicapai semasa tuntutan kemerdekaan sebagaimana semangat yang termaktub dalam perlembagaan sekarang.
- (iii) Media perlu bertindak memaparkan program yang dapat memupuk perpaduan etnik. Pihak media perlu mendedahkan kepada semua masyarakat tentang kepentingan menjaga sensitiviti setiap etnik supaya keharmonian hubungan etnik dapat dikekalkan secara berterusan. Sehubungan dengan itu, media arus perdana elektronik dan cetak yang menjadi tatapan umum harus memperuntukkan ruang yang strategi bagi mempromosikan agensi perpaduan ini; dan
- (iv) pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan secara langsung menangani isu ini khususnya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional bagi setiap negeri perlu diperkasakan lagi dengan mewujudkan Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Bahagian ini boleh berfungsi untuk memantau dan menilai keberkesanan program-program hubungan etnik yang dianjurkan oleh kerajaan dan juga masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin agaknya itu sebab tiap-tiap hari di titik-titik permulaan kita bersidang, kita panjatkan doa yang mengandungi ungkapan tadbir, muslihat, masyarakat dan pergaulan. Tiap-tiap hari, sebelum kita bersidang, kita panjatkan doa semoga Tuhan tolong kita dalam mentadbir, muslihat, masyarakat dan pergaulan.

Tuan Maijol bin Mahap: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersetuju dengan itu. Itizam yang berterusan oleh pihak kerajaan di samping sokongan pihak masyarakat merupakan gandingan perkongsian bijak dan merupakan formula utama mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan nasional yang masih merupakan cabaran besar bagi Malaysia. Perpaduan masih boleh diertikan sebagai suatu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat dapat membentuk suatu identiti dan nilai bersama serta perasaan cinta dan banggakan tanah air.

Oleh yang demikian, saya berharap kerajaan akan menumpukan perhatian terhadap usaha berterusan untuk mengeratkan perpaduan antara semua golongan masyarakat Malaysia.

Saya memang sedar bahawa Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Sabah telah membuat banyak usaha ke arah memajukan negeri Sabah dari segi ekonomi, menyediakan kemudahan-kemudahan sosial dan memperkasakan pemikiran rakyat agar lebih aktif dalam kegiatan sosioekonominya. Setelah membentuk perpaduan kaum ...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Maijol bin Mahap: Silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi ada menyebut tentang kefahaman terhadap sosial kontrak. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tentang masalah sosial kontrak ini lebih banyak kurang difahami oleh generasi muda sekarang ini ataupun generasi yang lahir sebelum merdeka lagi. Mana yang lebih teruk sebenarnya dari segi kefahaman tentang sosial kontrak ini?

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih Yang Berhormat. Saya merasakan bahawa sosial kontrak ini harus difahami oleh semua lapisan masyarakat tetapi dalam masa yang sama saya merasakan juga bahawa yang kurang memahaminya dalam kumpulan yang muda atau generasi muda sebab mereka kurang memikirkan ataupun kurang mengerti ataupun kurang membaca dan sebagainya. Itu pendapat saya Yang Berhormat.

Datuk Jins Shamsudin: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat sekiranya kita buat sebuah filem khusus tentang sosial kontrak.

Tuan Maijol bin Mahap: Saya sebenarnya memang minat tengok filem-filem ini. Apa yang disarankan oleh Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, saya rasa baik dalam pandangan saya. Kalau ada usaha begitu, saya setuju, baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari hakikat tersebut, kerajaan berusaha membentuk perpaduan kaum di negara Malaysia agar Malaysia mampu maju seiring dengan negara lain di dunia selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengeratkan dan merapatkan hubungan silaturahim di kalangan negara-negara yang dipisahkan oleh Laut China Selatan. Saya mahu melihat lebih ramai anak-anak tempatan kita dari Sabah diserapkan masuk dan seterusnya dilatih agar

memegang jawatan-jawatan utama dalam jabatan-jabatan Persekutuan terutamanya sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik.

Proses integrasi ini adalah penting kerana ia merupakan proses bagi mewujudkan identiti nasional di kalangan kumpulan-kumpulan yang terpisah dari segi kebudayaan, sosial dan lokasi dalam sesuatu... [Masalah rakaman] Oleh yang demikian, saya secara jujur menaruh harapan supaya kerajaan akan melipatgandakan usaha dengan memperbanyakkan dan mempelbagaikan program pembangunan insan di kalangan rakyat di Sabah, membina kekuatan mental, fizikal dan rohani.

Usaha akan dipertingkatkan dan kemudahan akan ditambah untuk menambahkan anak Sabah yang dapat menguasai sains dan menguasai teknologi supaya sumber bekalan tenaga profesional bumiputera Sabah terus terjamin. Saya juga berharap dengan keberkesanan RMK-9, belia-belia di negeri Sabah khususnya yang berasal dari luar bandar dan bumiputera minoriti diberi peluang yang luas untuk memasuki Institut-institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), institut-institut latihan kemahiran yang diberi biasiswa dan bantuan kewangan untuk mendapat latihan baik di dalam mahupun di luar negeri.

Perpaduan dan hubungan etnik bergantung pada keseluruhan masyarakat Malaysia kerana dasar dan program aktiviti hanya akan berjaya jika masing-masing memiliki keinsafan dan iltizam yang tinggi untuk merealisasikan pembentukan masyarakat Malaysia yang berilmu, berkemahiran dan berkeupayaan tinggi menjelang tahun 2020. Minoriti bumiputera perlu dibebaskan daripada status kemiskinan, dilengkapi dengan kemahiran perniagaan dan diberi peluang pendidikan untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam mencapai wawasan.

Isu-isu tersebut perlu ditangani sebelum 2010 supaya golongan minoriti memainkan peranan ke arah meletakkan negara kepada kedudukan yang lebih kukuh. Saya ingin menekankan di sini bahawa golongan bumiputera Sabah masih memerlukan bimbingan untuk menyesuaikan diri dari menghadapi cabaran dunia terhadap ekonomi baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang soal keselamatan di Sabah. Baru-baru ini mengikut kenyataan daripada Ketua Polis Negara, negeri Sabah merupakan di antara empat tempat *hot spot* dari segi keselamatan negara. Sabah dengan perairan yang luas serta berdekatan dengan Selatan Filipina, saya rasa sudah tiba masanya kerajaan memberikan tumpuan yang berat ke atas soal keselamatan di perairan Sabah.

Penyeludupan, penculikan, aktiviti pelanunan dan pendedar asing tanpa izin adalah masalah-masalah yang dapat ditangani dengan meningkatkan kawalan keselamatan di perairan kita. Dalam penyeludupan syabu, pihak polis tidak dapat menentukan pengedaran syabu di negeri Sabah. Bekas Ketua Polis Sabah, Datuk Mansur Ismail memberitahu usaha menangani pengedaran syabu di negeri ini amat mencabar berikutan keluasan perairan Sabah yang mencakupi lebih daripada 1,600 kilometer persegi.

Mengikut beliau, polis marin juga menghadapi kekurangan bot peronda selain kekurangan anggota. Tambahan lagi beliau juga telah menyatakan masalah kekurangan bot-bot peronda iaitu daripada 60 buah, hanya sebahagian sahaja boleh digunakan kerana terlalu lama dan rosak. Malah perkara ini telah dibawa ke Bukit Aman tetapi kita masih belum mendapat penambahan peruntukan.

Keadaan ini mengakibatkan polis marin tidak mampu melakukan pemeriksaan kira-kira 2,500 bot-bot yang keluar dan masuk serta menggunakan perairan setiap bulan. September 11, 2001 isu keganasan menjadi isu global yang hangat dibicarakan. Kebanyakan negara mula mengatakan undang-undang imigresen masing-masing dalam usaha untuk mengelakkan kemasukan pengganas-pengganas ke dalam negara mereka. Soal pemberian kerakyatan kepada pemohon asing diketatkan untuk mengelak pengganas menggunakan cara ini untuk masuk ke dalam sesebuah negara atau menggunakan kerakyatan sesuatu negara untuk memasuki negara lain yang menjadi sasaran mereka. Harus juga mengambil tindakan yang lebih ketat kerana hampirnya sempadan kita dengan kawasan konflik di Selatan Filipina.

Soal ini adalah amat penting dalam membanteras pergerakan pendatang tanpa izin di tanah air kita. Langkah-langkah yang di ambil setakat ini tidak menunjukkan keberkesanan yang dikehendaki. Dengan penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia diharapkan akan dapat mengatasi masalah pencerobohan pendatang tanpa izin. Soal pendatang di Sabah dapat dikategorikan kepada tiga kategori iaitu:

- (i) pelarian Filipina daripada Mindanao;
- (ii) pekerja asing; dan
- (iii) pendatang tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini digabungkan dengan masalah yang satu lagi iaitu pemalsuan kad pengenalan atau kad IIAM 13 yang susah dibendung. Bayangkan keadaan ini dieksploitasi oleh kumpulan pengganas untuk mendapatkan kerakyatan negara ini dan mendapat pasport antarabangsa kita untuk bergerak bebas ke negara-negara lain. Masalah pemalsuan kad pengenalan juga amat membimbangkan. Kalau pemalsuan MyKad mempunyai ciri-ciri keselamatan yang canggih bayangkan kad sementara seperti IIAM 13 yang perlu diperbaharui setiap tahun untuk dipalsukan. Pemalsuan IIAM 13 akan membolehkan pendatang-pendatang tanpa izin yang mungkin di antara mereka adalah pengganas mendapat status pelarian untuk bergerak bebas di Sabah. Lebih-lebih lagi kalau mereka diberi kerakyatan dan akan membolehkan mereka bergerak bebas di negara kita dan negara lain atas pasport negara Malaysia. Bayangkan ini berlaku dan bagaimana media antarabangsa akan memainkan isu Malaysia sebagai seorang penasihat antarabangsa.

Di Sabah juga masalah kad pengenalan palsu yang mudah diperoleh menyebabkan peniaga kain dari Pakistan dan juga pendatang haram Filipina dan Indonesia dapat memiliki kad pengenalan Malaysia. Ramai lelaki Pakistan dan lelaki Filipina di Lembah Klang mengaku

sebagai rakyat Sabah bagi memudahkan aktiviti mereka di sini serta membolehkan mereka berkahwin dengan wanita tempatan. Pemandang asing sempadan Filipina memang berharap dapat berkahwin dengan rakyat Malaysia bagi mendapat status penduduk tetap. Kelonggaran yang diberikan kepada pekerja asing untuk berkahwin dengan rakyat Malaysia dikhuatiri akan menyebabkan warga dan pekerja asing membanjiri negara kita, bukan sekadar bekerja tapi untuk berkahwin dengan rakyat tempatan agar dapat hidup senang bawah hidup kerakyatan. Adalah membimbangkan juga jika pelarian ini diberikan kerakyatan mereka akan tergolong sebagai bumiputera selepas berlaku proses *naturalization*. *Refugees today bumiputera tomorrow*.

Tuan Yang di-Pertua, atas usaha jitu kerajaan Barisan Nasional, kerja kemerdekaan masyarakat berbagai-bagai kaum negara ini menikmati keamanan yang begitu penting untuk perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. Bagi saya negara kita menjadi contoh kepada dunia dalam pengurusan masyarakat majmuk. Walau bagaimanapun kita kena berhati-hati kerana kelekakan kita akan menghancurkan apa yang mengambil masa yang begitu lama untuk dibina. Kalau kita tidak membendung masalah pendatang asing, masalah ini berpotensi untuk menjadi satu isu politik yang amat rumit. Kalau kita tidak berhati-hati, Sabah mungkin menjadi tempat konflik perkauman. Kewujudan pelarian yang bergerak bebas dengan IIAM 13, dengan bilangan pendatang tanpa izin yang begitu ramai, resipi untuk konflik perkauman adalah lebih membimbangkan pendatang dan pelarian ini akan membawa konflik perkauman mereka yang berasaskan kepada perbezaan kaum dan agama. Atas kebimbangan ini kita harus sama sekali mengambil segala tindakan yang boleh mengelakkan keadaan ini dari berlaku. Kita kena mengambil tindakan tegas dengan menghantar mereka balik dan kita melakukan dengan secepat yang mungkin.

Masyarakat dan perkampungan pelarian ini selalu dikaitkan dengan aktiviti jenayah dan tidak bermoral seperti penyeludupan, pengedaran dadah dan rompakan. Adalah tidak menghairankan masyarakat tempatan dan orang pelarian dan pendatang tanpa izin ini di hantar balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar? Sila duduk sebentar. Jadi Yang Berhormat saya ingin menyemak kedudukan mereka yang telah bangun tempoh hari untuk dapatkan peluang berucap dan kita ada 225 minit lagi diperuntukkan untuk perbincangan kerana ini adalah hari terakhir. Dalam senarai di hadapan saya yang saya catat selepas melihat siapa yang bangun tempoh hari, terdapat nama-nama selepas Yang Berhormat bagi Tuan Maijol bin Mahap, nama seperti berikut:

- (i) Yang Berhormat bagi Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin;
- (ii) Yang Berhormat bagi Datuk Armani binti Haji Mahiruddin;
- (iii) Yang Berhormat bagi Puan Siw Chun a/p Eam;
- (iv) Yang Berhormat bagi Dato' Yip Kum Fook;

- (v) Yang Berhormat bagi Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee; dan
- (vi) Yang Berhormat bagi Tuan Lee Chee Keong.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Biar dahulu saya tempatkan siapa yang tercicir dari senarai nama ini.

- (vii) Yang Berhormat bagi Dato' Rhina Bhar; dan
- (viii) Yang Berhormat bagi Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad;

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Puan Hajah Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Tuan Yang di-Pertua, Puan Hazani.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Puan Hajah Wan Hazani binti Hj. Wan Mohd. Nor dan Yang Berhormat bagi Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin tadi tarik diri. Maka saya boleh memperuntukkan lebih kurang, Yang Berhormat bagi Tuan Munusamy lagi. Lagi kurang masa. Maka saya mampu memperuntukkan antara 10-15 minit kecuali kerajaan bersetuju supaya dibentangkan usul untuk melanjutkan masa. Kalau Yang Berhormat hendakkan masa yang lebih panjang, silalah lobi kerajaan. Sila Yang Berhormat bagi Maijol Mahap.

Tuan Maijol Mahap: Saya akan habiskan dalam masa yang terdekat kurang dari 10 minit. Tuan Yang di-Pertua, pihak-pihak tertentu di Sabah telah mencadangkan agar satu Ssuruhanjaya di Raja itu bukan untuk melihat dan menyiasat projek IC. Iaitu pemberian IC kepada pendatang asing tanpa izin, tetapi cadangan ini telah di tolak. Ketua Polis Negara juga telah menyatakan beberapa bulan yang lalu, ketika beliau melawat daerah Kota Merudu di Sabah, bahawa penubuhan Suruhanjaya tersebut tidak perlu kerana katanya, "polis mampu menangani masalah projek IC". Namun demikian setakat ini belum ada tindakan daripada polis yang boleh meyakinkan rakyat bahawa mereka boleh dan akan menyelesaikan masalah projek IC tersebut.

Saya ingin mencadangkan agar pihak polis menjelaskan kepada rakyat di Sabah, apa yang mereka maksudkan polis boleh menangani masalah projek IC di Sabah. Apakah perancangan serta tindakan yang mereka akan ambil untuk menyelesaikan masalah tersebut? Saya mencadangkan dan berharap agar pihak polis bersama-sama dengan pihak-pihak berkuasa lain dapat menjalankan operasi menahan dan menghantar balik, parti secara besar-besaran seperti yang dibuat beberapa tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah bertitah bahawa salah satu fokus utama kerajaan adalah memastikan pembangunan yang meluas dan seimbang. Iltizam untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum harus diteruskan di samping menyusun semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Seperti yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Baginda ingin melihat kemiskinan tegar dihapuskan dan keadaan kemiskinan keseluruhan diminimumkan menjelang tahun 2010.

Sehubungan dengan gesaan daripada Baginda saya amat mengalu-alukan tindakan kerajaan untuk membangunkan tanah adat dan tanah peribumi di Sabah dan Sarawak. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa melancarkan Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat telah menyatakan bahawa dalam usaha mengurangkan jurang kekayaan, kerajaan akan membantu membangunkan tanah adat dan tanah peribumi di Sabah dan Sarawak.

Negeri Sabah ramai petani yang menduduki tanah tanpa mempunyai geran, tetapi mengikut Ordinan Tanah Negeri Sabah, mereka boleh mempunyai hak ke atas tanah tersebut berdasarkan *Native Customary Right* (NCR). Walau bagaimanapun tanah tersebut haruslah disukat supaya geran-geran boleh dikeluarkan. Ada juga tanah-tanah yang mereka usahakan bertahun-tahun ini terperangkap dalam kawasan hutan simpan dan juga dalam konsesi tanah *Sabah Forest Industries* (SFI).

Banyak kampung-kampung dan tanah-tanah NCR telah terperangkap di kawasan-kawasan tersebut. Pada dasarnya Kerajaan Negeri Sabah bersetuju untuk mengeluarkan tanah-tanah tersebut atau kampung-kampung tersebut daripada kawasan konsesi *Sabah Forest Industries*. Walau bagaimanapun, ia memakan perbelanjaan yang tinggi kerana melibatkan penyukatan tanah yang begitu luas. Dalam hal ini, saya ingin bertanya kepada kementerian berkenaan, berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat untuk tujuan membantu membangunkan tanah adat dan tanah peribumi di Sabah ini dan juga bagaimanakah peruntukan wang itu digunakan untuk penggunaan tanah adat dan tanah peribumi.

Saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Pusat mengadakan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sabah tentang bagaimana bantuan tersebut dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Saya ingin mencadangkan supaya peruntukan ini digunakan untuk membiayai kos

mengenal pasti tanah-tanah yang dikategorikan sebagai *Native Customary Right (NCR)*. Membiayai kos menyukat tanah-tanah yang dikenal pasti itu supaya geran-geran boleh diproses dan dikeluarkan dan juga untuk membiayai kos pengukuran tanah-tanah dan kampung-kampung yang terperangkap di dalam kawasan hutan simpan dan tanah konsesi SFI supaya tanah-tanah dan kampung tersebut boleh dikeluarkan.

Keempat membantu membangunkan tanah-tanah mereka dengan tanaman-tanaman yang bersesuaian.

Sekian sahaja ucapan saya di Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, saya mohon menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook.

12.23 tgh.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya Menjunjung Kasih Tuanku, daulat Tuanku. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dalam usaha kita membina negara untuk menjadi sebuah negara yang maju, pendekatan harus diberikan dalam membasmi rasuah dan salah guna kuasa. Rasuah dan salah guna kuasa merupakan barah yang boleh menghancurkan dan meruntuhkan sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini, Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee.

Dato' Yip Kum Fook: Ia diibaratkan seperti api dalam sekam yang pelan-pelan membakar dan akhirnya memusnahkan sehingga ke akar umbi. Sekuat dan seteguh mana pun sesebuah negara pasti akan lemah dan jatuh sekiranya rasuah berleluasa. Sejarah telah membuktikan bahawa sesuatu tamadun itu menjadi kuat dan teguh apabila pemimpin dan rakyatnya jujur tidak berasuah dan adil, akan tetapi akan luntur dan lemah akibat amalan rasuah dan salah guna kuasa.

Oleh yang demikian, saya percaya kita perlu ambil langkah yang drastik dan pragmatik bagi memastikan negara kita bersih daripada gejala rasuah. Antara langkah yang mesti diambil ialah dengan membubuh nilai-nilai murni kepada generasi muda sejak anak-anak kita kecil. Saya yakin dengan langkah tersebut kita dapat melahirkan modal insan yang berintegriti dan benci kepada rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Meluntur buluh biar dari rebung. Saya berharap semua jabatan-jabatan kerajaan mengamalkan kerja-kerja piagam untuk menjawab atau menyelesaikan kerja dalam tempoh yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, pujian harus diberi kepada Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan yang telah mengarahkan semua jabatan-jabatan kerajaan dalam negeri untuk menjawab kepada semua pertanyaan dalam tempoh tujuh hari. Dua, tiga kucing berlari, mana sama si kucing belang, amaran rasuah hendaklah dijauhi, agar negara terus cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat pembangunan ekonomi negara kita yang mampan dan kukuh tiada ertinya jika ia hanya dimonopoli oleh golongan tertentu. Kita tidak mahu budaya monopoli menjadi amaran. Kita tubuhkan monopoli pada suatu ketika kerana hendak mencapai, dengan izin, *economy of scale*. Kita harus berhati-hati supaya ianya tidak mengeksploitasi rakyatnya sendiri di masa hadapan.

Kenaikan tol yang terbaru dan kenaikan bayaran Astro adalah natijah daripada amalan monopoli tersebut. Seharusnya apa-apa perjanjian yang melibatkan awam (*public*) dengan izin, dirangka sebegitu rupa bagi menjamin bahawa rakyat tidak terbeban dan menjadi mangsa kerakusan pihak tertentu. Amalan monopoli ini juga yang menyebabkan projek-projek mega yang dijalankan dengan kos yang tinggi mengalami pelbagai masalah.

Kerosakan bangunan di Putrajaya, jambatan MRR2 di Kepong, kerosakan yang berlaku di Kompleks Mahkamah Jalan Duta baru-baru ini, jika mahu disenaraikan amatlah menghampakan kita. Kita mahu projek-projek yang akan dilaksanakan selepas ini dibuat secara telus dan terbuka. Kita tidak mahu pisang berbuah dua kali. Pada gergasi dan monopoli ini, saya juga ingin memberi satu nasihat di sini. Pisang emas di bawa belayar, masak sebiji di atas peti, jangan bersikap kurang ajar, nanti rugi diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membangunkan ekonomi negara kita amalkan polisi sederhana dalam semua urusan. Bertimbang rasa dan sekali gus membantu antara kaum satu sama lain harus dipupuk. Pengalaman kita di dalam isu Maybank membuat polisi meletakkan syarat bahawa sesuatu firma itu hendaklah mempunyai perkongsian bumiputera yang menguasai sekurang-kurangnya 50% walaupun telah diselesaikan dengan baiknyanya. Kita harap semua pihak harus memandang berat dalam isu ini dan elakkan perkara seperti ini di masa hadapan.

Sesungguhnya Maybank telah lama mengamalkan polisi sedemikian sebelum ini. Ini sebenarnya telah memberi peluang kepada bank-bank yang lain yang lebih liberal untuk mendapatkan lebih banyak perniagaan. Sebenarnya Maybank boleh lebih maju dalam urusan perbankan ini kalau mereka lebih liberal.

Puan Mumtaz binti Md. Naw: Minta laluan!

Dato' Yip Kum Fook: Ini kerana untuk dimasukkan dalam senarai panel, dengan izin, pun begitu rumit, apatah lagi mendapatkan kerja-kerja yang disalurkan dari bank ini kepada syarikat guaman ini.

Jangan lupa dalam firma guaman bukan bumiputera juga terdapat ramai pekerja atau staf bumiputera yang telah lama berkhidmat dan berpengalaman. Mereka ini juga telah banyak menyumbang kepada perkembangan dalam firma guaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat setuju dengan Baginda Tuanku yang menyatakan perpaduan adalah kunci kejayaan negara dan masyarakat. Bagi saya, perpaduan bukan saja perlu di pupuk di peringkat anak yang masih kecil tetapi pemimpin harus menunjukkan sikap dan tingkah laku yang menunjukkan semangat perpaduan.

Pemimpin tidak harus menaburkan kata-kata yang menghinakan sesuatu kaum khususnya apabila mereka berucap dalam kumpulan kaum mereka sendiri, kerana tindakan ini akan menyebabkan rasa prasangka antara kaum semakin menebal. Sejarah telah menunjukkan bahawa pelbagai kaum boleh bersatu sekiranya masing-masing menghormati kepelbagaian, budaya, agama, dan bahasa masing-masing.

Saya juga maklum bahawa agama Islam sangat menghormati agama lain. Ini terbukti dengan wujudnya minoriti Kristian di negara-negara Arab seperti Serbia, Lubnan dan Iraq sejak zaman sebelum Islam sehingga sekarang.

Di Malaysia adalah satu keistimewaan kita antara kaum yang beragama Islam dengan bukan Islam, kita lihat waktu hari Wesak perarakan hari Wesak melalui depan masjid di semua kawasan, tidak sama sekali pernah menimbulkan masalah kepada saudara-saudara kita yang beragama Islam. Ini kerana bertimbang rasa dan menghormati antara satu sama lain yang telah diwujudkan sebelum ini.

Begitu juga kita di Malaysia, terdapat juga masjid, kuil dan tokong berjiran di antara satu sama lain di banyak tempat seperti di Melaka, di Pulau Pinang dan lain-lain tempat.

"Sorong papan tarik papan;

Buah keranji di dalam perahu;

Agenda perpaduan hendaklah di teruskan;

Agar negeri kita terus maju".

Tuan Yang di-Pertua dalam keadaan ekonomi negara kita yang semakin baik, kita seharusnya membelanjakan setiap dana negara dengan berhemah, saya tidak nampak kebaikan yang kita dapat dengan membelanjakan berpuluh juta ringgit untuk menyelamatkan khasnya KLSE yang telah *listed* dengan izin, di dalam Bursa Saham Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat? Panjang lagi kah ucapan Yang Berhormat?

Dato' Yip Kum Fook: Tuan Yang di-Pertua, tiga minit sahaja. Tuan Yang di-Pertua terima kasih, statistik menunjukkan bahawa negeri Selangor menjadi juara dalam menuju 'negeri wawasan' dengan mempunyai purata tertinggi rakyat yang mempunyai komputer. Ini adalah kesudahan negerinya mengamalkan kerajaan 4B iaitu dengan izin, *education*, efisien, efektif serta kerajaan elektronik. Negeri itu telah banyak menubuhkan banyak pusat siber rakyat yang patut dicontohi oleh banyak pihak berkuasa tempatan di seluruh negara.

Bukan sahaja pihak berkuasa tempatan menyumbang komputer kepada pusat siber rakyat, semua korporat tempatan atau adunnya banyak menambah komputer untuk kegunaan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kerana masa yang singkat saya ingin membawa di sini isu yang lebih mustahak iaitu saya ingin meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membawa isu ini ke Majlis Negara Kerajaan Tempatan supaya mengadakan lebih banyak lagi

taman metropolitan diadakan di semua PBT. Saya juga berharap PPKT Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini melalui juga MNKT ini mengarahkan semua PBT benar-benar tiap-tiap satu piagam atau jadual kerja supaya kerja-kerja sorok fail, melengah-lengahkan jawab keputusan tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya suka berhenti di sini dan saya suka menyokong Titah Baginda, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat dalam masa yang terhad Yang Berhormat telah memilih isu untuk di ketengahkan dan Yang Berhormat telah ketengahkan dengan tepat dan dengan jelas, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat, bermakna *thinks can be short and intelligent and or long-winded and not so intelligent*, Datuk Wira Syed Ali sila.

12.38 tgh.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam Dewan yang mulia ini bagi menyokong ucapan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Dewan pada hari ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah penghargaan dan menjunjung kasih pada Duli Yang Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong yang telah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ke-13. Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh beberapa isu ataupun permasalahan pada hemat saya perlu diketengahkan dalam Dewan yang mulia ini.

Pertama Tuan Yang di-Pertua adalah masalah isu pengambilalihan Maxis. Ia merupakan saham yang terbesar dalam negara. Baru-baru ini T. Ananda Krishnan membeli baki-baki saham dalam Maxis yang beliau tidak miliki sebanyak RM16.4billion secara tunai pada harga RM15.60 sesaham iaitu 20% daripada premium pada harga Maxis *last closing price* dengan izin RM13.00.

Tuan Yang di-Pertua kalau kita lihat dengan tawaran harga RM15.60 yang dibeli oleh T. Annanda Krishnan, untuk memberi premium kepada mereka-mereka yang melabur di dalam Maxis ini dan seterusnya menjadi *private company*. Kita dapat lihat bahawa beliau seorang ahli perniagaan yang bijak, kerana beliau nampak ada keuntungan yang boleh dibuat.

Oleh itu saya ingin meminta pihak kerajaan supaya mempunyai *second thought* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, mengenai Maxis yang hendak pergi ke *private* dengan izin. Apakah Maxis lupa ataupun dia buat-buat lupa Tuan Yang di-Pertua dan ia tak mungkin dapat beroperasi tanpa lesen yang diberi oleh kerajaan, itu satu.

Apa yang hairannya Tuan Yang di-Pertua, kenapa kerajaan tiada *golden share* dalam Maxis atau setidak-tidaknya 25% saham mesti dimiliki oleh GLC. Maxis adalah syariah *compliments* dengan izin patut Tabung Haji melabur dengan banyak kerana untung Maxis setahun RM2, 3 bilion.

Masa susah *Maxis* pakai duit orang ramai, bila senang mahu tinggalkan orang ramai. Saya hendak minta pemegang saham *Maxis* yang terdiri daripada EPF, Tabung Haji, PNB dan Khazanah *Holding* jangan setuju dengan '*Maxis going private*', dengan izin, mahupun *Maxis* bayar 20% lebih tinggi sahamnya daripada RM13 ke RM15.60. GLC-CLC ini patut tambah dan menguasai *Maxis*. Hak rakyat ada dalam *Maxis* iaitu lesen *circular mobile*. Inilah *strategic economic infrastructure project*, dengan izin kerajaan mesti ada suara iaitu *controlling voice*. Saya amat berharap kerajaan memberi *second thought* perkara berkenaan dengan *Maxis*.

Perkara yang kedua isu yang ingin saya bawa adalah mengenai yuran ASTRO. Memang ramai sahabat kita daripada Dewan Negara membincangkan perkara ini. Saya ingin memberi cadangan kepada pihak kerajaan supaya pelanggan harus melanggan yuran ASTRO secara pakej. Ini adalah ditetapkan oleh ASTRO. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya ASTRO membuka dan memberi ruang kepada orang ramai mahupun rakyat untuk memilih siaran-siaran yang mereka mahu dan mereka mengecajkan antara RM2 atau RM3 bagi satu siaran. Kalau kita lihat dalam ASTRO dia juga mempunyai muslihat kerana RTM1, RTM2, TV3, 8TV, TV9 dan NTV7 sudah sememangnya percuma. Jadi yang lain itu, yang mana rakyat mahu dia boleh bayar dengan bayaran RM2 sebulan. Ini tidak akan membebankan rakyat dan saya harap kerajaan akan mengarahkan ASTRO supaya sistem pakej yang menggantikan dengan kadar langganan setiap satu saluran. Jadi, ini membolehkan ramai rakyat memilih siaran-siaran. Kita tahu kalau kita ada 40 siaran, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak akan tengok. Kita hanya akan tengok lima hingga enam siaran sahaja. Jadi rakyat boleh membuat pilihan.

Isu ketiga yang saya akan bawa ialah mengenai walaupun telah diselesaikan, isu Maybank mengenakan syarat 50% pemegang saham bumiputera dalam syarikat guaman yang ingin menjadi panel Maybank. Untuk saya syarat ini memang baik kerana dapat mengurangkan jurang di antara syarikat bumiputera dan juga bukan bumiputera yang dilantik sebagai panel guaman oleh bank-bank tempatan. Kita perlu secara konsisten mempertahankan keperluan untuk memperkasakan perkongsian tulen antara bumiputera dan bukan bumiputera. Kepada kita inilah trend sebenarnya globalisasi dan peranan pasaran terbuka untuk membina sinergi melalui penggabungan dan kemahiran '*know how*'. Apa juga niat Maybank kita merasakan ia berniat positif. Dalam usaha memperbanyakkan kerjasama tulen antara kita, ekuiti mesti juga seimbang dan diterjemahkan ...

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Sedikit sahaja lagi. Terjemahkan dengan kemahiran dan kemampuan. Silakan.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Menyebut pasal Maybank tadi, adakah Yang Berhormat bersetuju, adakah salahnya Maybank sebuah GLC untuk mendukung dan membantu kaum bumiputera yang memerlukan sokongan. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih. Itu tidak salah, Yang Berhormat. Untuk saya, Tuan Yang di-Pertua, apa pun yang dilakukan oleh Maybank saya melihat adalah satu usaha untuk menyambut seruan kerajaan. Kalau kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, bank-bank seperti *Hong Kong and Shanghai Bank, Standard Chartered Bank, Citibank, Citibank, Hong Leong Bank, Public Bank*, semua bank ini kita hendak tahu, saya hendak tanya kerajaan berapa banyak dia bagi kepada peguam-peguam yang mempunyai 50% kepentingan bumiputera. Ingin saya tanya kepada kerajaan, supaya kita boleh bandingkan di Dewan yang mulia ini dan saya yakin apa yang dilakukan oleh pihak Maybank adalah untuk sama-sama meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu. Kalau kita lihat 30% pun belum lagi tercapai usaha kita untuk mencapai orang-orang Melayu terlibat dalam bidang perniagaan. Kita akan mencapai tahun 2020 dalam masa 13 tahun lagi, Tuan Yang di-Pertua. Saya khuatir kalau perkara-perkara sedemikian diperbesar-besarkan, maka ramai lagi orang-orang Melayu akan ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya bawa dalam Dewan yang mulia ini adalah mengenai dengan meminta Kementerian Dalam Negeri menyiasat sebuah buku *Dong Jiao Zong* yang mempunyai unsur-unsur perkauman dan buku bertajuk apa sebenarnya berlaku pada tahun rusuhan 1969 telah didokumenkan oleh Dr. Kua Kia Soong iaitu ahli SUARAM. Buku ini dilancarkan pada 13 Mei 2007 iaitu 38 tahun setelah kejadian itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Dr. Kua mendakwa menulis keadaan sebenar mengenai rusuhan yang tidak diketahui rakyat dan versi rasmi mengenai tragedi itu penuh dengan percanggahan dan maklumat yang tidak mencukupi dan boleh dipercayai. Buku ini juga turut menyentuh laporan asing mengenai pergaduhan di Kampung Baru dan juga Batu Road. Kata-kata wartawan asing yang dipetik:

“Di jalan-jalan Hale saya dapat melihat pemuda Melayu bersenjata parang dan buluh runcing berhimpun di kawasan yang dapat dilihat dengan jelas pasukan keselamatan yang berkawal di persimpangan jalan dan bagaimana sejumlah wartawan asing melihat anggota Rejimen Askar Melayu menembak ke dalam rumah kedai orang-orang Cina tanpa sebarang sebab”.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara seperti ini boleh membangkitkan generasi-generasi muda yang tidak tahu sejarah apa yang berlaku pada tahun 1969.

Datuk Jins Shamsudin: Yang Berhormat, boleh saya mencelah.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Silakan.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dari apa yang telah Yang Berhormat katakan tadi bahawa fakta-fakta yang ditulis dalam buku itu adalah tidak benar. Apakah pandangan Yang Berhormat kalau kita menyarankan supaya buku itu diharamkan untuk dibaca? Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih, Yang Berhormat. Memanglah saya ke arah itu. Hanya selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam buku juga tersebut ada menyebut kematian orang Cina lebih berbanding dengan orang-orang Melayu, nisbah 85% Cina, 15% Melayu. Ini adalah ...

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat perlu jelas dalam matlamat Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat mahu buku ini diharamkan, Yang Berhormat jangan sebut sangat isi kandungan buku itu. Kalau tidak Yang Berhormat akan membantu buku itu mengapi-apikan lagi perasaan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa saya sebut? Sebab ia sudah keluar dalam *internet*, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak Ahli-ahli Dewan faham bahawa perkara-perkara ini adalah yang tidak benar. Oleh sebab itu saya ingin meminta Kementerian Keselamatan Dalam Negeri supaya dengan secepat mungkin mengambil tindakan mengharamkan buku ini supaya tidak dibaca oleh generasi yang tidak tahu apa yang sebenarnya berlaku pada tahun 1969 supaya mereka tidak juga merasakan ada perasaan perkauman antara Melayu dengan bangsa asing.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini juga ingin mengambil kesempatan untuk menyentuh ...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Yang Berhormat, saya ingin mencelah sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat mencelah supaya menggalakkan Yang Berhormat menyebut lagi contoh?

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Tidak. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya memang setuju benar berkenaan dengan mengharamkan buku tersebut tetapi apakah tindakan kita kepada penulis buku tersebut? Adakah selepas buku itu diharamkan beliau dilepaskan begitu sahaja? Adakah perlu diambil tindakan?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya amat bersetuju bahawa kerajaan harus mengambil tindakan ke atas apa yang saya rasa fitnah dalam buku tersebut dan saya harap kementerian yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri akan membuat sesuatu terhadap penulis tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan kepada isu MAS (Malaysia Airlines System) sebuah syarikat kepunyaan negara yang kita bangga-banggakan. Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita melihat MAS telah menubuhkan sebuah syarikat FireFly, dengan izin yang berpangkalan di Pulau Pinang dengan menggunakan kapal terbang jenis *Fokker*.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa menggunakan kapal terbang-kapal terbang yang begitu tinggi seperti A380. Kapal terbang yang mempunyai dua tingkat kapasiti 800 orang boleh terbang. Tetapi saya lihat, MAS hilang arah tuju kerana MAS seolah-olah hendak bersaing dengan Air Asia. Hari ini Air Asia sudah minta MAS pergi ke

Sabah dan Sarawak. Saya ingin meminta supaya MAS memfokuskan kepada penerbangan-penerbangan antarabangsa yang boleh menguntungkan.

Hari ini saya difahamkan MAS masih lagi belum bersetuju atau tidak bersetuju untuk memberi kapal terbang A380 yang telah pun dibeli oleh *Singapore Airlines*, *Thai Airways International*, *Emirates Airlines* dan juga *Qantas*. Jadi syarikat MAS harus fokus bahawa mereka adalah sebuah syarikat yang mempunyai *five star service* dan ramai warga asing yang suka menggunakan syarikat kita. Jadi janganlah oleh sebab MAS hendak fokus kepada domestik, *FireFly* dan sebagainya, maka fokus MAS terhadap penerbangan antarabangsa akan merugikan rakyat dan juga merugikan nama baik MAS itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada berapa isu lagi?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Satu atau dua lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta Kementerian Pelancongan untuk Tahun Melawat Malaysia 2007 di mana Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir terlalu banyak kita belanjakan untuk pelancong-pelancong asing ke dalam negara, tetapi yang belanja banyak adalah pelancong-pelancong dalam negara. Seperti yang kita dengar penerangan tadi daripada Timbalan Menteri Pelancongan bahawa banyak pengiklanan-pengiklanan dilakukan di luar negara. Saya khuatir apa yang kita belanjakan dan pelancong-pelancong yang datang di Malaysia adalah tidak berbaloi. Jadi lebih baik wang untuk *Visit Malaysia Year* ini dibelanjakan untuk menggerakkan ekonomi dalam negara yang mana rakyat sendiri tidak payah pergi ke luar negara, Tuan Yang di-Pertua.

Hari ini kita tengok MAS dan Air Asia buat pakej-pakej pelancongan murah untuk kita pergi ke luar negara. Kenapa tidak buat pakej-pakej yang murah dan galakkan rakyat dalam negara untuk melancong dalam negara supaya aliran keluaran wang itu masuk ke dalam negara.

Seperkara lagi yang kita hendak bincang Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bawa dalam Dewan yang mulia pada hari ini adalah mengenai dengan cuti bersalin, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini saya lihat dalam akhbar *Utusan Malaysia* ada keluaran bahawa Dewan Negara sokong cuti bersalin 84 hari. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, ini adalah salah seorang Ahli Dewan yang berucap dan tidak memberi laluan kepada orang lain untuk mencelah. Jadi saya hendak memperbetulkan.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, laporan itu tidak betullah kata Dewan Negara sokong, seorang ahli, sokong ya?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, mungkin seorang ahli. Tetapi apa yang saya hendak bawa pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, 84 hari kalau hendak bagi cuti bersalin termasuk dengan cuti-cuti Persekutuan, cuti negeri, Sabtu dan Ahad juga cuti. Saya khuatir wanita-wanita ini akan bekerja hanya lima hingga

enam bulan setahun. Yang lain cuti. Di negara kita terlalu banyak cuti, Tuan Yang di-Pertua. Dulu memadai 40 lebih hari, hari ini kita beri 60 hari. Kita naik lagi 84 hari. Jadi ini akan merugikan negara kita, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa kebanyakan negara memberikan cuti sampai tiga bulan iaitu 120 hari cuti bersalin. Yang Berhormat sendiri sering menyebut tentang peranan ibu untuk mendidik anak dan sebagainya. Jadi kenapa cuti 84 hari ini Yang Berhormat tidak setuju? Sedangkan ini penting memberi ruang kepada ibu itu menjaga anaknya ini.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih. Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad ini mencari publisiti. Saya hendak beritahu saudara Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad...

Tuan Yang di-Pertua: Itu mungkin menyalahi Peraturan Mesyuarat kerana menimbulkan sangkaan jahat.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa memang betul negara-negara asing ada memberi cuti yang lebih. Tetapi di negara kita sendiri kalau kita lihat cuti kita terlalu banyak Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita harus pertimbangkan. Kalau cukup 42 hari atau 60 hari, maka cukuplah Tuan Yang di-Pertua. Suatu hari nanti...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat sayang kepada wanita, Yang Berhormat takut nanti majikan tidak mahu ambil wanita bekerja?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Betul itu, Tuan Yang di-Pertua. Sebab saya sayang wanita sebab wanita ini Tuan Yang di-Pertua, suatu hari nanti percayalah mereka juga akan menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua saya minta laluan, di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Biar Yang Berhormat habis kupaskan, kemudian saya bagi.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya wanita-wanita ini terlalu banyak cuti, maka mereka tidak ada peluang untuk naik pangkat suatu hari nanti. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, di negara kita sekarang ramai kaum wanita yang bekerja di pejabat, berjawatan tinggi dan sebagainya. Jadi kalau ramai yang hendak mengambil cuti, maka kerja-kerja mereka akan tertangguh. Yakinlah kaum-kaum wanita bahawa dalam Dewan ini sudah lebih 30% wanita menjadi Ahli Dewan Negara. Jangan khuatir, suatu hari nanti dalam Dewan Rakyat dan dalam pimpinan-pimpinan Kabinet.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Minta laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kagum kerana Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali sentiasa memberikan perbincangan tentang wanita. Tidak pernah ada satu sesi pun dia tidak menyebut tentang wanita. Dia kata bahawa dia bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua dia melahirkan suara ini kerana dia sayangkan wanita. Ini adalah satu sayang yang amat cetek kerana kesayangan dilihat dari erti kata pelepasan wanita untuk mendidik anak itu sebagai yang tidak produktif. Kalau dipendekkan cuti-cuti yang sudah ada itu, kenapa hendak cuti 84 hari?

Mereka tidak bersalin ikut cuti. Kelahiran anak-anak tidak berasaskan cuti yang sedia ada. Lagipun fakta juga salah. Di negara-negara asing di mana cuti untuk kaum wanita jauh lebih banyak daripada cuti yang hendak diperuntukkan di sini iaitu 120 lebih, *Total Factor Productivity (TFP)* negara-negara ini jauh lebih tinggi daripada TFP di Malaysia. Ini bermakna sungguhpun mereka bercuti lebih lama untuk menjaga anak, memelihara anak, untuk apa? Untuk juga kemudahan bagi suami bekerja dengan tenang dan baik.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, ini jelas. Ini satu lagi saya hendak cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Kenapa Yang Berhormat tidak bangkit semasa Yang Berhormat berucap?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Itu sebab saya rasa kita semua mantap pemikiran kita.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, silakan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Satu lagi kita harus ingat, tanam dalam pemikiran kita, jiwa dan rohani kita. Orang perempuan tidak buat *baby* sendiri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia agak terkeluar sedikit daripada isu, tetapi tidak apalah. Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya turut kagum sebenarnya dengan Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali kerana seperti apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah. Saya bersetuju dengan pandangan beliau. Saya sikit hendak menokok-tambah. Mudah-mudahan apa yang dipandang atau yang diperkatakan ini sebenar-benarnya niat murni kerana dalam perbincangan sebelum ini seolah-olah Yang Berhormat begitu menentang dengan wanita bekerja di luar. Seharusnya wanita cuma menjaga anak di rumah dan betapa pentingnya ia.

Kita tidak nafikan semua itu sepertimana yang saya perkatkan dulu bahawa tidak ada kerja yang lebih mulia kepada seorang wanita melainkan menjaga anaknya. Tetapi pada masa yang sama, jangan pada satu tangan kita mendorong penglibatan wanita untuk sama-sama

mendukung dan memperkasa negara kita. Dalam satu sebelah tangan pula, kita cuba menghalang. Benda-benda yang kita rasa boleh menggalakkan wanita untuk berehat, untuk mendapat tenaganya kembali dalam masa yang sama mengimbangi, memberi ruang dan peluang kepada kaum bapa, kita jangan lupa, jangan kita nampak bahawa apabila wanita bekerja, produktivitinya sekian-sekian. Apabila mereka bercuti, kerugian begitu punya besar. Baru sekarangkah kita sedar begitu besarnya sumbangan wanita kepada negara? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ambil kesempatan tadi sudah bahas panjang fasal cuti 48 hari ini, saya hendak kena menjawab daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Saya hendak mengambil kesempatan hendak mengucapkan selamat Hari Ibu kepada wanita-wanita yang menyambutnya pada semalam.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tadi apabila waktu kita berehat saya memikirkan bagaimana hendak memaklumkan kepada wanita-wanita ini sebagai seorang lelaki kita sayang, kasih kepada perempuan kerana ibu kita seorang perempuan, isteri kita pun seorang perempuan. Kita jangan emosional tentang perkara yang saya bincangkan mengenai cuti 84 hari.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak ambil cuti sampai 84 hari ini dibandingkan waktu dulu 40 hari ini, hari ini dinaikkan ke 60 hari lepas itu sekarang hendak 84 hari seolah-olah wanita ini bersalin begitu teruk kena bagi cuti panjang, tidak produktif. Jadi saya duduk di luar tadi saya kira Tuan Yang di-Pertua, dalam setahun ada 52 minggu, yang mana setiap minggu kita ada 2 hari cuti. Jadi setahun ada 104 hari Sabtu dan minggu. Kalau kita campur *public holiday* 17 hari, kita campur hak cuti 14 hari, kita campur MC cuti sakit 14 hari dan sekiranya wanita itu bersalin maka diberi lagi 60 hari waktu sekarang menjadikan cuti keseluruhannya sebanyak 209 hari. Lebih kurang 7 bulan...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Laluan Yang Berhormat

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Minta laluan Yang Berhormat

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Bagi saya habis dahulu. tujuh bulan Tuan Yang di-Pertua. Inikan pula hendak tambah 24 hari lebih kurang sebulan, lapan bulan.

Jadi yang saya khatir Tuan Yang di-Pertua, yang akan menjadi mangsa adalah graduan-graduan yang baru keluar, hendak bekerja. Mana ada syarikat berani hendak ambil wanita muda ini bekerja, berkahwin selepas itu dia hendak bersalin, dia hendak cuti lapan bulan Tuan Yang di-Pertua. Jadi masalah wanita-wanita muda ini tidak akan diambil bekerja oleh syarikat-syarikat swasta.

Jadi saya harap kerajaan melihat perkara ini dengan teliti. Saya tidak mahu wanita-wanita yang dalam Parlimen kita tahu, minta mahu 30%, minta perjuangan hak wanita saya setuju, tapi kita jangan *discriminate* wanita-wanita muda ini Tuan Yang di-Pertua. Sebab syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat asing kalau tengok undang-undang ini dia pun naik takut hendak ambil pekerja-pekerja muda wanita untuk bekerja. Silakan Tuan Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama bila Yang Berhormat bagi perkiraan tersebut, sebenarnya Yang Berhormat kena ingat bukanlah setiap tahun dia hendak beranak. Maksudnya seumur hidup dia mungkin dia dapat tiga anak, tiga kali sahajalah dalam seumur hidup dia bekerja. Jadi bila buat begitu seolah-olah setiap tahun hendak beranak, menghabiskan masa. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua, maksudnya minta maaf Yang Berhormat. Sebenarnya mungkin Yang Berhormat bercakap berdasarkan kepada andaian. Soal syarikat swasta tidak mahu ambil kerana takut, kerjanya hanya cuti hendak beranak sahaja. Saya fikir ini andaian Yang Berhormat.

Mengapa maksudnya, negara-negara barat memberikan cuti yang lebih panjang. Itulah dari segi *humanity*, kadang-kadang kita di Asia ini cakap lebih sahaja. Di barat itu dia ada *humanity*, dia tahu bahawa soal menjaga anak itu adalah cukup penting maka sebab itulah, kalau di Perancis sampai empat bulan dan ada syarikat di UK ia beri lima tahun kerana ia adalah syarikat besar dan ia tahu sumbangan wanita cukup besar. Ia bagi lima tahun dan mungkin dia bagi kerana wanita itu hanya seorang anak sahaja. Kemudian kalau dua anak dipendekkan sedikit, kalau tiga anak dipendekkan lagi sedikit cuti tersebut. Adillah maksudnya sebab menjaga anak itu memerlukan masa. Sebab ini pengalaman. Saya tidak tahulah kalau isteri kita tidak bekerja.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Yang Berhormat minta laluan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Bagi saya jawab dahulu. Lepas itu saya bagi laluan. Terima kasih sahabat saya Dr. Puad. Saya hendak beritahu pada Yang Berhormat, Yang Berhormat kata kalau dia tidak beranak tiap-tiap tahun, contoh Yang Berhormat sendiri lapan anak, Yang Berhormat ada lapan anak. Yang Berhormat tidak boleh pertikaikan...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: [Bangun]

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Bagi saya jawab dulu.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tapi satu isteri.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Bagi saya terangkan bahawa Yang Berhormat mempunyai lapan orang anak. Mungkin setiap tahun, setiap setahun setengah dilahirkan. Isteri Yang Berhormat kerja, jadi apabila kita beri cuti 40 hari, waktu dulu kita pertingkatkan 60 hari, saya rasa itu sudah memadai. Sekiranya dia hendak lebih maka

duduk di rumah jaga anak, jadi *full time mother* kalau hendak jaga anak. Kalau hendak bekerja buat cara hendak bekerja.

Saya khawatir hari ini dalam universiti Tuan Yang di-Pertua, ramai pelajar perempuan 70%, 65% pelajar-pelajar wanita yang berada di menara-menara gading. Mereka akan keluar bekerja, saya takut nanti apabila mereka keluar hendak bekerja tidak ada tempat yang diberikan kepada mereka kerana undang-undang ini diluluskan 84 hari.

Jadi perkara ini harus dilihat untuk kepentingan wanita, bukan saya tidak suka wanita bercuti, suka tetapi kena memadai. Ini generasi-generasi akan datang, kalau kita terlalu banyak bercuti, produktif tidak ada...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sendiri ada berapa orang anak?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tujuh anak

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hairan, saya tidak tahu sama ada dalam Dewan ini pun ramai lelaki lebih daripada perempuan walau dia kata ada 70%, ramai juga perempuan sudah cukup masa tetapi diganti dengan orang laki-laki.

Rasa saya, *is a man world*lah you know. Minta 15 hari, 24 hari sahaja *different*. Minta lebih 24 hari, sudah bagi 60 hari. 24 hari tolak *public holidays*, hanya 15 hari sahaja *different*. Bagai nak rak kita mempertahankan. Adakah itu merugikan? 15 hari sahaja Yang Berhormat, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, selain daripada kisah cuti bersalin ini, Yang Berhormat ada lagi perkara-perkara lain yang hendak...?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Satu sahaja lagi, satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Satu lagi?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Pendek sahaja. Saya jawab ini sahaja, saya pergi ke bahagian lain. Saya hendak beritahu Yang Berhormat bahawa bukan soal cuti lagi 15 hari, soal cuti dari 24 hari. Soalnya, waktu dulu... Yang Berhormat sendiri pun biasa melahirkan, 40 hari sudah sihat Tuan Yang di-Pertua. Sudah boleh pergi kerja dah. Saya tak nampak kenapa generasi sekarang perlu 84 hari. Kalau hendak kata nak jaga anak, hari ini kerajaan mengadakan taska di kementerian-kementerian. Waktu hendak menyusukan anak boleh pergi ke situ dan sebagainya. Jadi saya tidak nampak logiknya perlu diperjuangkan 84 hari Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Pohon laluan.

Tuan Ismail bin Kasim: *[Bangun]*.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mana satu ini?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak bagi siapa dulu?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: *Neighbor* dahulu.

Tuan Ismail bin Kasim: *Neighbor* dulu, *neighbor* dulu.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Diskriminasi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Ini sudah diskriminasi. Saya sudah kali kedua bangun, dia baru masuk.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Wira sahabat saya yang beri laluan kepada saya. Saya sebenarnya bersetuju dengan Yang Berhormat atas perkara ini, kerana kalau kita hendak menilai soal cuti ini, harus dilihat dengan fikiran yang terbuka. Jangan dilihat dalam sudut yang cukup emosional yang memperkecilkan kemampuan yang sebenarnya ada pada wanita. Kalaulah benda ini kita benarkan, orang akan mentafsir wanita ini sebagai satu *burden* ataupun bebanan dan orang hendak ambil, hendak masuk dalam pasaran pekerjaan ini, mereka akan fikir dua kali kalau hendak ambil wanita.

Nanti, hasrat wanita hendak menjadi, hendak memasukkan 30% pembuat dasar dan itu, ini, tak akan tercapai kalau perkara yang sebegini kecil, remeh yang boleh menyebabkan orang menimbulkan salah tanggapan dan sebagainya, kita lanjutkan. Sebenarnya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali, 60 hari sudah mencukupi. Sudah boleh dikatakan sudah pulih seperti sedia kala dari sudut segala-galanya yang wanita tidak perlu dipertikaikan lagi. Kemudian bolehlah diteruskan dengan pekerjaan seperti mana mereka ada sekarang. Apa pendapat Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi laluan sekali lagi.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat itu tadi takut bila perempuan bangun, Tuan Yang di-Pertua. Kerana dia bimbang perempuan protes dia berterusan. Tetapi sebenarnya berbeza. Saya sokong wanita, saya menyokong supaya cuti bersalin 84 hari ini hendaklah dikaji semula oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Apa pro dia dan apa kontra dia? Antara sebab-sebab mungkin hari ini 5% sahaja pegawai kanan wanita di sektor awam adalah mungkin kerana dia tidak hendak. Bila wanita ini, bila yang muda baru sahaja habis *graduate*, dia akan berkahwin. Berkahwin, beranak. Bila melahirkan, dia akan ambil cuti yang panjang. Ia akan menjejaskan pentadbiran bukan sahaja di sektor perkhidmatan awam, malahan swasta.

Sebab itu hari ini cuma 6.7% sahaja eksekutif wanita dan 2.7% jurutera wanita profesional serta 12.8% jurutera siswazah. Ini adalah disebabkan kerana wanita terlampau banyak cuti. Anak demam pun cuti juga, cuti *unrecorded leave* kata orang, selain daripada cuti yang telah dimaklumkan oleh Datuk Wira Syed Ali tadi. Ada juga cuti yang kadang-kadang terpaksa cuti kerana hendak hantar anak pergi klinik. Selepas bersalin kita ada dia punya jadual

untuk kita bawa anak pergi *injection* dan sebagainya. Saya bimbang kalau 84 hari ini hendak diperjuangkan oleh wanita, kita bimbang 30% yang diharapkan oleh wanita tidak akan tercapai. [Tepuk].

Jadi saya harap kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, perkara ini jangan dipandangkan itu konon-kononnya untungkan wanita, tetapi sebenarnya ada kerugian kepada wanita kerana wanita tidak akan diberikan ruang untuk bertugas atau bekerja di mana-mana sektor. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ha, ini pejuang tulen wanita, dia faham mengapa 84 hari tidak patut diberikan kepada wanita. Saya khuatir Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita tengok ramai wanita muda tidak berkahwin. Dengan adanya undang-undang ini, lebih ramai yang tak mahu kahwin, dengar cuti 84 hari begitu lama. Jadi, mereka mementingkan kerja mereka. Jadi, mereka takut 84 hari. Selepas itu, adakah syarikat-syarikat hendak ambil, cuti yang begitu panjang? Jadi saya harap Kementerian Pembangunan Wanita membuat kajian kembali dan mengekalkan yang ada pada hari ini sebanyak 60 hari cuti bersalin.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir isu yang ingin saya bincangkan, ialah saya ingin meminta menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggung jawab mengenai hal ehwal agama iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia supaya melihat kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh mufti-mufti di dalam negara kita ini. Baru-baru ini, kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Mufti Negeri Perak yang menyatakan bahawa Jom Heboh itu adalah haram. Kita sebuah negara Islam. Kenyataan ini keluar daripada seorang mufti di negeri perak. Ketika itu Jom Heboh diadakan di negeri perak, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi apakah terjadi kepada mereka-mereka yang beragama Islam menghadiri Jom Heboh? Sebab itu saya minta menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia supaya memantau dan memastikan mufti-mufti ini jangan sewenang-wenangnya mengeluarkan kenyataan kerana ini akan mengelirukan umat Islam dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Dr. Puad.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang ini sebenarnya.. yang ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu bahawa supaya untuk menjaga institusi agama Islam di negara kita ini, barangkali wajar bahawa mufti-mufti kita ini lebih berhati-hatilah. Sebab itulah sebelum ini kita membangkitkan soal perlunya barangkali JAKIM itu ataupun majlis fatwa itu diberikan satu kuasa untuk menyelaraskan pandangan-pandangan seumpama ini.

Selain daripada itu pun, sebelum ini berbangkit salah faham apabila salah seorang lagi mufti di negeri lain membangkitkan soal-soal seperti Maulidur Rasul dia kata tidak perlu. Ini dia kata bidaah. Sebab saya datang daripada Johor, Tuan Yang di-Pertua, kami di Johor sekurang-kurang lima hingga enam bulan menganjurkan Maulidur Rasul dengan tujuan untuk menghayati

sebenarnya sirah Rasulullah ataupun perjalanan hidup Rasulullah itu sebagai contoh yang terbaik. Tetapi apabila ada mufti yang berpandangan sedemikian, dia kata bidaah, maka ini menimbulkan salah faham dan kekeliruan sebenarnya. Sebab itu saya ingin mendengar pandangan daripada Yang Berhormat iaitu wajar atau tidak wajar bahawa JAKIM ini diberikan kuasa yang lebih besar sebenarnya dari segi menyelaraskan pandangan-pandangan para mufti negeri ini dan diberi kuasa pula untuk barangkali dari segi tindakan dan sebagainya jika berlaku wujudnya pandangan-pandangan yang boleh mengelirukan salah faham di kalangan umat Islam.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetujulah dengan Yang Berhormat bahawa JAKIM harus diberi perananlah untuk dimainkan supaya umat Islam di Malaysia tidak terkeliru dengan apa jua yang diperkatakan hari ini. Kita lihat seperti apa yang Yang Berhormat kata mengenai dengan Maulidur Rasul itu bidaah dan sebagainya. Ini bercanggah. Kita negara Islam, pimpinan kita negara Islam, tetapi ada ulama ataupun mufti mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang akan mengelirukan umat Islam di negara kita. Jadi, saya amat berharap menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggung jawab terhadap JAKIM supaya JAKIM dapat memainkan peranan supaya perkara-perkara ini ataupun isu-isu yang mengelirukan ini jangan dibahaskan di dalam akhbar dan mereka boleh duduk berbincang sesama mereka sebelum sesuatu kenyataan dapat dibuat yang tidak mengelirukan umat Islam.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih...

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Pohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak bagi, Dato' Haji Abdul Rashid bangun.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Boleh?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Ya, sila.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Sebelum Yang Berhormat Dato' Syed Ali menghabiskan perkara ini, saya suka memberikan pandangan Tuan Yang di-Pertua. Mungkin barangkali kita, orang Islam salah faham. Tidak semua rasa saya apa yang disebut oleh mufti itu sebagai fatwa. Ini kadang-kadang merupakan satu kenyataan biasa kalau apa yang disebut oleh mufti semuanya fatwa, maka kita tidak dapat melarikan diri daripada kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Mufti Perlis dengan melalui tulisannya Pena Mufti ataupun soal jawab, ada satu laman, kedudukannya begitu. Jadi kita harus sebenarnya, saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali tadi lebih peka, tetapi soal yang lebih mendasarnya lagi adakah mufti itu berdasarkan kepada kuasa agama adalah hak negeri-negeri, maka bertolak dan berdiri di atas ini, maka mereka berhak membuat fatwa-fatwa.

Jadi kalau ada 13 buah negeri, maka 13 fatwa. Fatwa-fatwa ini sehingga sekarang ini tidak pernah diselaraskan dengan baik, boleh menjadi fatwa kebangsaan. Itu yang menimbulkan

masalah. Kita tengok orang Islam kita sendiri pun berpecah dalam berbagai-bagai masalah. Ini saya rasa eloklah kalau Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti yang dikehendaki tadi, memeriksa hal ini sebaik-baiknya untuk memberi rahmat yang lebih kepada rakyat kita, kepada umat Islam walaupun percanggahan pendapat, walaupun perbezaan pendapat itu daripada sesetengah orang merupakan rahmat, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Wira Syed Ali bin bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan. Saya pun turut bersetuju dan memang kita mengharapkanlah Menteri di Jabatan Perdana Menteri melihat akan perkara ini supaya umat Islam dalam negara kita tidak akan terkeliru walaupun bukan fatwa, kenyataan sekalipun, kadang-kadang apabila seorang mufti mengeluarkan kenyataan itu seolah-olah kita pun terpinga-pinga bahawa apa yang dikatakan itu betul, jadi kita pun tidak tahu sama ada harus diikuti ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagilah saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama membahaskan Usul Menjunjung Kasih terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan saya juga berharap, apa jua pandangan yang telah kita berikan akan diambil perhatian oleh kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ada menerima satu usul daripada pihak kerajaan.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.54 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijarantnam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran semua Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 15 Mei 2007.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Lee Chong Meng. Dato' Rhina Bhar.

2.54 ptg.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Pertama sekali saya ingin menyembahkan ucapan tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong di atas pemasyhuran Baginda berdua dalam usia yang muda sebagai pemerintah negara Malaysia yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak kaum wanita Malaysia, saya juga ingin menyembahkan Ucapan Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memberi penghormatan dan pengiktirafan kepada kaum wanita di atas sumbangan mereka terhadap pembangunan negara. Kaum wanita sebagai tulang belakang negara akan terus berusaha membantu kerajaan agar Malaysia mencapai wawasan sebagai negara kelas pertama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perjalanan tugas kita, kita menghadapi pelbagai isu yang sensitif. Walau bagaimanapun, kita harus menangani isu tersebut dengan fikiran yang matang dan rasional. Baru-baru ini kita telah didedahkan dengan senario-senario yang kurang menyenangkan. Isunya berkaitan seorang daripada pasangan suami isteri yang telah memeluk agama Islam dan hak-hak pasangan tersebut dan anak-anak mereka di bawah undang-undang sivil.

Beberapa persatuan wanita di Malaysia telah pohon pertolongan serta nasihat daripada rakan-rakan bukan Islam apabila suami-suami mereka memeluk agama Islam ataupun berkeinginan memeluk agama Islam. Pertolongan dan nasihat tentang apakah akan terjadi di atas hak-hak mereka dari segi penceraian, pembahagian harta pusaka, penjagaan anak dilakukan semasa mereka berkahwin melalui undang-undang sivil. Ini juga termasuk hak pemelukan agama anak-anak semasa mereka telah memahami kedudukan ibu-ibu dan bapa-bapa mereka nanti.

Perkara-perkara sebegini masih lagi diragukan memandangkan undang-undang yang ada sekarang tidak begitu jelas dan tidak diterjemahkan mengikut kehendak sesetengah individu sehingga golongan wanita yang terlibat atau persatuan mereka ini rasa hak-hak mereka tidak terbela di bawah undang-undang sivil sekarang. Saya ingin merujuk kepada kes 'Sharmila a/p Shatiyasilan' yang tidak dapat menyelesaikan kesnya apabila suaminya memeluk agama Islam dan beliau telah dengan sewenang-wenangnya membawa anak-anaknya yang di bawah umur memeluk agama Islam tanpa pengetahuan persetujuan isterinya.

Yang lebih tragik lagi kes beliau tidak boleh diadili di dalam mahkamah selain Mahkamah Syariah. Ini telah menunjukkan sistem perundangan di Malaysia ini masih tidak begitu menyeluruh dan cekap. Justeru ini kita harus meminda undang-undang berkaitan untuk memastikan hak-hak suami atau isteri dan ahli keluarga mereka terjamin seperti yang

diperuntukkan di bawah undang-undang sivil apabila seorang daripada mereka mahu memeluk agama Islam.

Dengan tidak mengambil kira isu pertukaran agama, segala isu bersabit perkahwinan tersebut harus diselesaikan mengikut undang-undang sivil dan tidak di bawah undang-undang Islam kerana perkahwinan tersebut telah pun disempurnakan atau didaftar di bawah undang-undang sivil. Perundangan harus diambil kira untuk menuntut hak yang hanya Mahkamah Sivil sahaja mempunyai bidang kuasa atas perkara-perkara penceraian, nafkah, penjagaan anak, pembahagian dan harta pusaka.

Apabila seseorang suami memeluk Islam, isterinya menghadapi pilihan yang terhad. Si isteri boleh turut memeluk agama Islam ataupun mengambil tindakan untuk memohon penceraian di bawah Seksyen 51 *Law Reform Marriage and Divorce Act 1976* di sabitkan dengan LRA. Sekarangnyanya beliau tidak menukar agama tetapi ingin terus hidup bersama dengan suami. Si suami boleh didakwa atas kesalahan berzina atau berkhawat. Masalah yang sama akan timbul sekiranya isteri yang memeluk agama Islam. Dalam keadaan demikian, pasangan terbabit harus diberi pilihan sekiranya mereka ingin meneruskan perkahwinan mereka.

Ini amat penting kerana ada pihak atas sebab-sebab peribadi atau agama tidak ingin berpisah atau bercerai. Pada masa ini Seksyen 3 LRA memperuntukkan bahawa akta ini tidak diguna pakai oleh orang Islam atau mereka yang berkahwin mengikut undang-undang Islam. Seksyen ini harus dipinda *unstipulated* dengan izin bahawa LRA dan undang-undang berkaitan boleh digunakan untuk segala isu yang timbul dari perkahwinan mengikut undang-undang sivil. Tidak kira sama ada si suami atau isteri kemudiannya memeluk agama Islam.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Mahkamah Sivil harus *adjudicate* semua perkara terbabit seseorang yang memeluk agama Islam dan sebelum ini telah berkahwin mengikut undang-undang sivil termasuk isu penceraian, nafkah penjagaan anak, pembahagian dan harta pusaka. Artikel 121 1A jelas mengatakan bahawa Mahkamah Tinggi tidak ada kuasa atas perkara-perkara di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Memandangkan Mahkamah Syariah juga tidak ada kuasa ke atas orang-orang bukan Islam, maka dengan itu Mahkamah Sivil semestinya mempunyai kuasa ke atas perkara-perkara yang membabitkan pihak yang bukan Islam.

Bekas Hakim Datuk Faiza Thamby Chik berpendapat Mahkamah Syariah tidak ada bidang kuasa atas orang-orang bukan Islam sekiranya Mahkamah Sivil pun tidak ada kuasa atas kes seperti ini. Maka wujudlah ketidakadilan ke atas pasangan yang bukan Islam dan anak-anaknya. Dalam kes Sharmila, Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah mengeluarkan perintah yang bercanggah ke atas pasangan berkenaan. Percanggahan seperti ini sudah tentu akan *erode* dengan izin keyakinan orang ramai terhadap sistem undang-undang kita pada amnya dan pada proses undang-undang kita khasnya.

Bagi mengelakkan perkara ini berulang lagi kita harus membenarkan Mahkamah Sivil sahaja ada kuasa untuk *adjudicate* kes seperti ini. Di bawah Seksyen 77 LRA, mahkamah boleh memerintah suami membayar nafkah kepada isteri atau bekas isteri. Peruntukan ini harus dikekalkan tidak kira pasangan mana yang memeluk agama Islam. Di bawah enakmen Undang-undang Islam Negeri, si suami hanya perlu membayar nafkah kepada isteri selama tiga bulan sahaja. Di bawah Seksyen yang sama, mahkamah boleh memerintah seseorang isteri membayar nafkah kepada suami atau bekas suami sekiranya suami *is partly, or wholly incapacitated from earning a leaving* dengan izin.

Peruntukan ini boleh dipakai ke atas isteri-isteri yang menukar agama walaupun di bawah undang-undang Islam, seorang isteri tidak perlu membayar nafkah kepada suami. Seksyen 81 LRA, memperuntukkan bahawa perintah untuk nafkah sah sehingga kematian mana-mana pasangan ataupun pihak yang menerima nafkah. Walau bagaimanapun, di bawah *State Islamic Law Enactment*, seseorang suami hanya perlu membayar bekas isterinya selama dalam edah iaitu tiga bulan kecuali si isteri mengandung. Selepas itu keluarga atau Baitulmal akan bertanggungjawab ke atasnya.

Peruntukan undang-undang ini di bawah Enakmen Undang-undang Islam Negeri tidak harus diguna pakai ke atas suami yang memeluk agama Islam kerana beliau masih terikat dengan perkahwinannya di bawah undang-undang sivil. Seksyen 92 LRA, memperuntukkan bahawa ibu bapa bertanggungjawab *to maintain or contribute to the maintenance of his or her children* dengan izin sehingga mereka berumur 18 tahun. Mengikut seksyen 2, anak termasuk anak luar nikah ataupun anak angkat, tanggungjawab membayar nafkah harus dikekalkan walaupun seseorang suami atau isteri telah memeluk agama Islam dengan tidak mengambil kira agama anak-anak yang terbabit.

Pindaan artikel kepada artikel kepada 8(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa *there should be no discrimination against the citizens on the ground only of - - gender* dengan izin. Oleh yang demikian, seorang ibu juga ada hak yang sama ke atas penjagaan anak-anak di bawah seksyen 5 *Guardianship Of Influence Act 1961*. Memandangkan kedua-dua ibu bapa mendapat penjagaan yang saksama, maka wajar sekali mereka membuat keputusan bersama atas perkara-perkara yang penting seperti agama anak-anak mereka. Di bawah artikel 12(4) Perlembagaan, agama seorang di bawah umur 18 tahun akan ditentukan oleh ibu bapa atau penjaga terbabit.

Artikel 8(2), kita masih menunggu pindaan kepada artikel 12(4) kerana tanpa pindaan tersebut, pindaan ke atas artikel 8(2) tidak bermakna. Bagi tujuan hujah saya, saya anggap pindaan tersebut telah dibuat. Bagi memastikan bahawa anak-anak hanya memeluk agama Islam, dengan persetujuan ibu dan bapa, Enakmen Undang-undang Islam Negeri, harus menghormati hak kedua-dua ibu bapa. Bagaimana sekiranya kedua-dua ibu bapa tidak

mendapat kata sepakat. Dalam keadaan demikian, anak-anak yang terbabat harus diberi pilihan untuk....

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, pohon laluan. Saya minta maaf kepada Yang Berhormat. Sebenarnya perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ini satu perkara pada pendapat saya terlalu sensitif. Sebenarnya perkara pokok ini mempersoalkan kebijaksanaan negara kita, mengatakan Mahkamah Syariah itu sendiri dan kalau mengikut penerangan-penerangan Yang Berhormat tadi, terima kasih ini kali pertama saya mendengar seorang peguam memberi pandangan-pandangan yang cukup jelas pada saya yang menunjukkan bahawa terdapat ketidakadilan kalau Mahkamah Syariah ataupun keputusan yang dibuat berdasarkan hukum Syarie dalam penceraian dan sebagainya.

Sedangkan di mana-mana pun kalau kita rujuk dalam perundangan Islam sendiri, walaupun kita pergi kepada pokoknya, kepada al-Quran dan hadis, bahawa undang-undang Islam itu sebenarnya bukan untuk orang Islam sahaja tapi ia seharusnya melindungi orang yang bukan Islam juga. Jadi dalam hal ini saya rasa satu hal yang menimbulkan masalah apatah lagi bila Yang Berhormat Dato' Rhina mengatakan satu perkara yang agak tragedi bila berlaku pertukaran Islam.

Jadi bagaimana orang Islam akan menerima pandangan ini iaitu anggapan bahawa seseorang meninggalkan satu agama, masuk kepada Islam dengan meninggalkan isteri dan anak-anaknya sebagai satu perkara yang tragedi. Sedangkan kepada seorang Islam, kita merasakan bahawa alhamdulillah orang ini telah menerima petunjuk daripada Allah S.W.T. Dia sepatutnya bukan sahaja setakat menerima petunjuk, dia seharusnya menyelamatkan kalau boleh isteri dan anak-anaknya. Jadi di sinilah saya rasa saya mengambil kesempatan untuk menerangkan satu perkara yang saya rasa memang kita sedar perkara ini adalah satu perkara yang sensitif, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Yang Berhormat di atas percakapan anda. Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan demikian, anak-anak yang terlibat harus diberi pilihan untuk membuat pilihan sendiri apabila mereka mencapai umur 18 tahun. Dalam jangka masa ini, pertukaran agama tidak harus dibuat. Seksyen 2 *Distribution Act 1958* memperuntukkan bahawa akta tersebut tidak diguna pakai ke atas aset seseorang yang beragama Islam. Orang-orang bukan Islam pula tidak dibenarkan mewarisi apa-apa di bawah prinsip pembahagian faraid. Akibatnya saudara terdekat orang yang memeluk agama Islam tadi tidak dapat mewarisi apa-apa mengikut undang-undang sivil walaupun di bawah prinsip faraid. *The Distribution Act* harus dipinda untuk menangani masalah apabila seorang daripada pasangan yang telah berkahwin mengikut undang-undang sivil dan kemudian memeluk agama Islam, meninggal dunia tanpa wasiat. Hak saudara-mara terdekat si mati yang bukan beragama Islam harus diambil kira.

Prinsip *reciprocity* dengan izin harus dihormati memandangkan pasangan yang telah memeluk agama Islam masih mendapat hak untuk mewarisi dari keluarga yang bukan Islam. Bolehkah seorang yang bukan Islam menerima wang insurans atau EPF sekiranya seorang yang telah memeluk agama Islam dan menamakannya sebagai pewaris meninggal dunia? Jawapannya tidak. Mengikut undang-undang, wang EPF dan insurans seorang si mati yang telah memeluk agama Islam harus dibahagikan mengikut faraid. Undang-undang harus dipinda agar saudara terdekat si mati yang tidak memeluk agama Islam juga mendapat bahagian mereka.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin daripada Tuan Yang di-Pertua, adakah ianya merupakan satu kata perbahasan yang agak keterlaluan kerana ianya adalah hukum dalam agama kita, agama Islam. Untuk insurans itu Tuan Yang di-Pertua, kalau dia dah ada penama, tak apa. Tapi kalau ikut agama Islam, kita harus menghormati agama Islam sebagai agama rasmi negara. Jangan dipertikaikan hukum syariah kerana dari segi Islam, memang kalau tidak ada penama, ianya mesti mengikut hukum faraid. Itu dah termaktub dalam al-Quran. Jadi saya minta Yang Berhormat cuba buat kajian semula dengan apa yang diperkatakan.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menjawab, selepas itu menggulung Yang Berhormat.

Dato' Rhina Bhar: Terima kasih Yang Berhormat di atas pandangan Yang Berhormat. Saya bercakap di atas orang yang kahwin di bawah undang-undang sivil dan selepas itu memeluk agama Islam. Dia ada isteri, dia ada ibu bapa dan dia ada anak yang tak menukar agamanya.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara yang paling penting ialah di mana isteri atau suami atau anak keluarga telah memeluk agama Islam, *the religious authorities* dengan izin perlu dengan 'sah' memberikan kepada keluarga pihak yang memeluk agama Islam serta-merta.

Saya berharap Peguam Negara akan menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji pindaan yang telah dibuat kepada pelbagai undang-undang terutama LRA 1976. Saya juga berharap pertimbangan yang sewajarnya diberi dengan mengambil kira kebimbangan dan cadangan dari berbagai-bagai NGO terutama dari JAGE (*Joint Action for Gender Equity*). Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mencadangkan agar satu lagi jawatankuasa ditubuhkan untuk berbincang cadangan pindaan ke atas *Islamic Family Law* dengan mengambil kira pendapat dan cadangan dari rakan-rakan senator saya dalam hujah perbahasan mereka berkaitan perkara ini pada Disember 2005.

Saya ingin mencadangkan agar *Sisters in Islam* dijemput untuk menyertai jawatankuasa ini. Saya juga ingin bertanya sama ada pindaan Rang Undang-undang *Legal Profession Act* yang telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada Julai 2006 akan dipinda lagi kerana pindaan yang telah dibuat bertentangan dengan Perlembagaan. Pindaan tersebut telah mengambil alih kuasa mahkamah dan Peguam Negara dan mengetepikan prinsip-prinsip keadilan yang sedia ada iaitu *natural justice* dan *judicial review*. Saya masih yakin Kerajaan Barisan Nasional akan dapat memperbetulkan kesalahan yang berlaku dan saya amat berharap akan mendapat jawapan yang positif.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin menyembahkan ucapan menjunjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Penggal Keempat, Parlimen Kesebelas dan saya mohon untuk menyokong usul sedemikian. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Armani dan selepas itu saya minta Yang Berhormat Puan Siw Chun untuk bersedia.

3.18 ptg.

Datuk Armani binti Haji Mahiruddin: Assalamualaikum dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Parlimen yang Kesebelas pada 19 Mac 2007 yang lalu. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izin-Nya dapatlah kita bertemu semula pada tahun 2007 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan serta merafakkan sembah setinggi tahniah Ke Bawah Duli Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi dan juga kepada Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Nur Zahirah di atas pertabalan Baginda berdua bersemayam di atas takhta Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang telah ditabalkan pada 26 April 2007 yang lalu.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis yang telah menaungi negara selama lima tahun dengan aman dan makmur. Saya sebagai rakyat jelata berdoa semoga Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terus diberi kesihatan dan kekuatan sebagai payung negara untuk memimpin kesejahteraan dan kedaulatan negara dan rakyat jelata sekalian. Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika menyampaikan Titah Baginda baru-baru ini Tuanku telah memberikan penjelasan menyeluruh berhubung kedudukan dan pencapaian negara setakat ini dalam pelbagai aspek dan keperluan.

Sesungguhnya negara telah mengalami bencana banjir baru-baru ini namun kita telah dapat menghadapinya dengan penuh tabah dan berkat kepimpinan Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri telah dapat memberi bantuan dan memulihkan kembali keadaan. Namun kita perlu sentiasa mengawasi dan memantau iklim cuaca yang kini tidak menentu kerana hakisan rumah hijau dan lapisan ozon. Yang paling penting pihak Kementerian Alam Sekitar perlu bekerja keras dan berkesan dalam memastikan peraturan penjagaan alam sekitar setempat, peringkat negeri dan negara. Saya mencadangkan agar badan pemantau kementerian dapat dikaji semula bagi memastikan cukup keupayaannya sama ada dari aspek kakitangan, penguat kuasa mahupun teknologi yang perlu diperbaharui agar cekap mengesan pelanggaran peraturan alam sekitar dan perubahan cuaca yang boleh mengakibatkan kerosakan alam sekitar.

Adalah amat penting penyelidikan yang berterusan dibuat, mesra alam sekitar agar alam ini akan terus dapat diwariskan kepada anak cucu kita. Pembalakan haram dan penebangan pokok untuk kawasan perumahan adalah masalah utama yang perlu kawalan dan pemantauan yang lebih teliti. Mengenai bayaran denda juga perlu dikaji agar setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Tuan Yang di-Pertua, di peringkat negeri Sabah kami juga menghadapi masalah banjir yang tidak kurang hebatnya seperti kejadian banjir di daerah Kinabatangan, Beluran, Beaufort dan Kudat yang juga telah mengakibatkan kerugian besar khususnya dari segi kegiatan pertanian yang musnah akibat banjir.

Rakyat negeri Sabah juga mengharapkan kerajaan pusat terus memberikan bantuan bukan sahaja dalam usaha memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur asas rakyat bagi usaha menghalang kejadian banjir yang lebih besar umpamanya masalah perparitan sungai dan tindakan penguatkuasaan yang perlu diperketat. Sabah juga memerlukan bantuan berbentuk penyediaan kemudahan rumah-rumah penduduk di kawasan yang lebih selamat dan kukuh. Sesungguhnya soal kemiskinan tegar yang dihadapi oleh kebanyakan rakyat khususnya di kawasan luar bandar seperti Tungud, Kinabatangan, Kota Marudu, Kudat dan Beluran telah memberikan kebimbangan kepada rakyat apabila tiba waktunya setiap musim tengkujuh.

Walau bagaimanapun kerajaan negeri di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Musa Haji Aman, Ketua Menteri Sabah sememangnya terus berusaha untuk membantu menyelesaikan pelbagai masalah berkenaan tetapi oleh sebab kos-kos penyediaan amat besar maka Sabah amat berharap bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, kemerdekaan 50 tahun negara harus dihayati dengan penuh insaf betapa usaha gigih diteruskan dan betapa ianya perlu diwarisi agar negara terus bebas sebarang jenis penjajahan. Perang utama kini adalah penjajahan rasuah yang kini merupakan satu penjajahan yang boleh melumpuhkan negara sama ada dari segi produktiviti, modal insan, kemantapan sistem pelaksanaan dan segala termasuk menggugat integriti dan maruah negara.

Saya menyokong penuh dasar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memerangi rasuah. Saya ingin mencadangkan BPR ditukar menjadi satu badan swasta yang akan bertindak menghapuskan rasuah kerana badan penghapus rasuah ini perlu bebas dan dapat bertindak dengan sistem mahkamahannya sendiri agar tidak terikat dan dapat bergerak dengan cepat.

Peruntukan kewangan yang lebih perlu diberikan agar ianya berjalan lancar dengan kakitangan yang mencukupi yang mempunyai kemahiran yang tinggi. Rasuah adalah barah jika tidak dapat dibendung, kita tidak akan dapat menjadikan negara ini negara yang maju berdasarkan prinsip-prinsip Islam Hadhari, rasuah adalah perkara yang sangat dibenci dalam Islam hukumnya adalah haram.

Malah lebih serius lagi ianya boleh menyebabkan kehilangan maruah negara dan negara boleh tergadai. Zaman teknologi menuntut kepada ketelusan, ketelusan itu dapat dilaksanakan tidak dapat disorok. Saya cadangkan CCTV harus diperbanyakkan untuk sentiasa dapat membantu memantau kegiatan kakitangan di semua peringkat. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya makna merdeka 50 tahun itu perlu dihayati sepenuhnya. Rakyat pelbagai bangsa perlu diingatkan tentang perlunya hidup berharmoni walaupun kita dari pelbagai kaum dan agama haruslah hormat-menghormati antara satu sama lain. Di Dewan yang mulia ini ingin saya menyentuh sedikit berkenaan pembinaan patung Dewi Laut di daerah Kudat. Kononnya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah menghalang pembinaan tersebut, sebenarnya kenyataan itu adalah tidak benar.

Kerajaan negeri tidak pernah menghalang pembinaan patung di Wilaut ini kerana ada bantahan daripada masyarakat setempat maka kerajaan negeri mengambil tindakan untuk memberhentikan sementara pembinaan tersebut dan meminta pihak berkenaan mengambil kira sensitiviti agar dapat dibina di tempat yang lebih sesuai. Tuan Yang di-Pertua, dalam hal yang demikian bukannya pertama kali terjadi di Sabah, masa kerajaan di bawah kepimpinan Yang Berbahagia Datuk Yong Tek Li pun ada seorang Ketua Paderi ingin membina sebuah gereja di Sepanggar, cerita yang sama. Pembinaan tidak sesuai pada tempatnya maka mereka tidak membantah dan bersetuju atas arahan kerajaan negeri pada masa itu. Begitu juga pernah terjadi pembinaan sebuah masjid di Penampang yang juga diberhentikan oleh sebab cerita yang sama.

Orang Islam pun tidak membantah dan mengikut arahan kerajaan negeri. Saya percaya rakyat Sabah amat menyokong usaha kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Musa Haji Aman yang telah mengambil kira semua pandangan dan telah pun mengadakan pertemuan dengan semua ketua-ketua agama di negeri Sabah baru-baru ini. Sebulat suara bersetuju dengan keputusan kerajaan yang mengambil kira memelihara perpaduan dan keharmonian agama dan kaum di negeri Sabah yang selama ini memang aman damai dan terpelihara. Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mencadangkan agar satu jawatankuasa khas diwujudkan yang diketuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah untuk membuat kajian khusus pentadbiran dan pengurusan keadilan pelbagai agama.

Dalam konteks yang sama saya juga ingin mencadangkan Mahkamah Syariah diperluaskan bidang kuasanya agar meliputi bidang kuasa muamalat dan juga perkara berkaitan pentadbiran hukum-hukum syariah yang lain untuk kita dapat memastikan dan memperlihatkan keadilan hukum Islam itu. Untuk dapat memberi imej baru kepada Mahkamah Syariah saya ingin

mencadangkan agar Mahkamah Syariah ditukar nama kepada Mahkamah Hadhari. Ini adalah bagi tujuan ianya dapat memberi gambaran mahkamah keadilan untuk semua tidak kira agama. Justeru itu juga rancangan terperinci hendaklah dibuat untuk menaik taraf Mahkamah Syariah ini dalam semua aspek agar bersesuaian dengan statusnya sebagai satu tempat yang tinggi untuk memberi sistem keadilan sama ada secara fizikalnya mahupun dari pengisiannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyanjung tinggi berhubung Titah Tuanku terhadap pencapaian ekonomi negara dalam pelbagai aspek masa kini. Baik melibatkan soal pelaburan jangka panjang dan jangka pendek negara dalam bidang aliran tunai dan demikian juga berhubung soal perkhidmatan serta daya saing yang tinggi ke atas pelbagai keperluan.

Ini adalah bagi tujuan ia dapat memberi gambaran mahkamah keadilan untuk semua tidak kira agama. Justeru itu juga rancangan terperinci hendaklah dibuat untuk menaikkan taraf Mahkamah Syariah ini dalam semua aspek agar bersesuaian dengan statusnya sebagai satu tempat yang tinggi untuk memberi sistem keadilan, sama ada secara fizikalnya mahupun dari pengisiannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyanjung tinggi berhubung Titah Tuanku terhadap pencapaian ekonomi negara dalam pelbagai aspek masa kini. Baik melibatkan soal pelaburan jangka panjang dan jangka pendek negara dalam bidang aliran tunai dan demikian juga berhubung soal perkhidmatan serta daya saing yang tinggi ke atas pelbagai keperluan. Semuanya adalah di atas buktinya kerjasama antara pemimpin dan rakyat pelbagai kaum dalam negara yang bertanggungjawab dan berdedikasi dalam soal berkaitan, sesuai dengan persaingan terbuka diamalkan di dalam dan luar negara.

Di Sabah, kerajaan negeri dan rakyat turut berbesar hati kerana juga menerima pelbagai faedah dalam menjana ekonomi yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan di peringkat pusat dan negeri-negeri. Kerancangan dalam menjayakan dana melaksanakan projek-projek mega di merata semenanjung Malaysia bukan sahaja turut memberikan peluang pekerjaan yang besar termasuk daripada rakyat Sabah yang berhijrah ke negeri-negeri di seluruh negara, tetapi menjadikan negeri ini sebagai sub-komponen terhadap bidang-bidang berkaitan, berasaskan kepada keprihatinan dan kerjasama dalaman di peringkat negeri-negeri.

Kita berharap daripada pembangunan terhadap sektor pelancongan dan bidang berasaskan kelapa sawit, bidang-bidang ekonomi dua hala ini dikembangkan kepada aktiviti perindustrian lain yang lebih memberi impak kepada negeri Sabah sendiri dari aspek pertambahan pendapatan isi rumah. Namun kekuatan ini bukan sahaja harus dipertahankan, tetapi pelbagai pendekatan dan usaha gigih perlu dilipatgandakan oleh semua pihak bagi memastikan negara bukan sahaja terus menjadi pusat tarikan pelaburan luar, tetapi menawarkan lebih banyak kemudahan dan peluang kepada pelabur terhadap bidang-bidang perusahaan yang berdaya maju, berasaskan sumber-sumber mentah yang terdapat dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh memperhebatkan lagi penerokaan dan penyelidikan pembangunan atau R&D dalam bidang kejuruteraan pertanian termasuklah perladangan kelapa sawit, bidang herba, pakaian dan automotif yang sebahagiannya sudah mendapat tarikan negara-negara luar. Memang terbukti, kesemua ini amat relevan dengan program pembangunan modal insan yang diberikan penekanan dalam negara menerusi perhatian khusus diberikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menepati keperluan misi nasional, negara dalam menuju Wawasan 2020.

Oleh itu, penekanan perlu diberikan oleh kementerian dan agensi-agensi terlibat terhadap penerokaan-penerokaan yang dimaksudkan bagi meletakkan pencapaian sains dan teknologi negara setanding dengan negara-negara pesaing di bidang-bidang dimaksudkan.

Pertumbuhan badan-badan berkaitan kerajaan atau GLC yang mempunyai kepakaran di bidang-bidang pertanian umpamanya perlu digalakkan bukan sahaja boleh mendorong kelahiran lebih ramai golongan muda menceburi bidang-bidang berkenaan, tetapi memiliki kepakaran khususnya melibatkan kepelbagaian dan ke tahap lebih tinggi untuk meletakkan negara sentiasa dalam persada persaingan ekonomi di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan Titah Tuanku bahawa penyertaan golongan wanita dalam bidang-bidang berkaitan perlu diperhebat tanpa mempersoalkan lagi terhadap persaingan gender dan sebagainya. Setakat ini kedudukan negara yang semakin berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan pemain ekonomi luar adalah atas sebab di mana golongan wanita juga diberikan peranan dan kepercayaan yang tinggi menjayakan bidang-bidang yang memberikan peluang jangka pendek dan jangka panjang kepada negara.

Dengan saranan Tuanku agar penubuhan Jawatankuasa Kesaksamaan Gender terus mengkaji segala dasar dan undang-undang bagi melindungi hak dan maruah kaum wanita. Sesungguhnya ini adalah mencerminkan terhadap prinsip negara yang sedia memberikan keyakinan dan sokongan kepada semua individu dan gender tanpa merujuk kepada soal taraf dan kedudukannya semata-mata mementingkan pencapaian dan proses menambah nilai rakyat negara terus diberikan keutamaan.

Di Sabah, kerajaan negeri yang dipimpin oleh Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Haji Aman telah menunjukkan kepercayaan yang penuh kepada seluruh kaum wanita agar berjaya dalam segala bidang, sekali gus meletakkan kaum ini sebagai asas utama kepada keutuhan keluarga dan masyarakat. Menjadi sebahagian penjana penting terhadap hala tuju membangunkan modal insan.

Tambah nilai oleh hala tuju pembangunan negeri dalam pembangunan berasaskan pertanian, pelancongan dan perindustrian, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah terus menyarankan pelbagai pendekatan yang lebih berkesan agar cita-cita untuk menjadikan Sabah sebagai negeri maju pada 2015 dapat direalisasikan, berasaskan kepada fakta-fakta yang saya sebutkan tadi.

Kami di Sabah juga begitu berbesar hati dengan ketibaan perancangan pembangunan ekonomi melalui koridor pembangunan Sabah yang turut ditekankan dalam Titah Ucapan Tuanku. Selain di Kota Kinabalu sebagai ibu negeri, penekanan pembangunan koridor Sabah ini perlu diberikan perhatian kepada bandar-bandar dan daerah di pantai timur Sabah. Ini kerana di kawasan ini bukan sahaja terdapat himpunan kawasan-kawasan yang strategik bagi menjayakan pertumbuhan ekonomi, tetapi sebagai sokongan kepada bidang-bidang ekonomi lain yang semakin berkembang di kawasan antara bandar ini sebagai contoh di antara Tawau dan Sandakan, Sandakan dan Kota Kinabalu.

Di kedudukan ini bukan sahaja terletak pusat-pusat pelancongan antara yang terkenal di Asia, tetapi memberi tambahan aplikasi terhadap perancangan-perancangan ekonomi negara di masa depan. Sebagai contoh mengambil faedah daripada kewujudan kawasan pertumbuhan ekonomi. Demikian juga sebagai usaha menarik kembali tenaga-tenaga mahir belia yang bukan sahaja sedang berada di seluruh negeri semenanjung Malaysia, tetapi di merata Asia dan dunia untuk berkhidmat dalam bidang-bidang perindustrian dan sebagainya.

Kita yakin apabila, tumpuan pembangunan koridor Sabah ini dapat direalisasikan yang akan menjadi antara prospek ekonomi negeri yang boleh dibanggakan, sesuai dengan harapan dan hala tuju yang disasarkan di peringkat Sabah sendiri. Saya juga amat bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Penyampaian Perkhidmatan. Ia bukan sepatutnya bergerak aktif di seluruh semenanjung Malaysia dan bandar-bandar besar, tetapi perlulah diperluas peranannya di peringkat pekan-pekan kecil dan pejabat-pejabat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat peluang ini juga perlu turut diberikan kepada kakitangan kanan kerajaan yang sudah menamatkan perkhidmatannya sebagai mentor kepada kejayaan pelaksanaan tugas ini. Tetapi diperluas di peringkat siswazah menganggur yang mempunyai kelayakan, hinggalah soal memberikan kefahaman kepada kalangan penuntut di menara gading dan sebagainya.

Saya melihat tugas ini lebih kepada kejayaan satu untuk semua dan semua untuk satu dalam memastikan perkhidmatan kepada masyarakat. Sasaran bukan sahaja terlaksana dengan pantas dan berjaya tetapi menjurus kepada kualiti kerja dan seluruh nilai yang berkesan untuk mengangkat martabat negara di mata dunia. Sebagai sebuah negara yang pantas membangun tanpa menghadapi apa-apa masalah birokrasi yang selama ini menggagalkan cita-cita itu.

Kita amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah menjadi tanggungjawab ini sebagai antara teras perkhidmatannya terhadap negara dan rakyat. Dalam soal mengurus pembangunan dan menjayakan misi negara menjadi sebuah negara maju dalam pelbagai serba serbi, inilah masanya kita memberikan keutamaan kepada perkhidmatan yang setulus-tulusnya terhadap rakyat dan antara kaum. Sesungguhnya penubuhan Badan Integriti Negara bukan hanya sebagai lambang kepada komitmen itu, tetapi ia harus menjadi mini prestasi kepada kemakmuran negara atau dapat diterjemahkan rakyat menerusi tugas-tugas

proaktif ke arah mencapai matlamat ini. Mengenai hubungan luar dan keselamatan yang ditekankan oleh Tuanku, kita bukan sahaja terus bersifat disfungsi kepada keperluan ini, tetapi dalam memantapkan lagi keselamatan negara kita daripada dibolosi pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini saya ingin menyarankan kepada Kerajaan Persekutuan agar meningkatkan lagi kawalan ke atas perairan negeri Sabah dan negara secara umumnya. Di negeri Sabah kita saban hari berjaya melakukan tangkapan ke atas rakyat asing di tanah besar negeri menerusi komitmen keselamatan yang tinggi diberikan oleh pihak polis. Kita juga melihat pelbagai fenomena berlaku di sebalik kejayaan-kejayaan ini seperti rampasan makanan, rokok, ubat-ubatan kesihatan yang tidak mendapat sijil pengiktirafan daripada kerajaan Malaysia. Soal membabitkan masalah moral turut dikesan menerusi operasi-operasi tangkapan ini seperti rampasan terhadap najis dadah dan pembabitkan wanita-wanita asing dalam kegiatan tidak bermoral, bekerja di pusat-pusat hiburan dan sebagainya.

Keadaan ini telah memberikan kesan sosial terhadap rakyat tempatan untuk terpedaya dan menarik minat mereka bekerja di pusat-pusat hiburan berkenaan. Sehingga jika tidak dapat dikawal, boleh menjejaskan keutuhan institusi keluarga dan sebagainya. Persoalannya bagaimanakah parti ini masih boleh membolosi perairan negara secara berterusan dan seterusnya terlibat menjalankan kegiatan-kegiatan yang bertentangan dengan peraturan pihak-pihak berkuasa. Dengan ini saya menyarankan pihak yang bertanggungjawab termasuklah pasukan keselamatan daripada pihak tentera laut, polis marin dan badan-badan berkaitan agar mempertingkatkan lagi komitmen dalam mengatasi masalah ini berterusan di Sabah.

Dalam kedudukan sebuah negara yang semakin maju dari segi aspek ekonomi dan ketamadunannya, sudah tentulah kita tidak harus mengetepikan soal pelaksanaan, peranan-peranan yang dipertanggungjawabkan demi mencapai kemajuan yang saksama dalam segala keperluan dan bidang untuk kebaikan keselamatan, keharmonian negeri, negara dan rakyat keseluruhannya. Saya juga amat yakin dan bersetuju dengan fungsi pelaksanaan Islam Hadhari yang ditekankan dalam kepimpinan negara hari ini menerusi aspirasi dan konsep kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita akan mencapai dalam segala kemajuan yang diharapkan secara berperingkat-peringkat. Dengan kata-kata yang sedemikian saya turut menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Puan Siw Chun untuk berucap.

4.44ptg

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya bagi mengambil bahagian dalam perbahasan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong pada mesyuarat penggal ke-4 Parlimen ke-11 pada 19

Mac 2007 yang lalu. Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa isu yang dibangkitkan dalam ucapan yang dibangkitkan dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda bertitah, bersempena Tahun Melawat Malaysia 2007, baginda menyeru semua lapisan masyarakat terutamanya barisan hadapan, industri pelancongan negara supaya sentiasa bersikap jujur, ikhlas dan mesra serta berusaha memberi layanan yang baik supaya Malaysia dijadikan antara destinasi pelancongan utama dunia.

Tuan Yang di-Pertua, kita mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pilihan utama selaras dengan imej kita sebagai negara infrastruktur kelas pertama, mesra pelancong dan sebuah negara yang unggul dari segi perpaduan kaum dan kebudayaan serta warisan yang lebih penting ialah Tahun Melawat Malaysia 2007 atau TMM2007 adalah juga untuk memperingati ulang tahun ke-50 kemerdekaan negara kita. Oleh yang demikian kita perlu melihat kepada skop yang lebih meluas apabila memasarkan Malaysia. Kementerian haruslah mencari jalan untuk mempromosi Malaysia bukan sahaja sebagai destinasi pelancongan tetapi juga sebagai pusat mesyuarat, persidangan antarabangsa dan pameran serta destinasi membeli belah dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, di sebalik usaha menjamin Malaysia sebagai destinasi yang mesra pelancong, imej negara ini sering tercalar dengan laporan maklumat balas pelancong-pelancong ditipu oleh pemandu teksi. Kakitangan barisan hadapan yang kurang mesra atau industri ramah mesra yang gagal memberi layanan memuaskan seperti yang diharapkan. Saya kadang-kadang merasa kesal dengan setengah pihak yang cuba mencemarkan nama baik negara.

Saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru semua pihak tidak kira swasta atau pun kerajaan, setiap individu haruslah berganding bahu, bekerjasama di antara satu sama lain bagi menggamit kehadiran pelancong asing mengunjungi negara kita. Hanya inilah menjadi kunci utama untuk mencapai jumlah 20 juta pelancong dengan hasil RM44 bilion yang menjadi sasaran Tahun Melawat Malaysia 2007.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini juga matlamat kita akan tidak tercapai dan kempen publisiti menjadi sia-sia sahaja jika tiada hubungan udara. Apakah usaha dan sejauh manakah kejayaan Kementerian bagi menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan seperti Kuwait Airways, Emirates Airways, Qatar Airways, dan lain-lain lagi Airways bagi menambahkan kekerapan penerbangan mereka ke Kuala Lumpur.

Pada pendapat saya, lebih banyak penerbangan bermakna lebih ramai pelancong kerana menarik pelancong dari jauh yang menjanjikan pulangan lebih lumayan serta pelancong daripada negara Asian yang penting bagi memenuhi sasaran. Bersangkutan dengan Tahun Melawat Malaysia 2007, saya ingin tahu tentang feri beroda yang berputar selama 40 minit bagi satu putaran yang dipanggil *Eye on Malaysia* yang terletak di Taman Tasik Titiwangsa

bersempena dengan pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2007 pada 6 Januari yang lalu. Berapakah perbelanjaan yang kerajaan belanja untuk sewa buaian putaran roda yang terbesar di Asia Tenggara itu dan adakah ianya berbaloi dengan pulangan yang diperoleh?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini menyaran kepada Kementerian Pelancongan supaya dapat merancang dan memperkenalkan pakej-pakej pelancongan yang menyeluruh yang melibatkan semua negeri besar dan kecil di dalam negara kita. Iaitu dari Johor sehinggalah ke negeri Perlis dengan tidak ketinggalan juga Sabah dan Sarawak. Agensi-agensi pelancong berperanan bagi memperkenalkan destinasi-destinasi pelancongan yang ada di setiap negeri kepada pelancong-pelancong dari luar negara dan juga domestik untuk dilawati.

Saya bangkitkan perkara ini kerana saya nampak pelancong-pelancong yang datang dari luar negara kebanyakan mereka hanya melawat tempat-tempat yang sudah popular dan sudah dikenali sahaja, kerana mereka tidak dimaklumkan di beberapa buah negeri juga mempunyai destinasi pelancongan tersendiri yang tidak kurang menyediakan keindahan serta keseronokan untuk dilawati.

Produk-produk seperti buah-buahan, contohnya di negeri Perlis kita ada buah-buahan mangga atau pun memelam harum manis makan dengan pulut. Makanan-makanan lain, kraf tangan, di samping penyediaan tempat tinggal *homestay* yang selesa yang mula berkembang di luar bandar juga merupakan antara produk yang boleh diketengahkan kepada pelancong untuk dilawati. Selain daripada itu, pemandu pelancong juga...

Tuan Ismail bin Kassim: Beri laluan Yang Berhormat.

Puan Siw Chun a/p Eam: Oleh sebab saya kesuntukan masa, saya rasa saya memohon maaf kepada sahabat saya Yang Berhormat bagi Perlis kerana nanti...

Tuan Ismail bin Kassim: Takkan *member* pun tidak bagi.

Puan Siw Chun a/p Eam: ...Tuan Yang di-Pertua akan potong pula isu-isu yang saya hendak bangkitkan.

Tuan Ismail Kasim: Tidak akan member tidak bagi?

Puan Siw Chun a/p Eam: ... Tuan Yang di-Pertua akan potong pula isu-isu yang saya hendak bangkitkan. Saya tidak membenarkan laluan. Terima kasih. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat.

Puan Siw Chun a/p Eam: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu, pemandu pelancong juga perlu berhemah mengamalkan budaya mesra serta memahami situasi setempat untuk dijelaskan kepada pelancong-pelancong. Selain daripada aspek layanan, aspek kebersihan juga tidak boleh diabaikan di mana ianya merupakan antara penyumbang kepada keselesaan pelancong yang datang ke negara kita.

Apa yang amat mendukacitakan saya, apabila ada pelancong luar negara yang memaklumkan kepada saya, beliau tegur pemilik sebuah restoran di mana tandasnya kotor, najis

lekat di sana sini, tambahan pula dengan baunya yang amat busuk. Jawapan yang beliau dapat daripada si pemilik, "Biasalah tu, tandas memanglah kotor. Kalau tidak kotor bukanlah nama tandas." Keadaan tandas di tempat awam lain seperti di stesen minyak, pasar, perhentian bas, di jeti-jeti kebanyakannya masih di tahap yang cukup mendukacitakan.

Persoalan saya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi memberi kesedaran sivik kepada rakyat kita untuk menjaga kebersihan tandas awam? Adakah pihak kerajaan ada perancangan untuk mewujudkan satu unit aduan di setiap PBT setiap negeri bagi pelancong ataupun rakyat kita mengadu tentang tahap kebersihan tandas-tandas ini.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua yang saya hendak sentuh di sini ialah dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menzahirkan perasaan kebanggaan Baginda terhadap kemajuan kaum wanita di negara ini, di mana sudah ramai wanita menjadi tenaga pekerja dan menjawat jawatan tinggi di peringkat pembuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang membimbangkan saya ialah isu wanita bekerjaya terutamanya pada peringkat eksekutif ke atas tidak berkahwin. Adakah pihak kementerian membuat kajian, apakah punca atau faktor sebenarnya dan sejauh manakah keadaan ini berlaku. Ada setengah-setengah pihak menyatakan bahawa wanita tempatan sukar mendapat calon suami yang sesuai kerana mempunyai pendapatan dan kelayakan akademi lebih tinggi berbanding lelaki.

Ada yang menyatakan wanita sendiri sebenarnya terlalu memilih. Persoalannya bagaimanakah ketidakseimbangan latar belakang lelaki dan wanita itu boleh diatasi dan isu ketidaksamaan tahap taraf pendidikan antara lelaki dan wanita. Apakah boleh dilakukan oleh pihak kementerian bagi mengelakkan jurang perbezaan bertambah besar.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah yang timbul pada masa sekarang ialah berhubung dengan hantaran perkahwinan yang terlalu tinggi sehingga menimbulkan masalah kepada pasangan yang ingin berkahwin dan membebankan keluarga pengantin lelaki sedangkan hantaran itu hanyalah satu hadiah ikhlas daripada pihak pengantin lelaki kepada pihak perempuan.

Jika hantaran perkahwinan itu dimaksudkan sebagai satu hadiah sudah pasti orang memberi dan menerima tidak akan memberatkan mental dan fizikal untuk berbelanja tetapi nampaknya keadaan sebaliknya berlaku bagi keluarga tidak mampu, sanggup gadai harta memenuhi kehendak dan keegoan kerana sikap tidak mahu kalah atau malu dengan masyarakat. Ini kerana mahu memenuhi standard menunjuk-nunjuk dan keperluan perkahwinan menjadi petanda aras kejayaan kehebatan sesebuah keluarga.

Bagaimanakah pihak kementerian bagi mengubah minda ke arah positif dan lebih menerapkan nilai keagamaan, etika hidup baik dan menganggap perkahwinan bukan masa tunjuk keegoan tetapi penyatuan dua jiwa.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong usaha JKM atau Jabatan Kebajikan Masyarakat yang bercadang mewujudkan unit khas bagi membendung gejala pembuangan bayi, sekali gus boleh membantu menyelesaikan masalah ibu yang melahirkan anak luar nikah atau dalam istilah bayi tidak sah taraf.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikhuatiri saya ialah sekiranya JKM hanya berminat berniat membantu ibu dan memberi perlindungan kepada bayi selepas dilahirkan tanpa mengadakan aktiviti kesedaran kepada masyarakat ia akan menjadi pusat pengumpulan bayi terbuang, yang mungkin menjadi beban serta mencetus kepada perkara yang lebih buruk maka saya ingin menyarankan supaya JKM lebih berhati-hati dalam pelaksanaannya supaya tidak menjadi alasan untuk menggalakkan remaja melakukan seks luar nikah dan menyumbang kepada pelbagai gejala sosial negatif lain.

Saya juga ingin tahu, tidak adakah mana-mana peruntukan undang-undang yang boleh dikenakan terhadap bapa ataupun lelaki yang tidak bertanggungjawab bagi mengelakkan gejala pembuangan bayi berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada dua isu lagi yang hendak dibawa di sini iaitu isu pertanian. Di celah-celah pembangunan yang pesat ini masih terdapat masyarakat petani, penternak dan nelayan yang belum mengecap pembangunan tersebut, seolah-olah mereka ini berada di pinggiran proses pembangunan negara. Sektor pertanian dan kemiskinan seolah-olah seiringan.

Amalan yang kerajaan lakukan sekarang adalah bertujuan menukarkan amalan pertanian tradisional kepada perladangan moden dan komersial. Kita tidak nafikan bahawa cita-cita ini murni namun persoalannya di sini cita-cita tidak kesampaian. Saya ingin bertanya kepada kementerian, sehingga sekarang, berapa peratuskah jumlah petani-petani, terutamanya petani kampung atau luar bandar yang telah berjaya keluar daripada garis kemiskinan negara mengikut negeri-negeri.

Faktor utama yang menentukan kejayaan sesuatu aktiviti pertanian ialah produktiviti, keberkesanan kos dan keupayaan mendapat pasaran. Saya bersetuju bahawa berlaku peningkatan hasil pengeluaran negara dalam bidang pertanian dari tahun ke tahun. Namun begitu saya juga ingin menyatakan bahawa adakah kerajaan sedar bahawa jumlah produktiviti pengeluaran pertanian negara masih lagi jauh daripada keperluan kita sendiri.

Sebagai contoh makanan ruji kita, iaitu beras, pengeluaran untuk keperluan negara hanya meningkat 2% dalam tempoh lima tahun. Di manakah kesungguhan kita untuk meningkatkan produktiviti kita? Apakah yang telah terjadi kepada petani-petani kita? Adakah petani kita masih tidak mengamalkan sistem amalan pertanian baik? Kalau tidak, mengapa? Di manakah hasil penyelidikan yang dilakukan oleh pelbagai pihak seperti pihak MARDI.

Sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kelapan sebanyak 535 projek R&D telah dilaksanakan yang melibatkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM529.7 juta. Daripada jumlah ini,

hanya 90 telah dikomersialkan, yang lainnya di mana? Saya ingin membangkitkan apakah program R&D yang telah dilakukan ini telah membantu golongan petani-petani kecil di luar bandar.

Isu seterusnya ialah mengenai dengan pendidikan, Tuan Yang di-Pertua. Pendidikan pra sekolah penting bagi kanak-kanak lima tahun ke atas supaya mereka memperoleh kesediaan untuk belajar yang kukuh sebelum melangkah ke alam persekolahan formal. Setiap kanak-kanak yang juga sistem tenaga dan modal insan pada masa hadapan perlu digembleng ke tahap optimum bagi memastikan negara kita tidak tercicir dalam gelombang globalisasi.

Semua pihak harus sedar pendidikan prasekolah adalah peringkat terpenting bagi membentuk emosi, fizikal, sosial dan perkembangan pemikiran kanak-kanak. Isunya di sini pendidikan prasekolah pada masa ini dikendalikan oleh pelbagai agensi di negara kita, iaitu:

Agensi	Jumlah kelas
Kementerian Pelajaran Malaysia	3,287
KEMAS	8,307
Jabatan Perpaduan Negara	1,500
Jabatan Agama Islam Negeri	960
ABIM	788
Pihak swasta	11,000

Walaupun Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan garis panduan kurikulum prasekolah kebangsaan sebagai rujukan standard kepada semua pihak bagi mematuhi. Persoalannya, sejauh manakah garis panduan kurikulum itu perlu dipatuhi?

Kementerian Pelajaran mengakui terdapat perbezaan di kalangan prasekolah sedia ada terutamanya yang dikendalikan oleh kerajaan dan swasta. Situasi ini telah menimbulkan banyak kekeliruan di kalangan ibu bapa. Perbezaan ketara ialah dari segi kaedah penyampaian pendidikan dan tahap kemudahan yang disediakan di tadika di negara ini.

Berkaitan dengan ini, Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Haji Noh bin Haji Omar pernah menyatakan ada tadika ini terlampau maju seperti ada tadika yang menggunakan komputer dan muridnya sudah pandai membaca dan menulis sedangkan sesetengah tadika di luar bandar masih tidak mengamalkan 3M iaitu membaca, menulis dan mengira.

Walaupun pihak Kementerian Pelajaran Malaysia bersedia meningkatkan pemantauan terhadap pengendalian prasekolah termasuk yang diuruskan oleh pihak swasta. Namun menjalankan pemantauan ini bukan satu perkara yang mudah sekiranya Kementerian Pelajaran Malaysia tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk melaksanakannya.

Cadangan saya untuk memudahkan pelarasan dan pemantauan prasekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia boleh mempertimbangkan kebolehlaksanaan mengambil alih

semua prasekolah yang di kendalikan oleh KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara, Jabatan Agama Islam Negeri serta ABIM dan diletakkan di bawah satu pengurusan di Kementerian Pelajaran Malaysia. Guru-guru atau pengajar-pengajar dan pembantu pengurusan prasekolah yang sedia ada dikekalkan, diberi latihan dan dibayar gaji oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Dengan cara ini, pemantauan mudah dijalankan dan dapat dipastikan kanak-kanak prasekolah di bandar dan di luar bandar mendapat akses dan peluang yang sama untuk mengikuti pendidikan prasekolah yang seragam dengan kemudahan prasarana yang memuaskan. Dengan cara ini juga, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui sistem maklumat pendidikan dapat menyediakan maklumat lengkap mengenai prasekolah di seluruh negara dari segi bilangan kelas, bilangan murid, bilangan tenaga pengajar, lokasi dan lain-lain maklumat yang berkaitan.

Pendidikan awal kanak-kanak - Tahniah diucapkan kepada isteri Timbalan Perdana Menteri yang juga pengerusi kumpulan...

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pendidikan awal kanak-kanak. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada isteri Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Kumpulan Penasihat Permata Negara kerana mengambil inisiatif untuk mengerakkan program pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak.

Dalam pembangunan modal insan, langkah ini adalah sangat tepat kerana pendidikan kanak-kanak bawah umur enam tahun dianggap kritikal bagi menentukan hala tuju pembangunan negara pada masa yang akan datang. Dengan mencontohi konsep Pusat Kecemerlangan *Pen Green Centre, Corby, London* juga wajar kerana kita boleh menggalakkan pendekatan bersepadu dalam memberi pendidikan awal kanak-kanak. Amalan baik melalui penyertaan ibu bapa dan komuniti setempat dalam pelbagai kegiatan pendidikan patut dicontohi.

Cadangan saya ialah program ini harus segera diperluas ke seluruh negara kerana konsepnya sangat sesuai bagi membentuk tenaga insan yang cemerlang untuk zaman dewasanya kelak. Maka pendidikan yang lengkap dan sesuai dengan keadaan semasa perlu disemai bagi kanak-kanak pada peringkat awal. Program Jagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (Permata) mampu memberi peluang kepada kanak-kanak dari golongan berpendapatan rendah mendapatkan pembelajaran awal yang berkualiti tinggi, perkhidmatan bantuan kekeluargaan, penyertaan komuniti dan perkhidmatan kesihatan berk komuniti.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya turut menyokong dan menjunjung kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Mesyuarat Penggal Keempat Parlimen Kesebelas pada 19 Mac 2007. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad dan kemudian Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng.

4.04 ptg.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, assalamualaikum w.b.t. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk Menjunjung Kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Selepas Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah. Silakan.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk Menjunjung Kasih atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan di atas keprihatinan tuanku terhadap pembangunan negara serta masalah yang menimpa rakyat jelata.

Keduanya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dari Dewan Negara di atas pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini. Junjung Kasih Tuanku. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Ahli-ahli UMNO yang telah meraikan ulang tahun ke-61 UMNO berserta dengan perayaan 50 tahun kemerdekaan negara kita tidak lama lagi.

Tuan Yang di-Pertua, 50 tahun negara Malaysia ini diperintah oleh rakyatnya sendiri, setelah dijajah oleh pelbagai bangsa dan keturunan. Beberapa rakyat menderita kini telah hidup lebih bahagia, semuanya ini kerana apa? Ini kerana perpaduan, kebijaksanaan pemimpin-pemimpin dahulu dan pemimpin kita sekarang. Kita menyatupadukan pelbagai bangsa dan etnik di bawah satu pemerintahan. Dengan pengalaman selama 50 tahun ini, negara luar melihat Malaysia sebagai contoh dengan izin *role model*. Kepada mereka, sistem kerajaan campuran Barisan Nasional kita ini telah menjadi ikon kepada negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah mudah-mudahan dengan semangat dan permuafakatan kaum, kita akan terus mencapai kemerdekaan 50 tahun lagi. UMNO masih ada, masih kuat, masih ada dengan parti-parti komponen yang lain, memerintah Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucap tahniah bagi Baginda Raja Muda Perak yang akan bertemu jodoh dan keputusan Baginda mengadakan majlis ringkas dan sederhana patut dipuji dan dicontohi oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak meringkaskan juga sebab ramai kawan-kawan kata tidak mahu balik sampai pukul 10.00 malam. Kita sudah maklum bahawa usaha penyeragaman sudah menunjukkan perkembangan terutamanya dengan penubuhan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia melalui ketua pengarahnya telah membuat pelbagai kaedah dan cara bagi melaksanakan penyeragaman di peringkat Mahkamah Syariah. Persoalannya di sini ialah

berapa lama lagi undang-undang ini boleh diseragamkan memandangkan ketidakseragaman ini banyak memberi kesan terutama sekali kepada pembentukan modal insan. Contohnya ketidakseragaman ini juga menyukarkan pelaksanaan proses penguatkuasaan terhadap keputusan yang telah diambil oleh Mahkamah Syariah negeri seperti proses penyampaian surat saman, yang hanya boleh digunakan di dalam negeri yang mengeluarkannya sahaja.

Justeru itu kes-kes seperti perintah nafkah dan perintah tahanan gaji dalam kes tuntutan nafkah tidak akan berjaya diselesaikan dan juga menunjukkan keputusan Mahkamah Syariah negeri tidak dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, saya secara peribadi ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih yang tidak terhingga kepada guru-guru yang sanggup mengajar di kawasan pedalaman. Saya mengucapkannya kerana pengorbanan dan rasa tanggungjawab yang telah mereka *commitkan*. Perdana Menteri sendiri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang kita kasihi juga amat menghargai pengorbanan mereka ini dan dengan ini telah meluluskan peruntukan di bawah RMK-9 tambahan sebanyak RM2.6 bilion dengan menjadikan RM9.7 bilion peruntukan untuk memperbaiki prasarana sekolah dan juga insentif kepada para guru ini. Saya percaya dengan peruntukan seperti ini akan membantu hasrat kerajaan untuk memperkasakan lagi sistem dan mutu pendidikan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk mendidik kanak-kanak dari usia seawal mungkin dan dengan ini penekanan kepada pendidikan prasekolah harus dilipatgandakan dalam usaha untuk memberikan pendedahan dan ruang terbaik kepada kanak-kanak ini untuk mengenali dan memulakan hidup yang terbaik dan harmoni.

Majlis Penyelarasan Dasar Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (Permata Negara) dipercayai akan dapat memberikan sumbangan besar ke arah mencapai matlamat ini. Pelaksanaan projek Permata ini adalah amat penting sebagai pendedahan awal kepada projek pembangunan modal insan dan juga akan menjadi teras untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama bermula dari alam kanak-kanak. Tahniah saya ucapkan kepada Datin Seri Rosmah yang telah memulakan dengan mencetuskan idea ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit, tadi banyak kemalangan kita pun susah, dari kualiti hidup kita sekarang pun gusar. Kemalangan di jalan raya, sekarang ini puratanya sebanyak hampir 300,000 kes setahun dan kematian purata 5,000 setiap tahun. Kalau kita lihat pula kes-kes jenayah perdagangan sekarang banyak yang dilakukan oleh orang-orang yang berpelajaran. Kerja dan tugas-tugas mereka seolah-olah seperti membuat kerja melepaskan batuk di tangga. Lihat kepada beberapa hospital dan bangunan baru yang dibina; ada bangunan yang belum siap tetapi telah banjir; ada bilik air yang bersebelahan dengan wad yang tidak mempunyai longkang untuk air disalurkan keluar sehingga melimpah; ada hospital baru yang dibina lebih kecil saiznya daripada hospital yang sedia ada, satu budaya penyelenggaraan yang tidak wujud langsung dalam masyarakat kita. Kenapa ini semua berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga pada tahun 1985, jumlah kes-kes HIV/AIDS di dalam negara hanya lebih kurang 5,000 orang sahaja tetapi sekarang sudah menjangkau lebih 70,000 kes.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa terpanggil untuk membicarakan tentang masalah HIV/AIDS ini yang semakin merunsingkan kita. Kadar jangkitan di tahap 19 kes sehari bukanlah satu perkara yang boleh dipandang mudah. Saya percaya pihak Kementerian Kesihatan sedang melakukan yang terbaik untuk mengatasi masalah ini. Cuma saya ingin tahu berapa ramai kakitangan di bahagian HIV/AIDS yang bekerja sepenuh masa menyediakan strategi jangka pendek dan jangka panjang tentang bagaimana Malaysia akan menghadapi dan menangani masalah negara ini. Apakah peranan atau langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi selain dari Kementerian Kesihatan? Adakah perlu kita menunggu jumlah kadar jangkitan naik menjadi 30 kes sehari untuk kita memberi jawapan secara sepadu? Kenapa kita masih lagi menangani masalah yang sebesar ini secara berasingan atau secara bersendirian?

Tan Sri Pengerusi, saya ingin membincangkan isu tentang tahap penguatkuasaan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat sengaja menyusahkan diri Yang Berhormat sendiri. Sebenarnya bila disebut Tan Sri Yang di-Pertua semua, Peraturan Mesyuarat hanya menyatakan:

"6(5) Dalam Peraturan-peraturan mesyuarat ini, kalimah "Tuan Yang di-Pertua" itu termasuklah siapa-siapa jua yang mempengerusikan mesyuarat mengikut syarat-syarat dalam perenggan (1) sampai (3) kecuali jika disebutkan terang-terang iaitu tidak termasuk orang lain; dan kalimah "Pengerusi" maksudnya ialah siapa-siapa jua yang mempengerusikan mesyuarat menurut syarat-syarat perenggan (1) sampai (4) kecuali jika kerendah ayatnya menunjukkan pengertian yang lain."

Jadi memadai untuk memudahkan Yang Berhormat supaya tidak tersasul sebut sahaja "Tuan Yang di-Pertua".

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Terima kasih, Tan Sri. Mohon maaf, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Saya ingin membincangkan sedikit isu tentang tahap penguatkuasaan. Dalam negara kita rata-rata rakyat melihat usaha-usaha kerajaan tidak kira sama ada di peringkat persekutuan ataupun di peringkat negeri yang berkaitan baik tentang memelihara alam sekitar, memerangi rasuah sebagai usaha-usaha yang tidak serius. Memang mudah untuk mana-mana pihak untuk membuat tuduhan demikian kerana pada masa kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggariskan kepentingan negara untuk menghapuskan rasuah, menjaga kebersihan sungai dan alam sekitar. Namun begitu masih ada lagi ... Minta maaf Tan Sri. *[Ketawa]* Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Saya merasa adalah tanggungjawab kita semua untuk mencari jalan penyelesaian kepada masalah-masalah yang berakar umbi ini supaya satu formula yang dapat memperbaiki keadaan ini dapat dicapai dan supaya rakyat dapat melihat usaha-usaha yang dibuat kerajaan adalah usaha yang tidak sia-sia. Adalah malang apabila rakyat mempersoalkan usaha murni yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hanya kerana dua tiga kerat individu yang tidak melaksanakan tugas mereka dengan penuh amanah, jujur dan ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun hendak menyokong tadi berkenaan dengan GLC... *[Mencari-cari nota di atas meja]* ataupun saya teruskan dulu ucapan saya ini. Baru-baru ini saya diberi kesempatan untuk berjumpa enam orang ibu tunggal, termasuk ibu tunggal dan sepasang keluarga muda. Mereka telah mengadu bahawa susah hendak membuat pinjaman. Seorang ibu tunggal mempunyai sebuah syarikat, dapat sebuah stesen minyak dan dengan berbekalkan duit simpanannya sebanyak RM30,000 dia meneruskan usaha itu. Stesen minyak ini adalah di tempat yang strategik tetapi malangnya RM30,000 isi minyak tidak cukup sebab katanya minyak ini *it takes three days dengan izin* baru dia dapat pulangan, baru dia dapat untung.

Dia tahu hakikat itu. Jadi dia pergi naik, turun bank dan begitu juga di institusi-institusi kewangan kerajaan tetapi malangnya semua memberikan jawapan "Tidak dapat. Harap maaf" semata-mata kerana seorang *director* dalam syarikat itu anaknya yang berumur 20 tahun, dia kata tidak layak membuat pinjaman. Oleh kerana dalam keadaan runsing hendak membayar gaji pekerja, ibu tunggal ini dia memilih jalan yang singkat untuk meminjam daripada "Along". Dia pinjam sebanyak RM30,000 dan dia kena bayar balik tiap-tiap sebulan RM1,000 *interestnya*. Kalau dia tunggu tiga hari baru dapat duit untung mengisi minyak itu, bermakna dia kena bayar RM33,000.

Yang keduanya, seorang ibu tunggal, dia telah pergi Jabatan Perikanan dan Jabatan Perikanan telah menolong memberi dia satu tempat untuk memelihara ikan keli. So, dengan duit simpanannya sendiri, dia mengusahakan kolam ikan keli. Dengan persetujuan pada mulanya bahawa jabatan akan menolong memberi takung dan makanan ikan itu. Tetapi malang setelah mula projek itu Jabatan Pertanian said "Saya mohon maaf tidak ada lagi duit peruntukan untuk memberi takung dan makanan ikan". Maka tersadailah wanita itu.

Yang ketiganya pula, ada seorang wanita juga yang hendak memulakan, sudah memulakan pun dengan duit simpanan memelihara ikan perhiasan. Telah panjat ke Bank Islam tetapi Bank Islam mengatakan minta maaf kita tidak boleh memberi pinjaman sebab memelihara ikan perhiasan adalah haram. Inilah juga satu persoalan yang saya katakan sebab kita semua ramai rasanya ada memelihara ikan perhiasan di rumah, di dalam akuarium. Itu yang kita tahu sama ada ia... Ini dilafazkan oleh Bank Islam. Dia kata haram, jadi di orang tidak boleh bagi pinjaman. Tetapi di sini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi di tengah-tengah tiga cerita ini isu Yang Berhormat hendak ketengahkan apa?

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Tuan Yang di-Pertua, isu yang saya hendak sampaikan ini ialah semoga pegawai-pegawai institusi kewangan ini gunakanlah budi bicara. Janganlah gunakan syarat yang terlalu *stringent*. Tiap-tiap wanita ini telah keluar duit simpanan Tuan Yang di-Pertua. Jadi bermakna dia berminat, dia betul-betul hendak menjalankan perniagaan. Jadi kita perlu beri pertolongan jangan mengikut syarat, oh tidak boleh. You hendak RM200,000 you kena bawa dua *guarantor*. Dua *guarantor* yang bergaji RM6,000. You hendak RM150,000, you bawa satu *guarantor* RM3,000. Siapa yang hendak jadi *guarantor* sekarang Tuan Yang di-Pertua.

Saya teringat Tuan Yang di-Pertua, ini bercerita tentang *money lenders ex*. Saya berjumpa dua orang juga anak Melayu yang mengatakan dia kata dia *show* dekat saya dia kata kakak jangan bawa ini sebab saya mula-mula saya punya perniagaan dengan duit daripada pengusaha *money lenders* ini. Sebab saya bawa *proposal* saya pergi bank. Bank kata tidak boleh, awak ini baru hendak berniaga. Awak berniaga dulu, esok bila sudah mula berniaga baru datang dekat kita orang. Dia dapat duit itu daripada *money lenders ex*, pengusaha *money lenders ex*.

Saya difahamkan ada seorang pengusaha *money lender ex*. Saya difahamkan ada seorang pengusaha *money lenders ex* ini ada 197 *outlet* Tuan Yang di-Pertua. *That mean* lebih besar daripada bank-bank kita dan saya... ialah kita dapat pujian yang betul, kita cakap betul. Yang puji-pujian ini ada yang memujinya, yang mula dia orang ingat. Dia orang tidak ada MPL. So, bila saya tanya macam mana dia tidak ada MPL? Rupa-rupanya dia mengambil kad ATM. Kad ATM peminjam tetapi mereka tidak menganiayai peminjam itu. Dia simpan cukup bulan dia jolok, dia ambil apa yang *due* dengan izin. Hak dia saja yang dia jolok.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau ini boleh dilakukan, ini adalah tauke-tauke ataupun majikan mereka daripada *money lenders ex*. *That means* dia berlesen. Jadi kenapa agensi-agensi kerajaan kita ini tidak gunakan, cari formula yang boleh menjadikan sampai begini yang tidak ada MPL langsung. Itulah maksud saya. *Instead of* kita tuduh orang hendak meminjam tidak mahu bayar, tidak mahu bayar. Itu ada kebenarannya tetapi untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, MPL ini tidak berlaku di kalangan wanita. Contohnya Amanah Ikhtiar. Kebanyakannya semua peminjamnya adalah wanita. Tidak ada MPL. Itu satu yang saya ingat semua Yang Berhormat tidak dapat menafikanlah.

Tuan Yang di-Pertua: Banyak lagi ke?

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Tidak banyak, sudah hendak habis sudah Tuan Yang di-Pertua. Saya juga hendak ucapkan tahniah kepada PUNB yang telah membeli kedai-kedai, kompleks-kompleks yang baru dibina. Saya ucapkan tahniahlah. Mudah-mudahan kedai-kedai yang dibeli itu adalah kedai-kedai yang strategik, bukan kedai-kedai yang diletak di sebelah belakang yang tidak boleh menolong peniaga-peniaga kita. Saya syorkan juga semoga agensi-

agensi kerajaan yang lain turut sama membeli kedai-kedai yang strategik di kompleks-kompleks dan lepas itu disubletkan kepada orang Melayu untuk berniaga Tuan Yang di-Pertua.

Ayat-ayat Al-Quran Tuan Yang di-Pertua, nanti saya tengok dia punya. *[Melihat pada helaian kertas yang dibawa]* Saya tadi dapat ayat-ayat Al-Quran ini di mana saya difahamkan orang menjual kad ini Tuan Yang di-Pertua. *Souvenir*, Allahuakbar, Bismillahirrohmanirrahim telah dijual merata-rata di kedai yang bukan Islam. Baru tadi seorang sahabat dia telefon, dia kata I baru balik dia kata. Dekat tengok memang ada kedai-kedai yang bukan Islam menjual ayat-ayat Al-Quran yang *simply* dengan izin diletakkan di bawah-bawah. Di depan kedai tetapi di bawah bukan di atas. So, saya telah melihat di sini bahawa tidak ada rang undang-undang.

Hanya garis panduan sahaja yang mengatakan penjualan bermaksud perbuatan kerja menjual. Dia termasuklah proses jual beli yang juga meliputi aktiviti-aktiviti eksport-eksport. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca yang lain itu. *[Menyemak semula kertas yang dibaca]* Ya, betul. Memperaga, mempamer, meletak, mengendali, memegang, membungkus, mengiklankan bahan-bahan yang mengandungi kalimah ayat suci Al-Quran.

Itu satu, lepas itu dia kata di sini lagi. 2.3 - orang-orang bukan Islam adalah diharamkan tidak boleh menulis, mengukir, membentuk, mempamer, menjual barang-barang yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran. Tetapi malangnya, Perlembagaan ada tetapi akta tidak ada yang boleh kita mengambil tindakan terhadap mereka. Begitu juga Akta Perdagangan, dia tidak ada yang boleh mengambil tindakan. So, saya syorkanlah supaya peruntukan undang-undang diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lega saya dengar akhir sekali.

Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad: Saya juga menyokonglah. Saya masih ingat di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, dulu kita Yang Berhormat-Yang Berhormat bangun membahaskan supaya GLC-GLC menyokong perniagaan-perniagaan bumiputera. Saya masih ingat lagi dan saya telah *confirmkan* dengan kawan-kawan yang lain. So, setelah hari ini Maybank membuat langkah yang pertamanya. So, tidak patutlah kalau saya tidak menyokong mereka.

Pada saya Maybank yang sebenarnya hanya mengambil inisiatif. Inisiatif sendiri melaksanakan tanggungjawab sosial korporat bank itu terhadap bumiputera. Bukan 100% bumiputera. *It's just a smart partnership* sebab mengambil *smart* secara dekat, bumiputera bersama-sama dengan non-bumiputera iaitu yang berwibawa. Dengan ini saya ingin saya ingin menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Dr. Lee Chong Meng.

4.40 ptg.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya berucap untuk Menjunjung Kasih kerana Titah Ucapan Tuanku, semasa membuka Penggal Keempat Parlimen yang Kesebelas. Saya ingin mengemukakan isu-isu berkaitan dengan industri pelancongan di negara kita kerana kini kita masih bergerak hebat tentang promosi Malaysia sebagai destinasi untuk pelancongan asing.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam masa yang terhad ini Yang Berhormat hendak ketengahkan isu-isu berkaitan sektor pelancongan keseluruhannya ataupun isu-isu yang menyentuh sektor pelancongan untuk yang menyentuh Bukit Bintang.

Datuk Dr. Lee Chong Meng: [Ketawa]. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya bangkitkan isu yang berkaitan dengan pelancong daripada Arab sahaja. Terima kasih.

Jadi kita mempromosikan Malaysia sebagai destinasi untuk pelancong asing sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 dan perayaan Kemerdekaan yang ke-50 pada tahun ini. Walaupun Yang Berhormat Menteri Pelancongan dan Timbalannya berusaha kuat untuk mempertingkatkan imej Malaysia di pasaran antarabangsa, pelbagai slogan telah dilancarkan antaranya ialah "*Malaysia Truly Asia*" amat menarik hati orang asing.

Saya yakin bahawa Tahun Melawat Malaysia 2007 akan berjaya jikalau semua pihak bekerjasama. Kalau projek Tahun Melawat Malaysia berjaya, semua rakyat akan mendapat faedah dan menikmati kejayaannya.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin bangkitkan berkenaan Bukit Bintang sekarang, pusat perniagaan yang penting di Kuala Lumpur, tapi saya sentiasa menerima komplain atau aduan atau cadangan yang positif untuk membantu pihak yang bertanggungjawab untuk menyempurnakan imej negara kita. *Point-point* yang akan dibangkit oleh saya betul-betul disampaikan kepada saya daripada pelancong asing daripada komuniti Arab di Kuala Lumpur di Fortuna Hotel iaitu Sahara Tent ramai pelancong Arab masih dan tiap-tiap malam menikmati makanan Arab.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa industri pelancongan amatlah penting untuk semua negara. Oleh sebab itu ada sedikit *competition* dari negara jiran iaitu Thailand, Singapura dan Indonesia. Tiap-tiap tahun iaitu apabila negara di Asia barat hadapi musim panas, rakyatnya sentiasa melawat negara-negara lain. Selepas masalah 9 November 2001 di Amerika, jadi kebanyakan rakyat Arab memilih negara di Asia Tenggara untuk percutian.

Malaysia dikenal pasti sebagai satu destinasi yang amat baik untuk keluarga, *family holiday* dengan izin. Oleh sebab itu kita lihat pada bulan Mei sampai bulan September ramai pelancong Arab melawat Malaysia dengan ahli-ahli keluarganya. Sebaliknya Thailand telah dijadikan sebagai destinasi untuk pelancong Arab tanpa ahli-ahli keluarga. Saya difahamkan bahawa jumlah pelancong Arab melawat Thailand adalah lebih daripada Malaysia. Kalau tidak silap saya lebih kurang setengah juta pelancong Arab melawat Malaysia setahun.

Di Thailand atau di Bangkok sahaja jumlah pelancong Arab adalah tiga kali ganda melebihi dari Malaysia. Isunya kita menghadapi...

Tuan Yang di-Pertua: Berapa kali ganda Yang Berhormat?

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Tiga kali, satu juta setengah. Isu yang dibangkit oleh saya ialah, kepada pelancong Arab, Bangkok adalah lebih selamat berbanding dengan Malaysia walaupun ada bom di situ. Tetapi polis pelancong ramai di jalan-jalan di Bangkok, perkara ini disampaikan kepada saya oleh agensi-agensi Arab di Kuala Lumpur. Lagipun kos kehidupan dan barang-barangan adalah lebih murah berbanding dengan Malaysia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, di Bangkok saya dimaklumkan oleh agensi-agensi pelancongan Arab bahawa di Kuala Lumpur perkhidmatan teksi tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Siw Chun bahawa tidak mesra. Saya terima kompelin kerana dari Sungai Wang ke Petaling Street teksi dikenakan caj sebanyak RM30 ringgit, hanya 10 minit sahaja. Inilah masalah yang timbul kepada orang Arab, mereka merasa ditipu kerana mereka tidak faham berbahasa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mana lebih sakit? Kita terasa kita bayar lebih atau terasa kita diperbodohkan?

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Yang kedua, diperbodohkan, ditipu. Saya pun dimaklumkan bahawa adalah lebih kurang 60%...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat minta laluan

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Okeylah, silakan

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana saya duduk di Bukit Bintang sepanjang tempoh Parlimen bersidang, saya memang merasakan bahawa oleh kerana di situ ramai pelancong, maka sindiket yang hendak menipu baik teksi, peminta sedekah, yang bagi *calling card* dan sebagainya beroperasi di situ. Oleh kerana itulah barangkali pelancong suka datang ke kawasan berkenaan.

Saya memikirkan dan saya ingin pandangan Yang Berhormat barangkali penguatkuasaan ini ataupun pegawai-pegawai yang menyamar dan sebagainya perlu diramaikan di kawasan berkenaan. Sebab saya baru-baru ini pun naik teksi, ketika saya naik dia pasang meter, di tengah perjalanan itu oleh kerana saya tanya "Mana Hotel Ritz Carlton?" dia sudah ingat saya ini orang luar. Jadi dia terus matikan meter, sampai di Sri Pacific dia minta saya RM10 ringgit. Saya kata "Atas dasar apa?" Saya kata "Saya ini Ahli Parlimen". Dia minta RM4 ringgit bila saya kata saya ini Ahli Parlimen. Sebab itu saya kata, itu yang timbul soal diperbodohkan ini, memang sakit hati. Jadi saya harap barangkali kita ramaikan polis di situ, penguat kuasa menyamar dan sebagainya. Apa pandangan?

Datuk Dr. Lee Chong Meng: Yang Berhormat, saya amat bersetujulah bahawa penguatkuasaan tidak baik kerana saya nampak teksi-teksi beratur di tepi jalan walaupun tepi itu

sempit, tetapi mereka tidak jalan kerana tunggu mangsa. Jadi ini perlulah diselesaikan kerana kalau tidak ada, industri pelancongan akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun dimaklumkan bahawa adalah lebih kurang 60% pelancong Arab tidak pulang balik ke Malaysia selepas lawatan pertama. Ini kerana mereka menghadapi masalah dan pengalaman yang tidak selesa. *No hospitality* di Malaysia ini perkataan yang disampaikan kepada saya oleh orang Arab di Kuala Lumpur.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini memang serius kerana hanya 40% akan balik ke Malaysia untuk melancong sahaja. Aduan-aduan yang selalu dibuat iaitu kes-kes ragut dan samun di jalan-jalan di Kuala Lumpur. Jadi kepada orang Arab, mereka merasakan bahawa Malaysia tidak selamat kerana mereka datang dengan isteri dan anak-anak mereka. Jadi kita perlulah mengadakan *mega sales* apabila pelancong Arab melawat Malaysia daripada Mei sampai bulan September, kerana setiap pelancong Arab membelanjakan di antara RM5 ribu sehingga RM10 ribu seorang sekali bila mereka melawat Malaysia.

Walaupun pelancong Arab kurang pergi pantai di Penang, atau di Port Dickson tetapi mereka membuat komen bahawa pantai-pantai di Malaysia tidak bersih dan kotor. Jadi ini satu dakwaan serius kerana saya berasa kerajaan tempatan perlulah mengambil tindakan yang positif, kerana kalau Menteri Pelancongan pergi ke *oversea* mempromosikan Malaysia tapi mereka datang, semua pantai-pantai kotor, tandas pun kotor, jadi ini satu fikiran yang negatif untuk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua adalah cadangan daripada agensi-agensi pelancongan Arab bahawa *Malaysia Tourism Board* perlulah mempromosikan kecantikan Sabah dan Sarawak ke pasaran Arab. Ini kerana orang Arab kurang pergi ke Sabah dan Sarawak kerana mereka fikir tempat itu jauh, tapi jikalau kita membuat promosi di pasaran Arab memang kita akan dapat menarik pelancong Arab ke Sabah dan Sarawak.

Kita lihat di Arab, adalah wang minyak dan kita boleh menggalakkan mereka melabur di Malaysia kerana pada rakyat Arab, pencapaian kejayaan ekonomi di Malaysia adalah satu kebanggaan untuk negara-negara muslim di dunia. Jadi, Malaysia perlulah mengambil kesempatan untuk menarik lebih *oil money* atau wang minyak untuk pelaburan di negara kita. Ini termasuk untuk menarik lebih pelajar-pelajar daripada negara Arab untuk mempelajari Sains, Inggeris atau lain-lain di universiti-universiti tempatan di Malaysia. Ini cadangan yang dibuat oleh orang Arab kepada saya dua hari dahulu. Ini boleh merapatkan perhubungan dan memperkukuh peluang perniagaan di antara Malaysia dan Arab selepas pelajar-pelajar balik ke negara asal selepas mereka tamat pelajaran di universiti-universiti di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran untuk pendidikan universiti amatlah besar kerana keadaan dan suasana di Malaysia amatlah lebih sesuai untuk pelajar-pelajar Arab kerana mereka adalah orang Islam. Untuk mempertingkat dan menggalakkan pelancong Arab ke Malaysia, kita perlulah melatih lebih *tourist guide* atau ahli bahasa yang berbahasa Arab untuk rombongan pelancong

Arab secara besar-besaran. Tuan Yang di-Pertua, lebih kaunter perlulah diadakan di lapangan terbang KLIA atau lain-lain lapangan terbang termasuk Sabah dan Sarawak dan pegawai pelancong yang boleh berbahasa Arab dan boleh berbahasa lain untuk menarik lebih pelancong asing. Saya difahamkan bahawa di New Zealand, di Auckland, bahasa Jepun, Cina, Arab telah disiarkan di New Zealand. Jadi ini akan mempertingkatkan imej untuk orang asing.

Tuan Yang di-Pertua, isu imej Jalan Petaling, *China Town*. Kepada pelancong asing atau Arab, ini bukanlah *China Town*. Ini telah ditukar daripada *China Town* ke *Cowboy Town*, Bangladesh atau Myanmar kerana dahulu *China Town* mempunyai ciri-ciri kebudayaan Cina. Tetapi sekarang, sebaliknya keadaan ini telah berubah seolah-olahnya apabila pelancong asing pergi ke *China Town*, mereka nampak hanya rakyat atau pekerja asing tanpa izin dari Bangladesh, Myanmar sebagai samseng bekerja di situ. Tidak menghormati pegawai DBKL. Saya difahamkan bila Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan hendak pergi Jalan Petaling, Jalan Petaling disesakkan bukan pelancong tetapi pekerja-pekerja asing tanpa izin, mereka berniaga di tengah jalan sampai kereta menteri tidak boleh jalan. Inilah satu situasi yang kita perlu selesaikan. Kita janganlah menjejaskan imej *Petaling Street* yang cukup bersejarah dan menarik pelancong asing dari seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, semua pihak tidak kira sektor kerajaan atau swasta perlulah bekerjasama untuk menjamin kejayaan *Visit Malaysia Year* kerana berjuta-juta pelancong asing akan melawat negara Asia, *Asian Country* selepas Olimpik 2008 diadakan di Beijing kerana berjuta-juta pelancong asing akan balik ke Malaysia selepas lawatan di Beijing untuk Olimpik 2008. Kita perlulah mengambil kesempatan ini untuk mempertingkatkan imej Malaysia di pasaran antarabangsa mahupun untuk peluang perniagaan antarabangsa selepas trend globalisasi atau sektor pelancong dan Malaysia *is gifted* dengan destinasi-destinasi yang cukup semula jadi dan cantik dan kita mempunyai pelbagai kebudayaan dan ciri-ciri yang lebih untuk menjual Malaysia kepada pelancong asing. Inilah komen-komen yang dibuat oleh kawan saya iaitu kawan daripada Iraq dan Kuwait. Apabila dia bersama dengan saya, inilah *point-point* yang saya telah ambil. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan isu yang lain. Saya hendak bangkitkan isu yang serius yang sentiasa dibangkit dan dibahaskan oleh ahli-ahli politik dan orang ramai di Kuala Lumpur. Ini akan menjejaskan suasana yang aman dan damai di Kuala Lumpur atau di Wilayah Persekutuan. Isu-isu yang dibincangkan di peringkat orang awam di kedai kopi dan pasar malam tidaklah sihat untuk negara kita walaupun kita telah mencapai kemerdekaan selepas 50 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Barisan Nasional adalah satu parti politik untuk semua kaum dan semua kaum adalah diwakili oleh parti mereka termasuk Yang Berhormat Siw Chun daripada Perlis, daripada Siam. Jadi isu-isu berkenaan perkauman perlulah diselesaikan di peringkat atasan untuk kebaikan negara kita, bukanlah peringkat bawahan untuk *politicking* sahaja. Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai rakyat Malaysia sentiasa berasa bangga sebagai *Malaysian* kerana

apabila kita ada di luar negara, orang asing menghormati kita kerana negara kita aman dan damai. Pelancong asing apabila mereka melawat Bukit Bintang, mereka pandang Malaysia sebagai negara yang berimej tinggi.

Jadi kita perlulah bekerjasama untuk memastikan bahawa Malaysia terus maju dan dihormati oleh negara-negara di rantau ini. Apabila kita pergi *oversea, we mention we are Malaysia, they said*, “*Oh, wonderful country*”, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat negara-negara di rantau Asia, negara-negara seperti China, India dan Vietnam telah mencapai prestasi yang cemerlang dan keadaan ekonomi di negara masing-masing itu telah meningkat dengan begitu baik dan tahap kehidupan rakyat yang saya sebut itu pun adalah dipertingkatkan. Inilah satu contoh yang kita mesti pelajari untuk kebaikan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat negara-negara yang saya sebutkan tadi, senang fokus tentang pembangunan negara, ekonomi dan lain-lain untuk memberi faedah kepada rakyat jelata, tetapi kita lihat ada sebahagian ahli-ahli politik tertentu masih bergaduh tentang isu yang kecil atau sensitif selepas 50 tahun kemerdekaan. Ini mungkinlah ada berkaitan dengan pilihan raya yang akan datang. Ini bahaya kerana ia boleh merosakkan perhubungan rapat yang telah diwujudkan selepas lima tahun di antara semua kaum di Malaysia. Saya merayu kepada pihak-pihak tertentu, mestilah ada *self control* dengan izin untuk kebaikan negara kita dan marilah kita sama-sama bekerja kuat, berganding bahu untuk mempertingkatkan negara kita dan mendapat cemerlang, gemilang dan terbilang untuk negara kita.

Inilah satu impian yang saya ada sebagai rakyat Malaysia di Malaysia. Jadi dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah. Kalau Yang Berhormat belum bersedia, saya boleh berikan kepada orang lain.

4.50 ptg.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Insyaa-Allah, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu saya tidak banyak. Sebelum saya memulakan perbahasan saya, ingin saya Menjunjung Kasih di atas keprihatinan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sepertimana yang telah diluahkan melalui Titah Ucapan Baginda semasa perasmian Parlimen tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan beberapa perkara. Yang pertama...

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: ...tentang media. Perkara ini telah banyak kali diperkatakan sama ada dalam soalan mahupun dalam perbahasan tetapi hingga kini ia masih lagi berlarutan. Ketidaksensitifannya media massa yang banyak memainkan peranan

mengadudombakan atau suka memperbesarkan isu perkauman seolah-olah mahukan Peristiwa 13 Mei 1969 berulang lagi. Mungkin perkara ini di pihak politik faham dan ada juga di kalangan orang politik cuba menunjukkan heronya, kononnya merekalah pejuang bangsa.

Media dibaca oleh orang ramai termasuk budak-budak sekolah. Dari itu, media mesti sentiasa sensitif. Kita mengharapkan pihak media bila Perdana Menteri memberikan komen berhubung dengan apa-apa juga isu, maka pihak media hendaklah dengan serta-merta memberhentikan isu tersebut dengan tidak memperbesarkannya kerana kita harus menunjukkan hormat kepada pemimpin selaras dengan Perlembagaan Negara. Pihak media jangan salah ertikan sistem keterbukaan negara hari ini.

Kita harus menguruskan keterbukaan ini dengan bijaksana, tenang, prihatin, sentiasa sensitif dan tidak dibelenggu dengan perkauman yang sempit. Kenyataan Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Persidangan Parlimen harus dijadikan azimat kepada semua, baik pemimpin, pengikut, penyokong, pembangkang dan seluruh rakyat dari pelbagai lapisan yang mana Baginda menyatakan bahawa perpaduan rakyat adalah kunci kejayaan negara dan masyarakat. Tanpa perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat, negara akan berpecah belah dan akhirnya binasa dengan hasutan dan kebencian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kementerian bertindak dengan lebih drastik bagi menentukan perkara itu tidak berulang lagi bagi memelihara perpaduan di antara kaum selaras dengan pemerintahan perkongsian kuasa yang telah kita amalkan. Jangan media menjadi pembakar semangat perpecahan kaum dalam Malaysia khususnya, bagi generasi muda yang bakal mewarisi pusaka pemerintahan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi yang kita nampak dengan nyata, peranan yang dimainkan oleh media yang tidak langsung menghormati kehendak kerajaan dalam kempen untuk membanteras 'Ah Long'. Setiap hari kita baca di muka akhbar tidak kurang daripada dua hingga tiga muka surat yang mengiklankan tentang perniagaan 'Ah Long-Ah Long' ini dan tawaran-tawaran yang diberikan oleh 'Ah Long-Ah Long' ini. Pertanyaan saya, apakah kementerian langsung tidak mempunyai kuasa untuk melarang, memberi amaran atau mengambil tindakan kepada media. Saya juga ingin tahu berapa kali dan berapa banyak amaran atau denda yang telah dikenakan kepada pihak media dan apakah hukuman atau berapa banyak bayaran denda yang telah dikenakan?

Tuan Yang di-Pertua, masalah media inilah yang hendak kita perkatakan. Jangan kerana media boleh menghancurkan negara kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah harapan saya supaya sesuatu tindakan yang harus diambil oleh kementerian.

Saya beralih kepada kenaikan gaji. Izinkan saya merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau terhadap anggota perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua: Supaya Yang Berhormat jangan disalah anggap oleh media, saya ingin bertanya, di antara peranan sebagai penyampai atau penyebar maklumat, pengiklan, penghibur, pendidik, pembentuk *worldview*, pendukung demokrasi dan pendukung pemerintah, yang mana satu peranan media yang Yang Berhormat kehendaki?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Boleh Tuan Yang di-Pertua ulang balik semula?

Tuan Yang di-Pertua: Apa Yang Berhormat?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Boleh ulang balik semula tak?

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai penyampai atau penyebar maklumat, sebagai pengiklan, sebagai penghibur, sebagai pendidik masyarakat, sebagai pembentuk *worldview*, sebagai pendukung demokrasi dan sebagai pendukung pemerintah di antara peranan yang boleh dimainkan oleh media. Yang mana satu yang Yang Berhormat mahu?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, semuanya patut dimainkan oleh media tetapi mestilah mengikut landasan-landasan yang betul. Maknanya dari segi penghibur, ya betul, semua orang memerlukannya. Seperti apa yang telah dinyatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, tetapi mesti ada landasan-landasannya dan memikirkan sensitiviti-sensitiviti kepada lain-lain.

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Mohon maaf kerana mengganggu.

Dato' Omar bin Faudzar: Minta laluan, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah cadangan Yang Berhormat iaitu apakah tindakan yang patut diambil oleh media-media massa di Malaysia ini? Adakah patut ditutup semua media massa di Malaysia ini? Terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya tidak bermaksud begitu, Tuan Yang di-Pertua, tetapi memadailah memberikan satu garis panduan yang betul kerana hari ini kita tengok khasnya perkara Maybank, perkara kecil diperbesar-besarkan, sengaja diperbesar-besarkan. Itu hak Maybank. Tidak perlu dipertikaikan. Saya tidak mahu mempertikaikan perkara itu lagi kerana sudah banyak kawan bercakap. Tetapi sebenarnya banyak perkara yang sikit, yang khasnya yang boleh memecahbelahkan perpaduan itu di *highlightkan*. Ini yang saya hendak perkatakan kerana kita dalam negara dan rakyat yang majmuk. Maknanya kita berbilang bangsa, Tuan Yang di-Pertua. Bukan maksud saya, tutup, tetapi berikan garisan yang tertentu. Kalau sekiranya mereka gagal menepati syarat-syarat yang ditetapkan, kalau perlu kita tutup, kita tutup, Tuan Yang di-Pertua.

Saya mulakan semula. Izinkan saya merakamkan terima kasih kepada Perdana Menteri di atas keprihatinan beliau terhadap anggota perkhidmatan awam. Tidak dapat dinafikan bahawa anggota perkhidmatan awam adalah penentu kejayaan negara. Cadangan kenaikan gaji yang

akan diumumkan, akan dapat sedikit sebanyak membantu anggota perkhidmatan awam bagi meringankan bebanan mereka untuk terus hidup dengan lebih sejahtera lagi.

Sesungguhnya pertimbangan yang sewajar ini mestilah dibalas dengan mempertingkatkan lagi usaha, melipatgandakan kerja dan meningkatkan prestasi jentera pentadbiran negara bagi menentukan hasrat negara untuk menjadi negara maju akan tercapai. Semoga dengan kenaikan gaji akan dapat menghapuskan rasuah dan penyelewengan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya bayaran pencen harus dikaji semula terutama kepada mereka yang berjawatan rendah kerana pencen hari ini yang diterima oleh pesara adalah setengah daripada gaji asal amat merumitkan pesara itu untuk menampung kehidupan mereka. Tambahan pula kalau seseorang itu meninggal sebelum bersara, apabila dia bersara, pemotongan kepada isteri juga akan dibuat oleh kerajaan. Dari itu saya ingin mencadangkan supaya bayaran pesara ini, setengah daripada gaji hendaklah dinaikkan kepada tiga suku daripada gaji.

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan kerajaan ini hendaklah juga diikuti oleh pihak swasta dan badan berkanun. Kementerian Sumber Manusia hendaklah menentukan bahawa syarikat swasta dan badan-badan berkanun hendaklah menjaga kebajikan pekerjaannya terutama golongan bukan eksekutif. Masih terdapat pekerja yang tidak mendapat elaun tambahan seperti COLA. Mereka ini hanya mendapat gaji pokok semata-mata. Kadang-kadang beban pekerja-pekerja ini juga dibebankan apabila syarikat sudah maju, gaji tidak naik, malahan mereka berpindah ke tempat lain, sedangkan selama hari ini mereka di dalam satu kawasan, umpamanya hari ini SIRIM berada di Shah Alam.

Apabila sudah maju, dia pindah sama ada ke Sepang, Bukit Jalil dan sebagainya. Tetapi pekerja yang dipindahkan ke kawasan baru ini tidak langsung diberikan kebajikan oleh majikan mereka. Umpamanya pekerja-pekerja ini hanya dibayar RM150 ke RM200 setiap tahun, bukan setiap bulan, setiap tahun. Mereka ini sudah bermastautin di Shah Alam, sudah lama duduk di situ, sudah ada rumah di situ tetapi bekerja jauh, tetapi langsung tidak difikirkan kebajikan mereka ini.

Kementerian juga hendaklah menyemak kerana ada syarikat ataupun badan berkanun ini mengutamakan bajet pembangunan dari memberikan inisiatif kepada pekerja khususnya yang berjawatan rendah. Malahan semenjak SIRIM Bhd dikorporatkan pada tahun 1996 hingga sekarang, hanya dua hingga tiga kali sahaja mereka menerima bonus itu pun dibayar dengan kadar setengah bulan gaji. Malahan gaji mereka tidak pernah dikaji balik sedangkan mengikut terma lima tahun sekali semakan gaji patut dibuat. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mencadangkan kepada kerajaan terutamanya Kementerian Pembangunan Wilayah dan Luar Bandar, supaya mencari jalan agar anggota KEMAS ini sentiasa terbela.

Mereka ini menjalankan kerja yang tersurat dan tersirat, tetapi oleh kerana dari segi skim kerjanya, mereka ini adalah berkontrak, maka setelah tamat 56 tahun, habislah kerja dia dengan

kerajaan. Semasa berkhidmat dengan kerajaan, mereka mendapat keistimewaan umpamanya untuk pergi ke hospital, mereka diberikan layanan ataupun dibenarkan untuk masuk wad kelas dua ataupun dengan pangkat kelas pertama C, *first class C* dengan izin dan yang lain yang pemaju masyarakat biasa diberikan *second class*, kelas kedua. Tetapi apabila mereka bersara, apabila mereka tamat perkhidmatan, cukup tempoh 56 tahun, oleh kerana mereka ini pekerja kontrak, maka kelayakan itu tidak ada.

Jadi saya mencadangkan kepada Kementerian Pembangunan Wilayah dan Luar Bandar agar dapat memberikan satu kad pesara ataupun orang telah berkhidmat lama, dia memang tidak ada pencen, tetapi dia pesara. Maknanya apabila dia sudah habis kerja, tidaklah nanti dia daripada kelas satu ataupun kelas dua pergi ke kelas tiga. Jadi, kerana kita kena ingat ada di antaranya yang berkhidmat dengan kerajaan telah pun melebihi 36 tahun ataupun lebih daripada itu. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pula pindah ke satu isu lain. Ambil sedikit-sedikit Tuan Yang di-Pertua. Isu yang hendak saya bangkitkan ialah isu pembuangan bayi. Isu pembuangan bayi telah banyak diperkatakan.

Perangkaan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman mengenai kes buang bayi, menunjukkan bahawa sebanyak 65 kes pada tahun 2000 dan ia meningkat kepada 83 kes tahun lepas. Selangor mencatatkan angka tertinggi iaitu 22 kes, dalam tahun 2000 dan 24 kes pada tahun 2006. Daripada jumlah 83 kes dalam tahun 2006 di seluruh negara, 79 melibatkan kes pembuangan bayi yang baru dilahirkan dan empat kes pembuangan janin. Persoalannya mengapakah wanita sahaja yang dipertanggungjawabkan dalam keadaan ini, sedangkan pasangan lelaki terlepas begitu sahaja.

Ada cadangan untuk menyemak semula peruntukan undang-undang mengenai fenomena ini. Mungkin satu pindaan perlu dibuat bagi melibatkan juga pasangan lelaki atau bapa kepada bayi tersebut yang telah memainkan peranan sehingga wanita itu hamil. Hasrat kita sememangnya murni tetapi penelitian yang lebih rapi perlu dibuat sebelum sebarang pindaan undang-undang dilakukan. Ujian DNA sudah pasti perlu dijalankan demi menentukan siapakah bapa bayi tersebut sebelum sebarang tindakan boleh dibuat. Tetapi untuk ujian DNA lelaki perlu dapat dijejaki terlebih dahulu dan kerja ini bukan senang, Jadi saya ingin mencadangkan dalam era globalisasi yang serba canggih kemudahan....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan. Kenapa lelaki pula yang perlu juga dikenakan tindakan, sebab yang buang ini perempuan, yang lelaki tidak suruh buang. Jadi adil kah yang lelaki pun dikenakan tindakan?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih saudara Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad ini Tuan Yang di-Pertua, dia memang sensitif apabila disebut perempuan lelaki. Itu dia memang sensitif. Isu utama dia kahwin banyak anak ramai, ini isu dia. Apabila kita sebut tentang pembuang bayi, tidak akan ada bayi dalam kandungan kalau tidak ada benih. Jadi, kita tidak adil untuk

perempuan sudahlah dibebankan dengan maruah yang tercemar, dibebankan dengan malu membawa perut, tiba-tiba dia dihukum juga. Mana datangnya tanggungjawab lelaki?

Ini yang selalu wanita marah, apabila wanita minta 30% dia marah. Wanita hendak buat dasar supaya ianya seimbang. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam era globalisasi yang serba canggih kemudahan yang sedia ada wujud, yang sedia wujud yang boleh dipertingkatkan penggunaannya untuk kepentingan umum antaranya ialah pendaftaran Mykad. Parlimen boleh menggubal satu undang-undang yang mewajibkan rakyat Malaysia untuk mendaftarkan Mykad berserta dengan contoh DNA masing-masing.

Cara ini mungkin lebih berkesan, untuk digunakan bagi menyelesaikan masalah pembuangan bayi kerana pihak berkuasa boleh mengesan dan mengenal pasti identiti ibu bayi termasuk bapa kepada bayi yang tidak berdosa itu melalui pengenalan DNA. Pihak polis akan lebih mudah mendapatkan input data berkenaan untuk menyelesaikan kes-kes jenayah yang berkenaan. Kita sedar dalam masyarakat majmuk kita dilihat agak sukar untuk melaksanakan hukum syariah.

Walaupun sememangnya terbukti hukum tersebut adalah terbaik setakat ini dan mampu untuk mengurangkan jenayah. Saya berkeyakinan dengan cara ini kita akan mampu mengurangkan masalah ini dalam masa yang singkat kerana setiap pembuang atau pembunuh bayi-bayi tersebut akan dapat dikesan selepas setiap kali berlakunya perbuatan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya. Selepas ini Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin.

5.07 petang.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk turut membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di persidangan Parlimen ke-11 tahun 2007. Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha mencapai status negara maju menjelang 2020, pembinaan modal insan memainkan peranan yang penting. Ini kerana dalam apa juga misi yang ingin dilaksanakan, pembentukan jati diri, dan keutuhan bangsa sesebuah negara perlu diambil kira secara bersungguh-sungguh. Oleh hal yang demikian, amat bertepatan dengan apa yang dikenakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa misi nasional sepanjang hayat perlu diusahakan oleh masyarakat Malaysia secara keseluruhannya. Tidak kira apa agama mereka, tahap umur dan pendidikan, keturunan, perbezaan gender, dan latar belakang yang melingkungi masyarakat Malaysia yang sememangnya majmuk. Lima teras Misi Nasional telah dibentangkan dan memerlukan penelitian secara menyeluruh oleh semua pihak. Iaitu;

- (i) meningkatkan ekonomi dalam rangkaian nilai lebih tinggi;
- (ii) meningkatkan keupayaan, pengetahuan, dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama;
- (iii) menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif;
- (iv) meningkatkan tahap dan memampatkan kualiti hidup dan
- (v) mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

Jika diteliti kembali kelima-lima teras itu mempunyai tunjang yang sama iaitu modal insan. Perkara ini jelas disebut di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, penekanan yang tinggi telah diberikan kepada pembangunan modal insan, minda kelas pertama dan bina upaya dalam melahirkan bangsa yang bertamadun dan menepati nilai-nilai yang telah ditetapkan. Pendidikan amat penting, pendidikan bukan sahaja meliputi pendidikan secara formal, malahan pendidikan secara tidak formal iaitu proses sosialisasi dari peringkat dalam kandungan bayi kanak-kanak, remaja, dewasa, tua dan hingga ke akhir hayat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses melakukan penambahbaikan sistem pendidikan di Malaysia, kerajaan telah bertungkus-lumus secara komprehensif memperkasa institusi pendidikan formal. Usaha-usaha ini meliputi memantapkan kualiti sekolah kebangsaan, merapatkan jurang prestasi digital dan kemudahan antara sekolah luar bandar dengan sekolah bandar, memperluaskan akses kepada pendidikan lebih berkualiti, latihan dan pembelajaran sepanjang hayat. Sudah pastinya usaha ini bukan mudah dan tenaga yang menggerakkan pula haruslah mempunyai nilai-nilai yang utuh, berdedikasi, berdaya saing, sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan mempunyai nilai sebagai insan yang kamil. Aspek ini amat penting kerana berbekalkan modal insan yang sebegini akan menghasilkan bangsa yang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, apakah yang dimaksudkan dengan insan kamil? Kamus Dewan Edisi Ketiga mentafsirkan istilah kamil sebagai sempurna dan lengkap. Istilah yang dipinjamkan daripada bahasa Arab ini sebenarnya merangkumi segala aspek dan sifat-sifat baik yang perlu ada pada diri setiap manusia. Nilai-nilai baik ini merangkumi akhlak dan akidah yang berteraskan Al-Quran dan Sunah. Akidah yang benar dan gambaran tentang kehidupan yang tetap, tepat dan tidak dipengaruhi oleh kepalsuan, khurafat dan falsafah-falsafah serta ajaran yang palsu akan memancarkan nilai-nilai sebenar yang murni di dalam hati serta melahirkan insan yang kamil bukanlah semudah memberi pendidikan secara formal dari kecil hingga dewasa.

Tanggungjawab menanam sifat kamil pada diri insan menuntut kesedaran yang wujud dari dalam diri insan itu sendiri. Kesedaran ini bukan sahaja merangkumi aspek kecintaan terhadap negara, bangsa dan agama malah menyeluruh meliputi keinsafan dan kesedaran tentang tanggungjawab setiap manusia sesama manusia dan kepada penciptaannya. Oleh

kerana hal yang demikian itu, pembelajaran dan pendidikan sepanjang hayat harus wujud dalam setiap diri manusia.

Tuan Yang di-Pertua, usaha ke arah pendidikan yang berkualiti telah dilakukan secara berperingkat dan sistematik. Pelbagai kejayaan telah ditonjolkan hasil titik peluh pihak-pihak tertentu dalam memastikan pendidikan di Malaysia bertaraf dunia. Institusi-institusi pendidikan di Malaysia terus diberi perhatian oleh kementerian yang terbabit agar peranannya dalam melahirkan modal insan yang diharap-harapkan dapat berjalan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Institut-institut dan kolej-kolej swasta yang diambil alih oleh kerajaan membuktikan bahawa pendidikan di Malaysia bukan bersifat komersial. Malahan penaiktarafan institusi pendidikan tersebut melambangkan usaha kerajaan yang terus menerus dalam memberi pendidikan sepanjang hayat kepada rakyat. Begitu juga dengan pengiktirafan sekolah-sekolah rendah dan menengah melalui penjenamaan sekolah-sekolah terpilih iaitu sekolah *cluster*, sekolah bestari, sekolah wawasan, sekolah integrasi dan sekolah berasrama penuh yang suatu waktu nanti akan digabungkan menjadi sekolah yang cemerlang.

Selain itu misi nasional juga mengambil kira tahap kualiti tenaga pengajar yang akan menghasilkan modal insan yang cemerlang dengan mengadakan kajian-kajian secara global mengenai aspek pendidikan di seluruh dunia. Usaha sama dengan pertubuhan pendidikan seluruh dunia merupakan satu usaha yang baik dalam memastikan pendidikan di Malaysia tidak ketinggalan zaman. Sebagai contoh baru-baru ini, Malaysia telah mengadakan perjanjian persefahaman antara Kementerian Pelajaran dengan University of London, King College United Kingdom bagi melaksanakan program lepasan ijazah untuk melatih guru besar dan pengetua berhubung aspek kemahiran, kepimpinan dan pengurusan. Ini adalah sebagai satu contoh antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia.

Bagaimanapun, dalam usaha memastikan setiap masyarakat menikmati kemudahan yang disediakan, masih ada lagi segelintir individu yang ketinggalan dalam apa-apa usaha ke arah penambahbaikan dalam mana-mana aspek pun pasti ada kelemahan dan kepincangan. Kelemahan yang wujud bukan untuk mematahkan atau memperlekehkan apa yang telah diusahakan oleh pihak-pihak terbabit tetapi kelemahan ini merupakan satu pemberitahuan secara umum bahawa usaha yang dilakukan masih belum sempurna dan harus dikemas kini dari masa ke semasa.

Memetik amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, usaha menambah baik nilai dalam misi nasional perlu diambil berat oleh segenap lapisan masyarakat. Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bagi membentuk modal insan cemerlang dan seterusnya menjayakan misi nasional sepanjang hayat, setiap individu menjayakan misi nasional sepanjang hayat harus membuang sifat yang suka memperlekehkan usaha orang lain dan mengetepikan sikap kesukaan sesama manusia.

Selain itu, usaha menambahbaikkan harus ada dalam setiap individu merangkumi usaha memberi nilai pada bangsa dan hasil kerja. Dengan usaha ini kita akan menghasilkan masyarakat yang lebih kaya, paling inovatif, kreatif dan menguasai sains dan teknologi dengan baik dan seterusnya dapat meningkatkan kualiti hidup serta menghapuskan perbezaan dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan mudah untuk menjayakan Misi Nasional Negara, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 hingga 2010 dan Wawasan 2020 yang menjalar di atas landasan Islam Hadhari. Bagaimanapun, kesukaran itu tidak begitu ketara kerana Malaysia telah mencapai kestabilan politiknya sendiri di samping masyarakat yang majoritinya adalah umat Islam, pembangunan ekonomi dan sistem pendidikan yang semakin moden memungkinkan kejayaan misi nasional yang lantang disuarakan oleh pemimpin negara.

Selain itu, keprihatinan Malaysia berkenaan dengan hak asasi manusia sejagat juga tidak boleh dinafikan dan mula diberi perhatian oleh negara-negara luar. Sejak akhir-akhir ini, masyarakat terlalu fokus kepada isu ketidakadilan dan pemodenan. Tidak salah jika isu itu menjadi agenda dalam melaksanakan misi nasional. Apa yang lebih penting sebenarnya ialah bagaimana cara untuk kita mempromosikan satu bentuk pendidikan yang diterima oleh segenap lapisan masyarakat. Bagi umat Islam, sudah pastinya pendidikan berteraskan agama harus dinilai semula dan dipraktikkan semula mulai sekarang. Pendidikan yang bersumberkan Al-Quran dan Sunah sudah pasti akan menghasilkan insan yang kamil yang tinggi akhlak serta akal budinya dan seterusnya akan mencorakkan modal insan yang cemerlang.

Apakah kaitan misi nasional sepanjang hayat dengan pembentukan insan kamil? Misi nasional menekankan penghasilan insan yang cemerlang bagi membentuk bangsa yang gemilang dan insan yang cemerlang hidupnya bermula daripada akhlak yang cemerlang dan kecemerlangan inilah yang dinamakan kamil. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya turut menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Hajah Siti Rokiah dan saya bacakan senarai supaya Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain bersedia. Selepas itu Datin Paduka Nor Hayati, kemudian Puan Hajah Wan Hazani, kemudian Tuan Munusamy, kemudian Tuan Lee Chee Keong, kemudian Dato' Haji Idris bin Haji Buang, kemudian Tuan Osman Bungsu.

5.20 ptg.

Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut mengambil bahagian menyokong Usul Menjunjung Kasih atas ucapan perasmian Dewan yang mulia ini oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Barisan Nasional amnya dan Yang Berhormat Encik K.

Parthiban khususnya atas kemenangan dengan pertambahan majoriti di pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Ijok pada 28 April 2007 walaupun ianya dicemari oleh keganasan dan budaya samseng yang mana telah didalangi oleh pihak tertentu.

Kita dapati ada pihak mengejar mangsa dengan kayu, menahan kenderaan awam sesuka hati termasuk menghalang laluan rombongan Timbalan Perdana Menteri sehingga terpaksa menghala ke arah lain dan berbagai-bagai lagi keganasan yang telah dilakukan. Kita tidak mahu budaya liar ini menular di negara kita yang aman damai ini. Kita minta ianya dapat dibanteras habis-habisan. Pihak polis dan SPR diharap mengambil tindakan lebih tegas lagi, kena kerja lebih kuat lagi supaya perkara yang tidak diingini ini tidak akan berlaku lagi di masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, satu daripada strategi ekonomi yang dijalankan di bawah kepimpinan Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi ialah melebarkan kawasan pertumbuhan ekonomi supaya tidak hanya tertumpu pada satu kawasan sahaja.

Contohnya di Lembah Klang dan kawasan-kawasan perindustrian utama seperti di Pulau Pinang. Sebaliknya beliau berusaha untuk membuka dan membangunkan kawasan-kawasan pertumbuhan ekonomi yang baru seperti di Johor dan di pantai timur. Selaras dengan ini, kerajaan juga telah melancarkan dasar urbanisasi negara. Di bawah dasar ini beberapa buah bandar telah dikenal pasti sebagai bandar pertumbuhan strategik. Saya mengucapkan terima kasih kerana bandar di kawasan saya iaitu Temerloh telah dipilih sebagai salah sebuah bandar pertumbuhan strategik tersebut. Temerloh terletak di tengah-tengah negeri Pahang Darul Makmur.

Pada satu masa dahulu semua orang yang berulang-alik menggunakan jalan raya antara Kuala Lumpur dan Kuantan mesti melalui bandar tersebut. Hari ini walaupun saya bersyukur kerana telah ada Lebuhraya Pantai Timur atau LPT, tetapi lebuhraya ini juga kini menyebabkan orang tidak lagi melalui bandar Temerloh. Akibatnya bandar tersebut mula menjadi sepi sedangkan ia hendak dijadikan bandar pertumbuhan strategik. Jadi bagaimanakah caranya untuk membantu bandar Temerloh?

Di Temerloh terdapat sebuah stesen kereta api iaitu di bandar Mentakab. Ia menghubungkan Gemas di selatan dengan Kota Bharu di pantai timur, tetapi landasan kereta api tersebut mempunyai dua masalah. Pertama, ia tidak bersambung dengan Kuantan dan Kuala Terengganu iaitu dua buah ibu negeri di pantai timur. Jadi bagaimanakah caranya hendak membantu membangunkan koridor pantai timur. Masalah kedua ialah ia tidak bersambung secara terus dengan Kuala Lumpur, hendak ke Kuala Lumpur perlu melalui Gemas. Kalau naik kereta api waktu malam di Mentakab setelah melalui Gemas, dekat hendak subuh pagi esoknya baru tiba di Kuala Lumpur. Ia memakan masa yang agak lama. Hakikatnya ialah perhubungan melalui kereta api masih penting dari segi pertumbuhan ekonomi kerana ia murah dan mampu membawa muatan yang banyak. Di samping itu juga ia ada tarikan pelancongan yang tersendiri.

Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya kerajaan mengkaji untuk membina landasan kereta api yang menghubungkan secara terus antara Kuala Lumpur dan Mentakab dan selanjutnya ke Kuantan dan ke Kuala Terengganu. Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang bekas guru, saya amat tertarik dengan satu daripada teras Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 PIPP iaitu melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

Satu daripada programnya ialah pelaksanaan sekolah *cluster* atau kelompok sekolah cemerlang yang membolehkan sekolah-sekolah terlibat mempunyai kuasa autonomi. Sekolah *cluster* mencakupi pelbagai jenis sekolah iaitu sekolah rendah, sekolah menengah harian, sekolah berasrama penuh dan lain-lain, masing-masing dalam *cluster* nya. Pemilihan sekolah-sekolah yang menjadi anggota bagi sesuatu *cluster* itu dibuat berdasarkan rekod kecemerlangan dan potensi sekolah-sekolah tersebut dalam pelbagai bidang iaitu akademik, penjadian pelajar seperti disiplin dan tokoh-tokoh yang dilahirkan di sekolah itu dan sekolah berwatak contoh.

Contohnya Kolej Melayu Kuala Kangsar dengan perdebatan, Kolej Tunku Kurshiah dengan drama Bahasa Inggerisnya, Convent Bukit Nanas dengan Formula Satu sekolahnya dan Sekolah Menengah St. John dengan pancaragam sekolah. Program ini bermula dengan 30 buah sekolah perintis iaitu seperti yang telah diumumkan oleh Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein pada 30 Mac 2007 lalu. Ia akan diikuti oleh 270 buah sekolah lagi dan angkanya akan terus meningkat sehingga sebanyak mungkin sekolah yang layak dilibatkan. Sekolah-sekolah berkenaan diberikan lima kuasa autonomi iaitu dari segi pengurusan sumber manusia,, mewujudkan dana dan tabungan sekolah, pengambilan murid, pengajaran dan pembelajaran P&P serta penilaian dan peperiksaan.

Matlamat program ini ialah untuk melonjakkan lagi kecemerlangan institusi pendidikan dalam sistem pendidikan negara. Membangunkan sekolah yang boleh dicontohi oleh sekolah lain dalam *cluster* yang sama dan oleh sekolah di luar *cluster* dan menjadi amalan baik yang bertaraf antarabangsa. Saya menganggap konsep *cluster* sebagai satu usaha terancang dan meningkatkan pertumbuhan daya saing dan kecemerlangan sesuatu *cluster* itu. Ia adalah kaedah inovatif untuk menguruskan anggota-anggota *cluster* dari segi menyelaraskan prioriti serta melaksanakan dasar dan strategi yang bertujuan meningkatkan daya saing dan kecemerlangan *cluster* tersebut. Ia umpama pelincir yang boleh atau membolehkan enjin *cluster* berkenaan bergerak dengan lebih laju.

Sehubungan dengan ini saya mencadangkan agar dua perkara perlu ditekankan dalam pelaksanaannya. Pertama ia memerlukan strategi yang jelas dalam menentukan objektifnya dan impaknya perlu dipantau dalam tempoh tertentu. Dalam konteks kita, strategi telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia atau KPM dan dipersetujui oleh pihak-pihak yang berkepentingan *stakeholders* tetapi tempoh pemantauannya perlu melampaui tempoh PIPP iaitu tahun 2010 itu.

Kita jangan terlalu gopoh hendak memilih 270 buah sekolah yang berikutnya itu. Kita pastikan dulu 30 buah sekolah yang jadi perintis ini benar-benar menjadi. Selepas itu barulah kita tambah sekolah-sekolah peringkat kedua, peringkat ketiga dan seterusnya dan kedua ia perlu membangunkan pendekatan terhadap hal ehwal organisasi dan operasinya dengan cara menggunakan kombinasi elemen-elemen yang generik yang sedia terdapat dalam *cluster* berkaitan. Di sini relevannya konsep autonomi yang membolehkan setiap *cluster* menggunakan kekuatan setiap anggotanya secara *synergy*. Saya harap kita pastikan yang setiap sekolah tersebut betul-betul faham maksud autonomi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya telah terbaca dalam akhbar Utusan Malaysia ruangan forum di mana seorang guru telah mempertikaikan kenyataan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Dato' Dr. Haji Ahmad bin Sipon iaitu, "Guru berdosa jika murid mereka yang normal tidak tahu membaca dan menulis".

Saya menyokong dengan kenyataan Ketua Pengarah Pelajaran itu kerana kalau seseorang guru itu mengajar tetapi murid yang normal itu semakin menurun prestasinya, tidak boleh membaca terus menerus, tidak boleh menulis terus menerus tentulah guru itu yang menerima dosanya dan kenyataan Ketua Pengarah itu hanya umum bukan ditudingkan kepada sesiapa tetapi guru ini agaknya siapa yang makan lada dia terasa pedas. Siapa yang makan nangka dia kena getahnya.

Sempena menyambut Hari Guru pada 16 Mei ini, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Guru dan menyeru agar semua guru-guru bertugaslah dengan penuh komitmen agar profesion yang diceburi ini menjadi ibadah dan dapat keberkatan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ... pendek sahaja saya ini. Kita semua maklum agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi banyak menganjurkan berbagai-bagai jenis kursus yang mengenakan bayaran. Saya ingin mencadangkan setiap kursus-kursus yang disertai oleh ibu tunggal dikecualikan daripada bayaran walau pun mereka bukan di kalangan ahli persatuan.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Ibu tunggal ini kalau masuk persatuan, menghadiri kursus di bawah agensi-agensi di bawah kementerian ini dikecualikan daripada pembayaran tetapi kalau yang tidak masuk ahli persatuan ibu tunggal, kena bayar. Saya ingin mencadangkan semua ibu tunggal walau pun masuk atau tidak masuk menjadi ahli persatuan itu kecuialikan bayarannya. Sebab kita tahu kebanyakan ibu tunggal ini terdiri dari orang-orang susah yang ingin mempertingkatkan ekonomi keluarga mereka.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Datin Paduka Norhayati.

5.32 ptg.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengangkat rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmatNya dapat kita berkumpul di Dewan Yang Mulia ini bagi meneruskan tanggungjawab untuk bersidang. Insya-Allah apa yang kita lakukan ini bukan sahaja diberi pedoman dan kemudahan malah turut diredhai oleh Allah yang Maha Esa.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyatakan rasa syukur dan Menjunjung Kasih di atas Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Mahmood ketika membuka sidang Dewan ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Baginda Tuanku berdua yang selamat ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-13 semoga sepanjang pemerintahan Tuanku bumi Malaysia ini akan terus disinari rahmat dan keampunan daripada Allah S.W.T.

Tuan Yang di-Pertua, ternyata sumbangan dan pengorbanan wanita Malaysia terhadap pembangunan dan mengangkat maruah negara sudah banyak terbukti. Terbaru ialah kejayaan menjelajah Kutub Utara dan sebelum ini ke Kutub Selatan ataupun *pole to pole mission* dengan izin secara solo yang disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datin Paduka Syarifah Mazlina Syed Abdul Kadir.

Bagi pihak seluruh wanita di Malaysia saya ingin ucapkan syabas dan penghargaan di atas usaha beliau dan ini membuktikan bahawa wanita mampu menggapai slogan Malaysia Boleh di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai wanita dan kepimpinan. Secara tradisi peranan wanita hanyalah dalam rumah tangga sahaja. Malah mereka dianggap kurang berperanan dan menjadi pengikut kaum lelaki sahaja. Namun begitu, saya melihat peranan yang dipegang oleh kaum wanita khususnya di Malaysia ini sudah jauh berbeza dan luas tanggungjawabnya. Kini kita memiliki senarai wanita Malaysia yang semakin bertambah panjang dari segi sumbangan dan peranan yang mereka mainkan.

Semakin ramai yang menduduki kelompok puncak pengurusan dan kumpulan pembuat keputusan di dalam kerajaan. Justeru saya ingin mengambil kesempatan pada hari ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang prihatin dan percaya ke atas kemampuan golongan wanita dan saya amat berharap bilangan atau peratusan sedia ada akan terus bertambah.

Jika kita biasa dengan nama Datuk Seri Rafidah Aziz, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Datuk Azalina Othman, Tan Sri Datuk Zetty Akhtar Aziz, Datuk Noriah Mohd Anuar dan hari ini yang paling terbaru, kerajaan negeri Selangor sendiri telah melantik secara rasmi Ahli Majlis Mesyuarat Kaum Wanita kedua iaitu Yang Berhormat Kamala a/p Anasamy.

Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri Selangor atas keputusan ini sama ada itu satu kebetulan atau tidak yang lebih penting ialah wanita yang dipilih adalah berkemampuan dan layak menduduki jawatan berkenaan berdasarkan ilmu, kemahiran dan juga pengalaman.

Walau bagaimanapun saya amat berharap langkah ini akan dituruti dalam sektor swasta dan syarikat berkaitan dengan GLC. Sudah sampai masanya kita melihat pula wanita menjadi Pengarah Urusan atau Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) di dalam sektor yang saya sebutkan tadi. Jika golongan lelaki mampu mengemudi syarikat seperti Telekom Malaysia, Tenaga Nasional dan *Malaysian Airlines*, saya fikir golongan wanita juga mampu melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh mengenai wanita berkerjaya dan juga berkeluarga.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Malaysia juga kini telah mengiktiraf bahawa wanita merupakan aset penggerak ekonomi keluarga malah negara. Semakin ramai wanita berkerjaya sama ada dalam sektor kerajaan mahupun swasta. Menurut Rancangan Malaysia Kesembilan, laporan menunjukkan wanita yang merupakan 48% penduduk dalam lingkungan umur 15 hingga 65 tahun adalah kumpulan penyumbang guna tenaga yang *significant*.

Kadar penyertaan tenaga buruh wanita bertambah daripada 40.7% dalam tahun 2000 kepada 45.7% dalam tahun 2005 dan dalam kategori pegawai kanan dan pengurus misalnya meningkat daripada 48% dalam tahun 2000 kepada 5.4% dalam tahun 2005. Begitu juga terdapat peningkatan dalam kategori profesional dan sebagainya. Walau apa pun dan bagaimana pun saya yakin wanita di Malaysia masih lagi mampu untuk mengurus keluarga dan kerjaya sekali gus.

Justeru itu, saya dengan ini menyokong cadangan untuk menambah cuti bersalin daripada 60 hari kepada 84 hari adalah wajar untuk dipertimbangkan. Ini adalah tanda pengiktirafan kepada sumbangan dan pengorbanan yang wanita tunjukkan selama ini. Malah ia adalah tempoh minimum seperti yang ditetapkan oleh Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Kita mahu menjadikan tempat bekerja adalah mesra keluarga dan suasana memberi galakan untuk wanita rasa selamat dan selesa keluar bekerja. Untuk itu, saya lihat inisiatif seperti waktu kerja anjal, kemudahan tempat penyusuan, taska dan tadika perlu diperluas lagi, tidak lagi hanya di sektor kerajaan malah turut diikuti di sektor swasta. Pada masa yang sama saya ingin menyarankan agar konsep bekerja dari rumah atau *working from home* dengan izin

dapat terus diterokai dan diperluas lagi. Ini bagi membolehkan ibu yang berkerjaya dapat menguruskan rumah tangga sekali gus.

Mungkin ini sukar dilakukan oleh sektor kerajaan tetapi bagi golongan profesional dan bekerja sendiri ataupun *self employed*, usahawan, *business owner* dan mungkin di sektor swasta mampu melakukannya dibantu kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi ICT.

Tuan Yang di-Pertua, tajuk ketiga ialah wanita dan perkahwinan. Setiap makhluk dijadikan Allah S.W.T berpasang-pasangan demi menjamin kelangsungan makhluk ciptaanNya termasuk umat manusia di muka bumi ini. Namun begitu dalam melayari bahtera rumah tangga ini, wanita sering dilihat tertindas dan kadangkala tertipu dan cerita terbaru seorang wanita telah tertipu dengan janji mas kahwin bernilai RM999,999.99. Ini adalah suatu bentuk penganiayaan dan boleh menjatuhkan maruah individu yang terlibat.

Justeru saya ingin menyarankan agar kadar mas kahwin ini dihadkan kepada suatu nilai yang berpatutan menurut keadaan sesuatu negeri atau pun diselaraskan di seluruh negeri.

Kita tidak mahu seolah-olah wujud sikap menunjuk-nunjuk dan berlumba-lumba di dalam masyarakat akan kemewahan status dan harta benda padahal yang lebih penting ialah keberkatan dan kejayaan melayari perkahwinan tersebut hingga ke akhir hayat. Saya berharap agar semua wanita yang ingin berkahwin melihat bakal suami mereka dengan kriteria yang telah ditetapkan dalam agama, iaitu bukan sahaja harta, rupa dan keturunan malah paling penting ialah aspek pengamalan agamanya. Justeru, tidak hairanlah mungkin berlaku fenomena ramai wanita membujang dan takut berkahwin kerana pelbagai pengalaman ngeri mereka yang gagal atau tertipu.

Yang keempat, saya ingin menyentuh mengenai wanita dan proses perceraian yang memeritkan. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal perceraian pula saya tidak berhasrat membincangkan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam yang diluluskan di dalam peringkat negeri tetapi saya melihat perlunya beberapa prosedur diperhalusi pelaksanaannya agar dapat memelihara maruah individu terbabit. Paling ketara ialah proses perbicaraan perceraian yang dilakukan secara terbuka sehingga seolah-olah semua perkara dibuka untuk tatapan umum. Kemudian pula, diulas secara sensasi oleh media elektronik atau cetak untuk keuntungan.

Apa akan jadi kepada masa depan mereka ini yang dianggap bersalah walaupun isu itu tidak betul sedangkan *damage done*, dengan izin. Ini menerbitkan fitnah, tohmahan dan sebagainya yang memalukan dan menekan perasaan mereka yang terbabit, sedangkan kepercayaan ini hanya melibatkan sepasang suami isteri tetapi telah disensasikan oleh umum. Tidak ada rasional dan logik kes perceraian ini dibuka kepada umum dan apa perlunya dilaporkan kepada pihak akhbar. Apatah lagi ini akan memberi tekanan terhadap keluarga dan anak-anak yang terbabit. Untuk itu, saya amat berharap proses perbicaraan yang rumit dan bersifat terlalu peribadi dan tabu dilakukan dengan tertutup demi kebaikan semua pihak.

Saya juga ingin menyebut mengenai wanita dan ibu tunggal. Tuan Yang di-Pertua, kegagalan perkahwinan juga telah menyebabkan wujudnya banyak masalah ibu tunggal. Apabila diteliti secara mendalam lagi, kehidupan sebagai ibu tunggal memang mencabar dan mereka memerlukan perhatian khusus agar peranan mereka sebagai pendidik generasi masa hadapan tidak terjejas biarpun mereka terpaksa memikul tanggungan berat. Antara cabaran yang dihadapi dan memerlukan penyelesaian segera adalah seperti berikut:

- (i) ibu tunggal tidak mendapat hak sewajarnya walaupun agama dan undang-undang telah memperuntukkannya;
- (ii) memerlukan sokongan moral dan dorongan agar mempunyai kekuatan dan keyakinan diri untuk berdikari serta mempunyai daya tahan bagi mengharungi kehidupan;
- (iii) perlu menambahkan pengetahuan dan kemahiran sama ada untuk meningkatkan diri dalam kerjaya, mahupun dalam mendapatkan haknya dan anak-anak;
- (iv) memerlukan sokongan keluarga dan masyarakat dari aspek kemahiran keibubapaan untuk mendidik akan-anak; dan
- (v) kurang kemampuan untuk berurusan dengan pihak berkuasa terutamanya perkara berkaitan tuntutan nafkah dan bantuan kebajikan.

Sehubungan dengan itu, saya amat menyokong segala usaha berterusan dilakukan dengan kerjasama Persatuan Ibu-ibu Tunggal untuk mengadakan misalnya Bengkel Kesedaran dan Celik Undang-undang dan walaupun ia sudah dilaksanakan di peringkat Parlimen, tetapi saya berharap ia dapat diperluas lagi. Di samping mengekalkan sokongan moral melalui persatuan, saya minta agar mereka turut dibantu untuk mendapat pekerjaan yang sesuai dengan situasi mereka.

Saya mohon badan-badan korporat dapat menghulurkan bantuan kewangan kepada Persatuan Ibu-ibu Tunggal ini agar mereka dapat mengadakan program seperti yang saya sebutkan tadi. Ini termasuklah program meningkatkan kemahiran mengurus keluarga tunggal dan mungkin juga bagi memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Saya mengucapkan terima kasih di atas inisiatif beberapa pihak berkuasa tempatan, khasnya di Selangor yang telah memberi peluang kepada ibu-ibu tunggal menguruskan pengawasan tandas-tandas awam secara kontrak.

Saya harap ada lagi kerja-kerja kontrak lain yang bersesuaian juga dapat diberikan kepada ibu-ibu tunggal ini. Saya berharap juga agar langkah yang dilakukan oleh negeri Selangor ini boleh dituruti oleh PBT-PBT lain di Malaysia demi menunjukkan sedikit keprihatinan kepada kelompok-kelompok ibu tunggal ini.

Yang keenam, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai wanita dan gangguan seksual. Satu lagi yang menjadi masalah ialah yang melibatkan isu gangguan

terhadap maruah kaum wanita iaitu gangguan seksual. Seperti mana yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dalam sesi soal jawab pagi tadi. Ini perlu diteliti oleh setiap majikan di tempat kerja. Kelakuan yang boleh menyumbang ke arah gangguan seksual ini perlu diambil berat. Kita mahukan wanita berada di dalam keadaan yang selamat di tempat kerja, bukan terasa terancam.

Secara amnya, Malaysia tidak memiliki undang-undang spesifik bagi menangani masalah seksual. Jika Kanun Keseksaan 1997 digunakan umpamanya, ia tidak menyeluruh dan efisien terhadap gangguan seksual ini sedangkan ia adalah satu kesalahan jenayah yang amat serius. Tiga peruntukan berhubung dengan kesalahan ini dalam seksyen 509 Kanun Keseksaan melibatkan gangguan lisan, membuat sesuatu bunyi, membuat sesuatu isyarat, mempamerkan apa juga benda dan mencero bohi ketenteraman peribadi. Namun yang demikian, ia adalah perbuatan yang terlalu umum dan tidak menjelaskan bentuk perbuatan khusus seperti memeluk, meraba dan sebagainya.

Penjelasan yang kabur ini tidak mampu menentukan secara yakin bahawa perbuatan gangguan seksual itu termasuk di dalam senarai perbuatan yang termaktub dalam seksyen 509 Kanun Keseksaan. Oleh itu, saya mencadangkan Kanun Keseksaan seharusnya menggunakan terma gangguan seksual yang lebih tepat, lebih terperinci dan lebih jelas yang boleh diguna pakai secara yakin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua lagi isu di dalam isu pembangunan belia. Menyediakan barisan belia yang matang dan bersedia menerima amanah warisan pentadbiran dan kepimpinan adalah cabaran buat golongan orang lama. Menurut Dasar Belia Negara, belia ialah golongan lelaki dan perempuan yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Kini wujud pula kecenderungan agar pemimpin persatuan belia turut dihadkan di bawah umur 41 tahun. Saya bersetuju lingkungan umur yang dikategorikan sebagai belia ini adalah berdasarkan kepada keadaan sesebuah negara itu sendiri di mana melihat kepada faktor sosiobudaya, institusi, ekonomi dan politik.

Saya juga bersetuju jenis aktiviti dilaksanakan oleh mereka sendiri dan mengikut cita rasa belia berdasarkan kumpulan umur mereka seperti 15 tahun hingga 20 tahun, 21 tahun hingga 30 tahun dan 31 tahun hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, aspek pengurusan dan kepimpinan atasan umpamanya pengerusi dan presiden wajar terus diberikan kepada warga yang lebih senior, berumur lebih daripada 40 tahun untuk memandu pergerakan ahli di bawahnya. *Let the young man drives and senior keep their eyes on them*, dengan izin.

Akhirnya tentang penghapupayaan belia. Tuan Yang di-Pertua, penghapupayaan ialah proses membenarkan ataupun memberikan ruang kepada sesuatu pihak untuk mencabar suatu pandangan sedia ada atau melakukan sesuatu tindakan berdasarkan persepsi dan keupayaan mereka berhubung dengan sesuatu perkara. Seseorang itu akan lebih berupaya jika diberikan

masa, sokongan, kuasa, bantuan dan juga kepercayaan. Umumnya belia-belia berkembang dan menerima amanah dengan baik apabila cukup kemahiran, pengetahuan dan keterampilan diri.

Tetapi semuanya tidak bermakna jika mereka tidak diberikan ruang untuk membina kekuatan diri. Jika persamaan gender mahu melihat peranan luas wanita dalam pelbagai bidang dan penguasaan mereka terhadap sesuatu perkara atas merit, saya fikir adalah suatu kewajaran untuk menengahkan kelompok belia dalam pelbagai platform kepimpinan dan pengurusan di peringkat nasional.

Bentuk jawatankuasa peringkat nasional ditubuhkan untuk pelbagai maksud tetapi kita masih meminggirkan penglibatan dan pandangan belia di dalam hal-hal berkaitan. Kerajaan pernah menubuhkan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Pasukan Polis, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dan yang terbaharu Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (Pemudah). Tetapi setakat hari ini, saya tidak melihat belia dilibatkan dalam jawatankuasa yang sedemikian rupa. Saya fikir apa juga suruhanjaya ataupun jawatankuasa, belia perlu dilibatkan untuk mereka menyalurkan pendapat dan mengembangkan bakat mereka termasuk pelantikan wakil ahli belia sebagai Ahli Dewan Negara di dalam Dewan yang mulia ini.

Dalam konteks negeri Selangor, inisiatif telah diambil dengan mewujudkan Majlis Perundingan Belia Negeri (MPBN) yang merupakan wadah untuk para belia melahirkan pandangan, bukan sahaja terhadap soal pembangunan belia negeri malah pembangunan sosioekonomi negeri keseluruhannya. Saya juga mengalu-alukan pengumuman Kerajaan Negeri Selangor yang akan menubuhkan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Belia yang akan dianggotai oleh mereka di bawah 40 tahun dan diberikan peruntukan khas.

Saya percaya langkah ini akan memberi ruang kepada para belia kita menunjukkan bakat dan membina pengalaman mereka di dalam aspek kepimpinan, mengendali perbincangan dan membuat keputusan. Pada masa yang sama peranan membangunkan belia harus difahami bahawa ia tidak terletak di atas pundak Kementerian Belia dan Sukan semata-mata. Belia berada di mana-mana dan melakukan pelbagai perkara yang bersangkutan dengan hampir semua kementerian.

Belia bukan hanya pandai bersukan dan berekreasi umpamanya belia yang berminat mengusahakan bidang pertanian tentulah boleh dibantu oleh Jabatan Pertanian di bawah Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani dan seterusnya. Sementara Kementerian Belia dan Sukan memantau pembangunan belia keseluruhannya, kementerian lain perlu faham sifat pembangunan belia yang *cross-ministerial* dengan izin. Setiap kementerian seharusnya mempunyai program untuk belia dan saya rasa perkara ini amat difahami oleh kebanyakan menteri kerana ramai di antara daripada mereka juga berasal daripada persatuan-persatuan belia.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, nilai 50 tahun kemerdekaan amat bermakna dalam diri setiap warga Malaysia. 50 tahun juga cukup bererti bagi golongan wanita kerana dapat

membukti nilai dan kebolehan mereka setanding dengan golongan lelaki. Jika suatu masa dahulu ada golongan wanita hampir dibiarkan tidak berpendidikan dan hanya beredar dalam lingkungan rumah dan dapur tetapi kini mereka mampu mengemudi jabatan, syarikat dan menara gading.

Saya amat berharap 50 tahun yang seterusnya menuju satu kurun 100 tahun kewujudan Malaysia adalah masa lonjakan kedua golongan wanita untuk terus berjaya. Sesungguhnya saya percaya setiap rakyat tidak kira sama ada lelaki mahupun wanita, di mana pun posisi mereka berada, apa pun jawatan yang disandang dan sekecil mana pun peranan mereka; mereka tetap menyumbang ke arah pembinaan negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Buat akhirnya saya ingin menyatakan rasa berterima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan ini dan Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada satu perkara sahaja yang Yang Berhormat tidak sebut apabila berbahas tentang kehebatan wanita tadi.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Bagi kawan-kawan yang lain untuk menyebutkannya pula, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terdapat 20 orang Ahli Dewan Negara yang terdiri daripada kalangan wanita, [Tepuk] 20 daripada 66 orang Ahli Dewan Negara ada.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih. Boleh ditambah lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor.

5.53 petang.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak isu yang telah dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat saya tidaklah akan ulangi lagi isu yang sama. Saya akan pendekkan perbahasan saya pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kepada saya peluang untuk turut membahaskan ucapan Junjung Kasih Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafibilah Shah dan Raja Permaisuri Agong serta merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan Junjung Kasih kepada Sultan Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Tuanku Syed Putera Jamalulail, Tuanku Raja Perlis yang telah bersemayam di atas takhta menaungi negara serta memayungi rakyat selama lima tahun dengan aman dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian banjir luar biasa yang berlaku sejak akhir-akhir ini telah menjadi bencana alam yang lumrah di negara ini. Namun kehadirannya yang luar biasa di

beberapa negeri di negara ini telah menimbulkan pelbagai persoalan kepada kita. Apakah ia merupakan satu balasan dan peringatan tuhan kepada kita atau mungkin kesan fenomena pemanasan global yang rancak diperkatakan? Namun pada pendapat saya apa yang berlaku banyak berkait rapat dengan pembangunan yang telah kita lakukan. Sebagai contoh, fenomena banjir yang berlaku di negeri Kelantan, kita akui kejadian banjir yang berlaku di negeri ini adalah kesan daripada perubahan angin monsun. Namun begitu saya ingin menyatakan bahawa banyak daripada perancangan yang dilakukan sekarang akan mengundang banjir yang lebih buruk lagi. Misalnya proses penambakan banjir di Sungai Kelantan bagi membina rumah pelbagai jenis.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Sungai Kelantan telah ditambah sehingga paras ketinggian menghampiri ketinggian Jambatan Sultan Yahya Putera. Manakala di atasnya pula dibina rumah-rumah oleh pemaju perumahan swasta. Apabila proses penambakan sungai ini dilakukan, lebar sungai akan menjadi lebih sempit. Persoalannya apakah yang akan berlaku sekiranya sungai yang sentiasa terdedah kepada banjir ini menjadi lebih sempit. Perancangan ini sudah tentu akan mengundang kejadian banjir yang lebih buruk dan apa yang akan berlaku kepada penduduk-penduduk yang tinggal di sepanjang Sungai Kelantan tersebut. Air sungai akan melimpah dengan kelajuan yang lebih kuat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dalam usaha untuk menjana bidang pertanian sebagai sektor ketiga ekonomi negara. Di dalam rancaknya misi ini dilaungkan oleh pemimpin-pemimpin kita, saya terpanggil sebagai wakil daripada orang kampung untuk menyatakan sedikit kegusaran dan rintihan para petani ini. Mereka ini adalah jentera utama yang membangunkan pertanian di dalam negara kita. Ada setengah ataupun sebahagian daripada mereka ini memiliki tanah untuk dibangunkan. Namun keluhan mereka masih lagi susah untuk mendapatkan pinjaman bank selain daripada kerenah birokrasi proses pinjaman yang memakan masa yang lama untuk mendapatkan kelulusan. Pihak bank juga masih lagi meminta cagar-cagar aset yang besar seperti tanah. Di manakah kesetiaan pihak bank-bank ini untuk bergerak selari serta seiring dengan hasrat kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon jawapan yang boleh memberi harapan kepada para petani ini dari pihak Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengenai usaha-usaha yang telah dilakukan bagi menangani isu-isu ini. Memandangkan isu birokrasi yang susah dan lambat untuk mendapatkan pinjaman bank, perkara ini telah lama menjadi duri di dalam daging kepada para petani kita. Justeru saya juga memohon pihak menteri yang berkaitan agar memberikan perhatian yang sewajarnya di dalam isu ini supaya cita-cita kerajaan terhadap bidang pertanian dapat kita realisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat bersetuju dengan usaha kerajaan mempromosikan pembangunan bioteknologi terutamanya dengan usaha mempelbagaikan hasil pertanian dan meningkatkan pendapatan para petani. Apa yang ingin saya nyatakan, sejauh manakah

pembangunan bioteknologi ini dapat memberi manfaat penduduk setempat atau orang-orang kampung? Seperti yang kita tahu, untuk memajukan bidang pertanian menggunakan kaedah bioteknologi ini memerlukan suntikan modal yang besar, bererti tidak mampu bagi petani-petani tradisional. Lazimnya hanya syarikat-syarikat besar sahaja yang mampu menerokai teknologi ini yang mana kebanyakannya dimiliki oleh pelabur-pelabur daripada syarikat-syarikat besar. Jadi, saya ingin bertanya berapa ramai para petani yang terlibat dalam pembangunan bioteknologi ini?

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan isu pertanian ini juga, saya ingin memaklumkan tentang kesukaran petani miskin di Kelantan yang ingin memajukan diri di bidang pertanian.

Tanah-tanah khususnya di daerah Gua Musang sebahagian besarnya diberi kepada syarikat atau pemaju pertanian berskala besar 1,000 ekar, 2,000 ekar hingga 22,000 ekar diberi kepada syarikat Johor Tenggara. Walhal apabila petani miskin memohon tanah enam ekar pun susah untuk diluluskan. Syarikat dari luar Kelantan, beroperasi di Kelantan mampu untuk mendapatkan kelulusan daripada kerajaan negeri Kelantan sehingga 66 tahun. Bagaimanakah kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Wilayah dan Luar Bandar serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh membantu para petani yang terpinggir ini? Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Munusamy.

6.01 ptg.

Tuan Munusamy a/l Mareemutu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda tidak uanku telah menyentuh dan memberi penekanan terhadap satu perkara yang amat penting dalam negara kita iaitu perpaduan. Titah tuanku, perpaduan rakyat adalah kunci kejayaan negara dan masyarakat. Tanpa perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat, negara yang kita cintai ini akan berpecah belah dan akhirnya binasa dengan hasutan dan kebencian. Segala usaha dan kemakmuran yang telah kita bina bersama akan hancur, musnah dan sia-sia. Ini adalah setanding dengan hasrat Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, proses pengurusan masyarakat berbagai-bagai etnik di Malaysia bermula dengan kemampuan pemimpin atasan untuk berkompromi dan menghasilkan parti gabungan besar sebelum pilihan raya yang merupakan satu yang unik. Pihak British yang menjajah negara kita bersedia memberi kemerdekaan kerana percaya satu kerajaan stabil dapat dilahirkan di bawah kepimpinan parti Perikatan ketika masa itu. Rundingan antara British, raja-raja dan wakil perikatan menghasilkan *social contract* ataupun *racial bargaining* dengan izin yang sukar ditemui dalam negara lain terutamanya berkaitan dengan isu bahasa, agama,

kewarganegaraan dan hak sesuatu etnik. Perlembagaan yang terhasil pada tahun 1957 merupakan satu persetujuan bersama untuk memastikan pentadbiran negara tidak akan terjejas dan lebih daripada itu hubungan antara kaum dapat dipelihara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang strategi jangka panjang yang dilaksanakan melalui dasar-dasar dan program-program kerajaan yang menjurus ke arah perpaduan nasional adalah seperti Dasar Pembangunan Negara, Dasar Pendidikan Negara, Dasar Belia Negara, Dasar Sosial Negara dan Program Latihan dan Khidmat Negara dan sebagainya termasuklah program-program sukan, kebudayaan dan perayaan-perayaan seperti majlis-majlis rumah terbuka Malaysia sempena menyambut hari perayaan-perayaan umum kumpulan-kumpulan etnik di negara kita. Akhirnya apabila perpaduan dapat dijadikan sebagai satu budaya masyarakat Malaysia, kita akan mencapai perpaduan dalam erti yang sebenar mewujudkan masyarakat Malaysia yang kita telah tentukan sebagai matlamat ulung negara.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, minggu lalu Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional telah diluluskan oleh Kabinet dan telah dilancarkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pelan ini telah menyebut bahawa pada masa ini negara kita tidak menghadapi masalah perpaduan kaum yang serius. Pelan ini menggariskan lima objektif iaitu:-

- (i) memupuk dan meningkatkan semangat perpaduan dan patriotik serta megah sebagai masyarakat Malaysia;
- (ii) mengurangkan pemisahan kaum;
- (iii) kerengangan dalam perhubungan antara kaum;
- (iv) meningkatkan toleransi dan keharmonian antara kaum; dan
- (v) meningkatkan integrasi semua negeri.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan dalam negara ini dijamin oleh Kerajaan Barisan Nasional sejak 50 tahun kemerdekaan dan akan terus dijamin dengan sefahaman, toleransi dan kewibawaan pemimpin-pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional. Pemimpin dan ahli-ahli Barisan Nasional dan rakyat negara ini sentiasa membuktikan bahawa mereka menghargai perpaduan antara kaum dalam negara kita.

Baru-baru ini bencana banjir yang melanda di negeri Johor dan beberapa negeri sekali lagi membuktikan bahawa rakyat Malaysia berbilang kaum boleh hidup dengan harmoni walaupun dalam masa ketegangan. Mangsa-mangsa banjir yang dipindah ke pusat-pusat pemindahan telah berkongsi dan juga telah bergaul. Mereka telah duduk di kawasan pusat pemindahan lebih dari satu minggu dan juga ada kawasan yang mana mereka tinggal lebih dari satu bulan. Mereka boleh bergaul, mereka boleh masak bersama-sama, makan bersama-sama dengan tidak ada apa-apa masalah. Ini telah membuktikan bahawa rakyat Malaysia memang suka untuk berharmoni dan suka untuk hidup dalam suasana perpaduan.

Baru-baru ini kita juga telah membuktikan fakta ini dalam pilihan raya kecil Ijok di mana pemimpin dan ahli-ahli Barisan Nasional telah bekerja keras dengan satu hati untuk menjayakan calon dari parti MIC. Saya bagi pihak masyarakat India mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada parti-parti komponen, pemimpin-pemimpin termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Selangor dan juga lain-lain Menteri Besar yang telah berkunjung ke kawasan Ijok yang telah menjayakan Yang Berhormat Encik K. Parthivan sebagai ADUN Ijok.

Tuan Yang di-Pertua, dua hari lalu dalam majlis perasmian Perhimpunan Agung MIC, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali lagi menekankan bahawa perpaduan adalah amat penting. Beliau menyifatkan negara kita sebagai kapal dan sekiranya kapal menghadapi kebocoran, semua akan tenggelam.

Justeru itu saya menegaskan bahawa sifat-sifat komponen perpaduan dipupuk di kalangan masyarakat berbilang kaum dari masa kecil lagi supaya persefahaman dan toleransi kaum dapat dipupuk dalam hati dan benar-benar dicerminkan oleh semua kaum di negara kita. Di sini saya ingin menyokong cadangan daripada rakan kita Yang Berhormat Senator Datuk Syed Wira yang telah...

Timbalan Yang di-Pertua: Datuk Wira Syed Ali.

Tuan M. Munusamy: Ya, Datuk Wira Syed Ali, minta maaf. Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali yang telah mencadangkan bahawa buku yang diterbitkan atas nama *May 13 Declassified Documents On The Malaysian Riot of 1969* yang telah dilancarkan pada hari Ahad oleh Eksekutif Director SUARAM, Mr. Yap Swee Seng.

Buku itu dikarang oleh Dr. Kwa Kiaw Song supaya buku itu diharamkan bahawa apa yang kita fikir, kita ingin melupakan insiden 1969, kita tidak mahu perkara itu diulang-ulang lagi. Cuma satu sahaja kita ingatkan generasi muda kita adalah satu insiden seperti itu telah berlaku. Itu sahaja. Kita tidak akan salahkan sesiapa. Kita tidak akan tengok siapa yang disalahkan, apa sebab perkara itu terjadi. Cuma kita kena ingat supaya seperti tidak akan diulang lagi. Oleh itu saya meminta Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya mengharamkan buku itu dan juga mengenakan tindakan atas pengarang buku itu. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat boleh tujukan perkara ini untuk tindakan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan M. Munusamy: Ya, Hal Ehwal Keselamatan Dalam Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua: Keselamatan Dalam Negeri bukan Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan M. Munusamy: Keselamatan Dalam Negeri. Sudah larilah saya punya ucapan. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin utarakan adalah berkaitan dengan Titah Ucapan Tuanku berkaitan dengan ketidaksamaan pendapatan antara kaum dan nisbah pendapatan antara kaum hendaklah dikurangkan. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan bahawa ekuiti kaum

India akan ditingkatkan kepada 3.0% tetapi selepas satu tahun kita masih belum tahu sejauh mana objektif ini dapat dicapai.

Kerajaan sentiasa memberi jaminan bahawa memang ada rancangan dan usaha-usaha sedang diambil menuju ke objektif ini tetapi masyarakat India masih merasa ragu-ragu bahawa belum ada langkah-langkah konkrit terhadap perkara ini. Walaupun kerajaan telah menyediakan beberapa kemudahan bagi komuniti India, dalam bidang ekonomi, kita hanya dapat angka yang dikategorikan kaum bumiputera dan bukan bumiputera.

Minggu lalu soalan saya meminta statistik penerimaan bantuan SME bagi kaum India tidak dapat dijawab. Tujuan saya meminta statistik dan data-data seperti ini adalah untuk mengetahui status kaum India dalam penerimaan kemudahan-kemudahan dan faedah-faedah kerajaan, barulah masyarakat India akan menyedari situasi sebenarnya. Pemimpin kaum juga boleh memberitahu maklumat seperti ini dalam majlis-majlis perjumpaan dan menggalakkan mereka memohon kemudahan kerajaan. Ramai di kalangan kaum India mempunyai anggapan bahawa kebanyakan kemudahan kerajaan adalah hanya bagi kaum bumiputera sahaja dan kaum India tidak akan dapat bantuan-bantuan seperti ini.

Apabila kita mempunyai statistik dan angka-angka, kemudahan dan bantuan yang diterima oleh kaum India daripada kerajaan, kita boleh memberi kesedaran bahawa komuniti India juga boleh mendapat bantuan dan kerajaan sebenar-benarnya mempunyai hasrat yang bernas untuk meningkatkan status ekuiti kaum India. Di sini saya ingin mencadangkan satu mekanisme ditubuhkan di peringkat nasional, negeri dan daerah untuk memantau pencapaian objektif ini.

Semalam dalam Perhimpunan Agung MIC Yang Ke-61, perkara ini juga telah dibahaskan oleh ramai perwakilan dan satu resolusi juga telah diluluskan terhadap perkara ini. Saya harap pihak kerajaan, khasnya pegawai-pegawai kerajaan yang melaksanakan polisi-polisi kerajaan mengambil kira perkara ini dan membantu Kerajaan Barisan Nasional untuk mencapai hasrat kerajaan supaya masyarakat India juga tidak tertinggal dalam arus pembangunan.

Dengan beberapa perkara yang dibangkitkan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong dan saya minta Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang untuk bersedia selepas ini.

6.15 ptg.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan institusi raja-raja Melayu adalah satu entiti, menjadi tunggak dan payung kepada seluruh rakyat dan negara. Pada saya, kita rakyat jelata harus mengucapkan tahniah, harus Menjunjung Kasih, semoga kita

semua selamat di bawah Ke Bawah Duli Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin. Saya nampak merupakan seorang sultan yang muda, kakak juga, lebih kakak daripada Lee Chong Weh, berdedikasi dan berjiwa rakyat.

Jadi pada saya, kita cukup yakin dan percaya kepada karisma dan kepimpinan Baginda. Dalam teks Titah Ucapan Baginda, yang merangkumi 19 muka surat, 48 perenggan, merangkumi hampir semua aspek sosial, politik dan ekonomi negara kita termasuk isu-isu seperti kemerdekaan, perpaduan, pendidikan tinggi, alam sekitar dan ekonomi di negara kita. Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini membangkitkan beberapa isu.

Yang pertamanya, kemerdekaan. Tuan Yang di-Pertua, pada saya semua rakyat harus menjiwai pahit getir yang pernah dialami oleh pejuang-pejuang kemerdekaan yang mungkin juga merupakan ibu bapa kita, mungkin datuk kita, nenek kita atau kita sendiri. Kita harus ingat bahawa kemerdekaan itu adalah hasil daripada pakatan, daripada wakil ketiga-tiga kaum kita dalam rundingan yang aman dengan penjajah-penjajah Mat Salleh.

Saya kira rundingan yang begitu rumit tetapi tanpa tumpahan darah harus diingati oleh kita semua dan juga generasi akan datang. Selama 50 tahun kita menikmati keamanan, kita menjiwai kesejahteraan, tetapi saya nampak apa yang kita buat untuk tahun ini untuk kita meraikan kemerdekaan tahun ke-50, apabila kita buat *Visit Malaysia 2007*, kita asyik menjual Port Dickson, menjual Jalan Bukit Bintang, tetapi kita tidak menjual semangat patriotik kita.

Jadi saya ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Pelancongan, juallah semua tetapi jangan jual semangat perpaduan kita, semangat kemerdekaan kita. Saya berharap kementerian-kementerian terlibat termasuk KeKKWa harus mengambil kesempatan meraikan kemerdekaan tahun ke-50, mengambil kesempatan, memberi kesedaran kepada generasi muda tentang kesejahteraan dan keamanan negara. Apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Jins Shamsudin tempoh hari iaitu kita menyanyikan lagu Negaraku pada tiap-tiap hari Dewan bersidang, saya sokong dengan penuh.

Perkara kedua ialah tentang perpaduan tetapi telah banyak disentuh oleh Yang Berhormat Senator Munusamy. Jadi saya tidak mahu berpanjang lebar di sini, cuma ingin saya katakan di sini iaitu perpaduan adalah asas atau batu asas kepada kesejahteraan sosial, kestabilan politik dan pembangunan ekonomi negara kita tetapi perpaduan kita pada pandangan saya amat *fragile*, mudah pecah, sensitif dan mudah diperalatkan oleh pihak-pihak yang berniat jahat.

Seperti media elektronik yang saya tengok selalu, saya baca selalu, yang menyiarkan berita-berita yang tidak berasas, yang bertujuan untuk mengecil-ngecilkan pihak-pihak tertentu, yang bertujuan untuk mengapi-apikan rakyat Malaysia. Jadi saya ingin menyeru kepada kementerian yang berkenaan, bahawa media elektronik termasuk *blogger-blogger* yang kita baca setiap hari supaya berita-berita yang tidak berasas itu dapat dikurangkan.

Api-api itu dapat dikurangkan semaraknya supaya tidak menjejaskan perpaduan yang kita nikmati selama ini. Begitu juga dengan kelompok-kelompok atau pelampau-pelampau politik yang kita tengok baru-baru ini, yang suka hina-menghina termasuk kaum wanita yang suka mengumpat, memfitnah antara satu sama lain. Itulah yang dikatakan anasir-anasir yang mungkin memecahbelahkan rakyat kita yang mungkin menjatuhkan dan menggugurkan perpaduan yang kita nikmati selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan di Malaysia begitu maju pada pandangan saya, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pengajian Tinggi, IPTA-IPTA bertambah bilangan rekrutnya termasuk rekrut daripada luar negeri. Kita nampak perubahan-perubahan dan inovasi yang telah dibuat pada IPTA-IPTA kita, kita nampak jumlah IPTA yang telah dirancang di Bandar Baru Nilai dan juga di Bandar Iskandar Johor Bahru. Kualiti program-program kita diakreditasi, program-program kita diasaskan kepada *job market* dengan izin, tetapi IPTS kita menghadapi beberapa masalah.

Saya masih ingat pada satu ketika dahulu, kita ingin menjadikan Malaysia ini sebagai satu pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di rantau ini. Kita punya *target* ialah sampai menggapai 100 ribu orang pelajar asing menjelang tahun 2010. Dua tahun yang lepas diheboh-hebohkan tentang *one stop agency* oleh Kementerian Pengajian Tinggi, tetapi sampai hari ini tidak nampak usaha yang dijalankan.

Saya nampak Kementerian Pelancongan mengadakan *one stop centre* bagi MM2H, *Malaysia My Second Home*. Saya pergi ke kementerian itu saya nampak ada anak dara Jepun dilantik menjadi pegawainya bertugas di *one stop centre* pelancongan untuk melayan pemohon-pemohon Jepun, tetapi saya tidak nampak *one stop agency* oleh Kementerian Pengajian Tinggi yang cukup berkesan setakat hari ini. Tujuan *one stop agency* yang telah dirancang itu adalah merangkumi wakil-wakil daripada imigresen, wakil-wakil daripada semua pihak yang terlibat untuk merekrut pelajar-pelajar asing.

Apa yang kita lihat sekarang ini tidak ada kesinambungan antara satu agensi dengan agensi yang lain. Saya banyak menerima aduan daripada IPTS-IPTS. Contohnya mereka mengatakan, "*Immigration Department rejected three applications with no reason.*" Ini satu contoh. Kata mereka "*immigration card is not issued to all students,*" ada pilih kasih di sini. Katanya "*approval process is very slow.*" Katanya "*officer at counter refused to exist us, enquiries are not attended properly and always in bad mood,*" dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita nampak, kalau kita masih bersikap sedemikian, saya tidak nampak bahawa *target* kita untuk mencapai 100 ribu pelajar asing akan tercapai. Saya pernah buat sedikit kira-kira, sifir bahawa setiap pelajar asing membelanjakan *tuition fees* dengan izin sebanyak RM5,000 satu semester, tiga semester dalam satu tahun sudah RM15 ribu termasuk makan, minum, tempat tinggal dan sebagainya, RM30 ribu katakan dalam setahun kali empat tahun

mereka belajar di Malaysia, kali 100 ribu orang pelajar asing, jumlahnya Ahli-ahli Yang Berhormat RM12 bilion, itu pada tahap minimum.

Ini belum termasuk belanja untuk melancong di seluruh Malaysia, belanja untuk sewa kereta dan sebagainya. Jadi saya berharap *one stop agency* yang telah diheboh-hebohkan satu ketika dahulu, kita giatkan, kita aktifkan, kita *materializekan* supaya segala proses kemasukan pelajar-pelajar asing, supaya segala program yang kita rancang di IPTS-IPTS dapat berjalan lancar. Dapat membantu mengembangkan lagi ekonomi negara kita. Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah alam sekitar.

Saya masih ingat pada minggu lepas, ada Ahli Yang Berhormat telah menyentuh Hari Alam Sekitar Sedunia dengan memberi kesedaran bahawa *we have only one earth* Tuan Yang di-Pertua. Tetapi apa yang kita lihat di Malaysia ini tidak banyak kesedaran diberi pada rakyat kita terutamanya orang-orang dalam industri generasi muda, jadi saya cadangkan kita harus merancang lebih aktiviti seperti kempen, mengadakan poster, menganjurkan forum, mengadakan pertandingan pameran *road show*, menggalakkan penggunaan tenaga suria, semua ini akan memberi kesedaran bahawa *we have only one earth* dalam dunia ini.

Sebab kita nampak beberapa masalah agak ketara sekarang, masalah-masalah tempatan termasuk sungai-sungai yang tercemar. Selepas 10 tahun kita berkempen, sungai kita masih tercemar seperti sampah-sarap, seperti Kempen Kitar Semula, yang saya nampak tidak berjaya, saya nampak botol-botol plastik masih bersepehan, pencemaran udara yang berlaku, asap-asap yang dikeluarkan daripada kereta, semua ini masih serius dalam negara kita. Saya kira kita harus memberi kesedaran mengenai masalah alam sekitar pada generasi muda kita. Ini termasuk masalah-masalah global *warming*, pemanasan global, masalah *green cities*, masalah air yang dikatakan dua bilion orang mati kehausan setiap tahun di dunia ini.

Masalah *desert and desertification*, masalah penglibatan Amerika Syarikat dan negara China kuasa-kuasa besar belum lagi begitu berminat dalam menjaga alam sekitar. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya kerajaan memberi lebih *weight age*, pemberatan kepada masalah ini, masalah pencemaran alam sekitar. Untuk tahun hadapan eloklah kita heboh-hebohkan lagi Hari Alam Sekitar Sedunia.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana kita nampak banyak unsur positif ekonomi sekarang, kita nampak harga KLSE tetap kukuh, hari ini naik lagi, kita nampak nilai ringgit naik ke RM3.40 kali pertama dalam masa 10 tahun, kita nampak harga komoditi kita kekal jika tidak meningkat lagi, kita nampak banyak projek pembangunan telah disusun, dan dilancarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Jadi saya cadangkan, di sini saya ingin mengambil kesempatan ini mencadangkan iaitu GLC-GLC kita harus terbuka kepada semua kaum. Saya masih ingat pada hari Rabu yang lepas Timbalan Perdana Menteri telah menyeru supaya GLC-GLC ini memberi peluang kepada semua syarikat bumiputera dan bukan bumiputera.

Kita tidak mahu melihat hanya GLI-GLI. GLI itu '*Government Link Individual*'. Itu istilah yang saya cipta. Hak terpelihara. GLI-GLI ini hanya untuk keuntungan sendiri, kebaikan sendiri, kepentingan sendiri. Maka kita harus menyahut seruan Timbalan Perdana Menteri bahawa GLC-GLC kita harus memberi peluang terbuka kepada semua kaum. Dalam projek-projek yang kita lancarkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan haruslah kita buat dengan cukup telus dalam memberi tender-tender oleh kerajaan pusat. Kita harus bersikap positif, kita harus kurangkan sikap *small Napoleon* dengan izin.

Perkara terakhir Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan cuti. Saya kira, saya nampaklah kita terlalu banyak cuti. Jadi kalau terlalu banyak cuti itu produktiviti itu akan dikurangkan. Bagaimanapun saya sokong untuk kaum wanita, cuti bersalin 84 hari. *[Tepuk]*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah sulung Baginda dalam Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Ke-11 Dewan Rakyat yang menekankan soal integriti serta membanteras rasuah serta salah guna kuasa merupakan sesuatu yang patut diberi perhatian. Ini juga sebagai salah satu usaha dan langkah dalam menyokong penuh usaha Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini. Apabila perkara ini dibahaskan dan diambil perhatian oleh Yang di-Pertuan Agong sendiri, nyatalah isu dan perkara ini merupakan satu isu berat lagi *significant* yang perlu ditangani bersama. Nyatalah usaha untuk menghapuskan rasuah bukanlah satu usaha yang mudah.

Justeru semua pihak wajib memberi kerjasama ini bermula dengan penyemakan nilai integriti dan amanah bermula daripada sekecil-kecil individu seterusnya barulah ia dapat dijelmakan ke dalam keluarga seterusnya mampu dijana ke tengah masyarakat. Pembangunan modal insan sendiri perlu menjadi tapak yang kukuh dalam mencorakkan bangsa dan hala tuju masa depan negara dan ummah. Seperti yang ditekankan oleh Seri Paduka Baginda, proses pembangunan modal insan berkualiti harus bermula dari peringkat usia muda lagi. Sistem pendidikan juga wajar ditingkatkan dan ditambah baik dari masa ke semasa serta diberi perhatian yang khusus selari dengan hambatan dunia serba moden tetapi dengan aspek kerohanian turut menjadi antara agenda yang utama dalam membantu mencorakkan modal insan yang kamil.

Selain itu, makna kebebasan dan kemerdekaan sebenar dalam kita menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-50, merupakan sesuatu gagasan yang perlu dihayati oleh semua khususnya bagi generasi muda.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Ini merupakan satu aset yang amat bernilai dan tidak boleh dijelmakan dalam bentuk material. Justeru itu golongan muda khususnya para mahasiswa selaku bakal pewaris negara harus menyambut dan berusaha menzahirkan harapan pimpinan negara ini dengan sambutan

yang penuh semangat didasari oleh akal kefahaman yang kejam di dalam diri kita. Maka dengan kata-kata itu, saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Haji Idris bin Haji Buang dan akhir sekali selepas itu Tuan Osman Bungsu.

6.34 ptg.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas mengenai ucapan serta Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pertama, saya ingin mengucapkan dirgahayu kepada Ke Bawah Duli Tuanku kerana selamat naik ke takhta untuk menaungi negara. Kita daripada Sarawak turut gembira, turut berdoa dan bersyukur kepada Illahi dan rasa terima kasih kerana dapat juga mendapat rahmat dan nikmat di bawah naungan Tuanku. Kedua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional atas kemenangan di Ijok tempoh hari. Kemenangan tersebut adalah kemenangan manis untuk Barisan Nasional sekali gus memberi undi yang sangat ataupun cukup percaya kepada kepimpinan Pak Lah, Perdana Menteri Malaysia. Syabas. *[Tepuk]*

Saya ingin juga mengucapkan selamat Hari Ibu kepada wanita yang bergelar ibu termasuklah bonda saya sendiri, isteri saya juga. Semualah, yang bergelar ibu itu telah memberi pengorbanan yang tidak terhingga untuk negara. Anak-anak yang dibesarkan seperti kita inilah yang dibesarkan dapat menyedut udara yang begitu aman di dalam suasana bersatu padu di antara kaum yang sama-sama kita jaga dengan teliti dengan hati-hati. Syabas kepada ibu-ibu yang telah melahirkan anak yang bertuah di negara yang bertuah dan kita harus pertahankan elemen tuah-tuah ini untuk terus berterusan hingga bila-bila masa supaya negara kita disegani dan dihormati oleh warga dunia yang lainnya. Saya pohon pada anak-anak muda yang ada sekarang ini supaya juga menghayati dan memahami erti kemerdekaan. Tidak lama lagi kita akan sama-sama meraikan Hari Kemerdekaan Yang ke-50, Insya-Allah.

Pada sesiapa juga dahulu daripada kita yang telah berjuang, tumpah darah, menitis air mata untuk mendapatkan kemerdekaan untuk kita ini. Kita ingin memberi salam hormat, terima kasih kepada yang telah pergi, mereka tetap di hati kita. Tetap di dalam sejarah. Kepada yang masih hidup, ada juga pejuang-pejuang ini dahulunya masa muda-muda sebelum merdeka, mereka turut berjuang. Saya ingat mereka ada di kalangan kita, masih hidup. Ada juga mereka yang telah bekerja di dalam kerajaan dan berpencen dan sebagainya. Tapi malangnya ada juga warga ambang merdeka ini yang masih hidup tetapi tidak mempunyai sokongan yang sepatutnya diberi kepada mereka untuk mereka menempuh sisa-sisa hidup yang ada.

Saya dapati ada yang di mana Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah tadi ada bilang, kita harus memberi pesara-pesara yang ada satu penghormatan juga. Bila kakitangan kerajaan dinaikkan gaji, pesara-pesara ini harus ditingkatkan juga dari segi kemampuan mereka. Lebih-

lebih lagi yang dahulu bekerja dengan kerajaan, yang melepasi lingkungan 70'an ini masih hidup. Ada yang 80 pun masih hidup. Tetapi mereka hanya menerima pendapatan ataupun pencen di bawah paras kemiskinan. Kadar *poverty line* yang minimum sekarang ini sukatanya ialah sekitar RM600 seorang. Tapi ada mereka yang telah hanya menerima bawah daripada itu. Kalau boleh, jika dikira nasib pesara ini bila menaikkan gaji kakitangan nanti kalau mereka dapat diselaraskan, biarlah paras *poverty line* itu menjadi asas untuk mereka.

Tidak cukup untuk mereka membeli ubat-ubatan untuk terus menikmati saraan hidup. Ada juga anak-anak mereka mungkin tidak mampu hendak membiayai mereka kerana kos beban hidup kini meningkat. Mungkin kos hendak pergi klinik, hospital, tambang dan sebagainya, hendak beli *pampers* saya rasa terlalu mahal bagi mereka. Jadi saya minta pihak kerajaan atau kementerian yang berkenaan mengkaji keperluan pejuang-pejuang kita termasuk pesara-pesara yang saya katakan tadi khususnya mereka ini.

Syabas kepada kakitangan kerajaan kerana bakal menerima pertimbangan daripada pihak kerajaan untuk menaikkan gaji mereka. Saya harap pihak kerajaan dapat memikirkan lebih daripada itu jangan hanya meningkatkan gaji mereka sahaja kalau boleh berilah imbuhan yang lain seperti memberi ganjaran yang pada suatu masa dulu mereka pernah katakan *free passage* dengan izin untuk melancong di dalam Malaysia, tambang percuma sama ada naik kapal terbang ataupun feri dan sebagainya untuk melancong di dalam Malaysia, sekali dalam tiga tahun. Tidak payahlah sekali dalam tiga tahun tidak payahlah dibiayai sepenuhnya, kalau boleh separa ataupun separuh sahaja, sekali dalam empat tahun, sekali dalam lima tahun timbanglah untuk mereka.

Dengan adanya kemudahan seperti ini dapatlah kakitangan kerajaan yang berjumlah kira-kira 1.2 juta ini dapat memainkan peranan membawa famili-famili mereka dari satu tempat asal mereka di Malaysia ke satu negeri-negeri lain di dalam Malaysia dan sekali gus menyemarakkan semangat *National Malaysian* dengan izin dan juga sekali gus memberi suntikan terhadap pelancongan dalam negara ataupun *domestic tourism*. Saya baru-baru ini melancong ke negeri China, sekejap sahaja hanya ingin melihat *great world of China* dengan izin.

Saya lihat pelancong di sana 99% orang China sendiri mereka tidak bergantung kepada *tourist* dengan izin atau pelancong dari luar negara. Memanglah mereka ada 1.3 juta tetapi Malaysia pun boleh buat. Saya dengar daripada Yang Berhormat Datuk Lee daripada Bukit Bintang Tuan Yang di-Pertua, mungkin pelancong dari Arab tidak akan kembali bila mendengar dan melihat sendiri tempat-tempat yang mereka katakan 'indah khabar dari rupa', itu tidak menghairankan kalau mutu perkhidmatan kita tidak baik tetapi kalau kita mempunyai pelancong dalam negara yang baik, penuh dengan rakyat kita sendiri melancong bukan sahaja daripada kakitangan kerajaan yang 1.2 juta tadi tetapi juga daripada swasta.

Kita galakkan mereka memberi kakitangan mereka peluang yang sedemikian juga. Saya rasa kita dapat menyemarakkan lagi perniagaan dalam negara kita menerusi pelancongan dan

kita tidak perlu bergantung dengan pelancong dari luar negara tetapi jika pelancong dari luar negara masuk, itu satu bonus kepada kita. Saya harap pihak Kementerian Pelancongan dan kementerian-kementerian yang berkenaan boleh memikirkan ini sebagai satu cara untuk menghidupkan negara kita dari segi *domestic tourism* dengan izin dan juga untuk memberi suntikan kepada ekonomi negara kita sendiri. Kalaulah pelancongan dalam negara kita dapat dibuat dengan baik kita dapat sekali gus mengukuhkan integrasi nasional, mengukuhkan perpaduan dalam negara.

Bayangkan ramai dari kalangan kita sendiri Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini mungkin tidak pernah pergi ke Mulu. Saya pun belum pernah pergi ke Mulu. Saya ingin juga hendak pergi ke Mulu, belum ada peluang tetapi Insyallah saya akan pergi ke situ. Saya minta semua kawan-kawan pergi ke situ kalau ada peluang dan saya mohon kepada rakyat Malaysia pergilah ke situ kerana Mulu telah diiktiraf oleh badan dunia sebagai satu daripada *world natural heritage*. Tidak ke Mulu ertinya tidak pernah tengok alam semula jadi yang sebenarnya. Di Mulu saya diberitahu dapat memuatkan 50 Boeing 777, saya pasti ia menarik.

Jadi bukan sahaja Mulu di Sarawak saya katakan kerana saya datang dari Sarawak, saya pun tahu di Kota Kinabalu, *mount* Kinabalu dengan izin pun mempunyai tarikan yang begitu indah seperti mana juga di Pahang, Johor dan sebagainya kita mempunyai produk-produk kita tersendiri. Promosikanlah untuk menyemarakkan *domestic tourism* ini. Saya harap ...

Tuan Ismail Kasim: Penjelasan Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Silakan.

Tuan Ismail Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato'. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Dato' tentang promosi tempat-tempat menarik seperti Yang Berhormat Dato' sebutkan tadi seperti Johor, Gunung Kinabalu di Sabah dan sebagainya tetapi apa yang menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, buku tentang latar belakang dan kecantikan negara kita bukan ditulis oleh orang tempatan tetapi ditulis oleh orang Inggeris yang bernaung di bawah PATA yang datang buat *research* lebih kurang enam bulan di negara kita dan mengedarkan buku berkenaan di seluruh Eropah, tentang seluruh struktur pentadbiran dan tempat-tempat menarik di negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat Dato' berhubung dengan perkara ini agak macam seolah-olah kita ini kekurangan di sana-sini dan tidak mampu hendak tulis sesuatu tentang negara kita.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat itu. Kalau boleh penulis-penulis dan kita punya profesional *cameraman* dengan izin, ambillah gambar-gambar ini, tulislah sebaik-baiknya, produk-produk *tourism* kita ini dengan izin bukan sahaja untuk tatapan orang-orang ataupun pelancong dari luar negara tetapi juga untuk tarikan dan dihayati oleh anak Malaysia sendiri. Saya belum lagi ke Mulu kerana kurang kemudahan ke sana. Baru-baru ini kita dengar FireFly

akan ambil alih daripada Air Asia iaitu FAX dan sebelum itu MAS. Sejak 20 tahun lebih, saya belum melihat jalan yang mudah untuk ke Mulu. Saya harap pihak Kerajaan Persekutuan dapat menolonglah, membantu pihak kerajaan negeri di dalam perkara ini sebab bidang pengangkutan ini di luar bidang kuasa kerajaan negeri sebab ini perkara besar..

Jadi saya harap itu untuk Mulu tetapi ada yang lain-lain lagi seperti Taman Bako. Di Taman Bako itu kita ada monyet yang mereka gelar *proboscis monkey*, tidak ada dalam dunia. Itu mungkin binatang yang wujud pada zaman dinosaur, saya pun tidak tahulah sebab hidung dia lain sedikit tetapi itulah tarikan kepada orang-orang dari luar negara. Untuk rakyat Malaysia saya rasa kalau kita tuliskan dan beri gambaran sebaik-baiknya, anak-anak kita dari Perlis seperti Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim, anak-anak kita dari Kedah, Pulau Pinang dan sebagainya mungkin tertarik.

Tapi mereka tidak ada peluang. Tidak kiralah bapa dia seorang kerani kerajaan macam mana hendak bawa anak-anak ini ke sana? Ke Sarawak? Perlulah sokongan daripada majikan, iaitu kerajaan sendiri. Jadi saya rasa, balik kepada *point* yang saya katakan sebelum itu lagi, kalau boleh berikanlah ganjaran itu balik kepada pihak kerajaan, timbang-timbanglah dan pihak swasta termasuk *Government Link Companies*, berilah kepada kakitangan. Lebih-lebih lagi mereka yang kurang berkemampuan itu, anak-anak mereka berhak untuk sama-sama main peranan mengukuhkan perpaduan kita. Dari situ mereka dapat lihat muzium kita. Kalau kita pergi muzium di sini kita boleh lihat pejuang-pejuang kita telah berkorban di dalam peperangan, di dalam pertempuran dengan musuh untuk mempertahankan negara. Ada daripada Sarawak. Ramai anak-anak kita daripada Pahang, Terengganu, Melaka dan sebagainya daripada semenanjung ini yang terkorban di Sarawak.

Saya tahu sebagai anak seorang polis yang melihat sendiri jenazah mereka diusung semasa konfrontasi dahulu, semasa zaman komunis dahulu sebelum kita merdeka dan sebagainya. Jadi sebaliknya juga ramai anak-anak Sarawak dan Sabah juga yang tumpas di Tanah *Malaya* ini. *Now* kalau dengan izin, *we have to educate our children, give them sense of the value*. Baik yang India, Cina, Melayu, Iban, Kadazan, Dusun, Kelabit, Kenyah, *say whatever*, dengan izin. Ramai, kita yang mempunyai lebih 20 etnik *group* dengan izin. Jadi saya ingin tekankan yang pertama, perkukuhkanlah perpaduan, perkukuhkanlah integrasi nasional, perkukuhkanlah perniagaan, pelancongan dalam negeri, ekonomi negeri, promosikanlah produk-produk kita yang ada daripada produk *tourism* tadi ataupun pelancongan, kraf tangan dan sebagainya. Dengan sendirinya juga kita boleh membuka peluang-peluang pekerjaan, menghidupkan hotel-hotel kita, hotel-hotel murah mungkin boleh hidup lagi yang mampu dibiayai oleh atau pun dimiliki sesetengah daripada kita oleh rakyat kita, restoran-restoran, warung-warung, pusat-pusat membeli belah boleh hidup dengan apa yang telah saya katakan tadi. Pelancongan dalam negara kita.

Saya ingin hendak balik sedikit pada anak-anak muda kita. Saya rasa seperti yang telah ditunjukkan oleh Tengku Yang Amat Mulia Raja Muda Perak. Semangat dan contoh yang begitu mulia, bukan sahaja sebagai seorang anak raja, sebagai seorang anak Malaysia yang berasa kagum, turut kagum dan minta kita ambillah iktibar daripada itu supaya yang lain-lainnya bersederhanalah.

Di dalam kita meraikan sesuatu, dalam kita berbahagia kita bersederhana supaya lebih nikmatnya. Sebab kita tidak tahu apa yang akan datang yang melanda kita. *Is the world going to face another recession*, dengan izin. Dengan adanya ekonomi Amerika, dengan adanya kelemahan yang ditunjukkan daripada mata wang Amerika. Jika ekonominya jatuh, ekonomi dunia juga turut jatuh. Kita harus berjaga-jaga, walaupun indeks komposit kita menunjukkan tanda-tanda positif, melepasi paras 1,300 dan sebagainya, harap ia boleh meningkat lagi tetapi *spin of effect, ripple effect*, dengan izin tidak, belum lagi dirasai di atas *on the ground*, dengan izin. Saya rasa...

Tuan Yang di-Pertua: Ada lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: ...saya hendak gulungkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita harus berjaga-jaga. Syabas Tengku Yang Amat Mulia Raja Muda Perak. Saya mohon kepada anak-anak muda jangan memilih sangatlah dalam apa jua bidang yang mereka hendak ambil sebagai pekerjaan atau mata pencarian. Buatlah apa yang termampu, jangan memilih sangat. 3D yang diperkatakan oleh pihak kementerian itu, *dangerous, difficult and dirty* dengan izin. Mungkin 4D, masuk satu lagi *dull*, dengan izin. Saya harap anak-anak muda sedarlah tanggungjawabmu terhadap negara.

Ikutlah apa yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong supaya anak-anak muda memberi yang terbaik. Sebab anak-anak muda inilah yang mewarisi kita, kalau kita hendak melihat Malaysia 20 tahun akan datang, lihatlah mereka yang berumur setahun, dua tahun atau pun lima tahun kalau kita hendak melihat Malaysia maju, lihatlah mereka yang berumur 20 tahun, 30 tahun sekarang, apa yang mereka buat? Saya harap pihak-pihak kementerian yang berkenaan buatlah program lebih mantap daripada biasa. Lebih kreatif daripada biasa. Kalau seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator kita dahulu, Datuk Tajul, kalau dapat mereka yang tidak mahu bekerja itu, yang melepak tangkapkan mereka dan sebagainya. Saya rasa kalau itu boleh dibuat, buatlah supaya Malaysia terjamin masa depannya.

Sebelum saya mengundur diri saya juga ingin mengucapkan juga kepada pihak yang menganjurkan *world halal forum*. Syabas, kerana mereka telah membuatkan Malaysia sebagai Halal Hub atau bakal Halal Hub yang membanggakan. Saya harap pihak-pihak yang berkenaan dapat memanfaatkan kepada forum ini dan benar-benar mengambil peluang yang ada, menggunakan *networking* dengan izin, yang ada, yang baru dicipta supaya dapat memperkembangkan Malaysia di mata dunia sebagai peniaga barang-barang halal yang

terkemuka dan yang terutama. Dengan itu terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saudara saudari kerana memberi, meminjamkan telinga. Saya mohon menyokong Titah Duli Yang Maha Mulia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Akhir sekali Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu.

7.02 mlm.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya turut serta dalam membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong...

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya yang beri peluang kepada Yang Berhormat ialah Dewan melalui usul yang disetujukan tadi.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam Titah Baginda telah menyentuh segala perkara termasuk aspek perpaduan, pembangunan secara holistik dalam bidang ekonomi, sosial, pendidikan dan juga pelbagai.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar perbahasan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang banyak menyentuh pelbagai isu tapi agak terkilau isu kemiskinan Orang Asli, isu kemajuan Orang Asli masih tidak kedengaran. Seolah-olah saya sahajalah anak Orang Asli di bumi Malaysia ini. Sedangkan kita dalam masyarakat majmuk memerlukan satu pandangan yang holistik dalam membangunkan bangsa yang lahir di sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat marah ke?

Tuan Osman bin Bungsu: Tidak, tidak, ini mengingatkan kita. Kita ingin mengingatkan Tuan Yang di-Pertua, kerana ini tanggungjawab kita Tuan Yang di-Pertua, kerana kita dilahirkan di Malaysia sebab itu Yang di-Pertuan Agong para pertama ucapannya - perpaduan. Hancurnya perpaduan bukan kerana satu bangsa tetapi semua bangsa, kadang-kadang tercetus satu bangsa sahaja walaupun Orang Asli kecil.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon mencelah Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: Minta maaf, walaupun Orang Asli kecil yang penduduknya tidak ramai, tetapi jangan mudah di perkotak-katikan. Mungkin juga kerana Orang Asli dulu yang menyebabkannya perpaduan wujud. Ini kerana kemerdekaan yang diwujudkan kerana sudah dapat mengawal keselamatan dalam negara, ia dapat memberi maklumat-maklumat kepada kerajaan, kepada tentera, bahawa ini komunis yang perlu dimusnahkan, akhirnya tercapai.

Jadi saya berharap dalam sesi yang akan datang bantulah saya! *[Tepuk]* Bantulah saya bagaimana nak mengeluarkan idea kepada kerajaan, kepada jabatan atau kementerian yang bertanggungjawab supaya rakyat yang berjumlah 150,000, keluarga yang hampir 30,000 dapat diselesaikan, tak banyak, sembilan hari pun boleh selesai pembangunan dalam satu kawasan,

boleh selesai! Sembilan hari saja, jalan boleh ada serta merta, elektrik boleh ada serta merta, bangunan dicat serta merta, rumah PPRT boleh diadakan serta merta, saya melihat pembangunan ini, tapi kalau inilah yang dibuat pembangunan Orang Asli saya rasa Orang Asli tidak lagi dipanggil Orang Asli. Lihat saja Orang Asli miskin, lihat saja Orang Asli hina, pada saya.

Kita melihat Tuan Yang di-Pertua statistik yang ada pada saya Tuan Yang di-Pertua biarkan saya maklumkan, secara insiden kemiskinan pendapatan purata penduduk Orang Asli di Malaysia, statistik tahun 2000. Di Johor miskinnya 81.2% pendapatannya lebih kurang RM352 di bawah paras kemiskinan, di Kelantan 98.7% kemiskinan pendapatannya lebih kurang RM200, Melaka negara yang kecil...

Tuan Yang di-Pertua: Salah itu negeri yang kecil Yang Berhormat.

Tuan Osman bin Bungsu: ..negeri yang kecil bilangan Orang Asli tak ramai ada 79.8% pendapatannya lebih kurang RM343, Negeri Sembilan 84.6%, Pahang 92.3%, Perak 81.4%, Selangor negara maju 73.4% ya, negeri maju, terima kasih kerana ingatkan saya. Terengganu negeri minyak 90.9%. Jumlahnya purata Tuan Yang di-Pertua 85.7%, puratanya termiskin 56.6% dengan anggaran di bawah kemiskinan tegar, kalau ada pun lah segelintir orang-orang yang dah berjaya yang dikatakan usahawan yang dikatakan di Bukit Lanjan menjadi contoh tapi tengoklah Tuan Yang di-Pertua yang dirancang untuk melawat kampung Orang Asli realistikkanlah! Supaya kita ada pengalaman tentang siapa sebenarnya Orang Asli yang duduk di Malaysia ini.

Jadi saya berharap kadar kemiskinan ini juga boleh mengubah kehidupan Orang Asli secara *total*. Baru ini saya tengok pembangunan tanah, saya dah beritahu dah pembangunan tanah duit banyak fokus kepada pembangunan tanah yang mana kita ada Jabatan Hal Ehwal Orang-orang Asli tetapi pengurusan tanah diberi kepada pemaju-pemaju lain seperti FELCRA, RISDA. Kenapa Jabatan Orang Asli tidak dapat menguruskan tanahnya sendiri, di mana kemahiran itu terus kepada Orang Asli sendiri. Supaya Orang Asli menerima terus duit daripada kerajaan beri kepada Jabatan Orang Asli untuk membangunkan tanah terus kemahirannya kepada Orang Asli. Hasilnya kepada Orang Asli. Polisinya antara Jabatan Orang Asli dan Orang Asli, supaya polisi itu dapat diubahsuai.

Ini kita lihat pembangunan ekonomi orang kita dah 20 tahun di bawah satu agensi kerajaan ini, lima ekar tanah, enam ekar tanah purata. Diberinya setahun RM2,000, RM3,000 purata RM200. Sedangkan kalau di tempat lain itu boleh dapat RM600, RM700 malah lebih daripada seribu. Kenapa mesti ada orang tengah di antara kita dalam membangunkan ekonomi Orang Asli tentang pembangunan tanah ini.

Kita tahu pembangunan tanah boleh memberi satu hasil yang lumayan. Yang boleh kita lihat; boleh ternakan lembu, kambing boleh, ternakan rusa boleh, *anything* boleh! Tetapi tidak menampakkan sesuatu itu sebagai realistik. Dah 50 tahun merdeka ini, 50 tahun kita merdeka, Orang Asli pun sudah ada sebelum kemerdekaan.

Di bawah Jabatan Orang Asli tahun 1954 adanya Akta Orang Asli 134, sepuluh kementerian berubah. Daripada kementerian satu sampai sepuluh kementerian saya dah tengok, tetapi hasilnya saya agak bukan kecewa. Kerajaan begitu prihatin daripada 20 tahun dulu, kalau 20 tahun di kumpul ke belakang sudah ada RM2 bilion ataupun 25 tahun RM2 bilion.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini pandangan saya yang cetek ini, saya berharap jabatan mana-mana kementerian ataupun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dah tidak boleh nak *handle*, contoh hantar kepada Jabatan Perdana Menteri yang kita lihat FELDA pun boleh dibuat lagi besar dan maju. Kita buat rancangan pengumpulan semula, tapi Orang Asli pun tak maju juga, kenapa? Mereka pun terpisah-pisah.

Saya pergi ke Betau baru-baru ini, 20 tahun perancangan hasilnya beribu-ribu ekar di situ, Orang Asli masih miskin. Dijanjikan untuk pembangunan, dijanjikan universiti untuk Orang Asli, tak wujud pun sampai sekarang. Jalan saya pergi, 13 kilometer purata lapan buah kampung keliling macam ladang kuda, cantik aje, tapi jalannya hanya pacuan empat roda ajelah.

Impaknya Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja ekonomi Orang Asli nak memungkah barang-barang tetapi dari segi pendidikan Orang Asli tercicir, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut statistik yang baru ini Tuan Yang di-Pertua, 34.3% pelajar-pelajar Orang Asli yang tidak tamat darjah enam, telah terlepas di situ. Saya tanya dengan penduduk Betau "Kenapa?" "Jalan encik", janji-janji jalan, janji-janji jalan, nak tunggu agaknya ada orang-orang membuat perubahan pilihan raya sekali lagi di tempat itu agaknya. Bukan mendoakan tetapi agaknya kalau adalah, barulah agaknya peruntukan banyak sampai.

Jadi saya berharap perkara ini menjadi realiti dalam kita membangunkan kawasan Orang Asli, kerana Orang Asli serumpun dan sebudaya. Ada Orang Asli pun beragama Islam, ada Orang Asli beragama Buddha pun ada tapi sikit, Kristian pun sikit yang tak ada agama animisme hampir 60%, kalau itu dapat ditackle mana-mana yang boleh kita minat untuk membawa ke alam yang lebih baik, bukan bermakna dia tidak beragama dia tidak boleh maju!

Jadi pada saya satu perancangan yang holistiklah tadi, perlu diadakan pembangunan ekonomi secara langsung kita tidak mahu ada orang tengah lagi untuk membangunkan Orang Asli. Saya tak mahu nanti ladang ada, tapi tengok pengurusan ladang diberi kepada kontrak. Harga getah RM3, tapi pada Orang Asli bila diberi kerja hendak 40 sen akhirnya anak Orang Asli mencuri getahnya di tanah dia sendiri dan akhirnya dia terjebak dalam kes kecurian, meringkuk di penjara.

Apakah ini adil Tuan Yang di-Pertua? Jadi kita berharap dasar yang ada pada Jabatan Orang Asli ini kepada pembangunan tanah RISDA dan penggiat agensi-agensi kerajaan yang lain perlu disusun semula. Perlu lebih realistik dalam pembangunan negara yang sudah 50 tahun merdeka. Dulu saya sudah pernah utarakan supaya ekonomi Orang Asli dibuat secara buat ala Felda, buat penyusunan semula. Jalan rayanya ada, kliniknya ada, suatu masa akan ada balai

polis pun ada, pondok polis pun ada. Sekolah yang bersepadu, kluster bertaraf pembestarian sekolah yang hebat pun ada, supaya disusun.

Kalau kita membuat sekolah di dalam pedalaman yang begitu jauh dengan kos yang berjuta-juta tetapi budaknya 40 orang, 50 orang. Dengan jalan masuk pun, cikgu pun takut. Cikgu pun takut, cikgu pun takut hendak masuk ke dalam, hendak tinggal ke dalam. Tetapi saya terima kasihlah kepada kementerian kerana sudah ada insentif guru-guru pedalaman. Dibagi elauan RM500 ikut kategori, RM1,000 - RM1,500. Itu untuk cikgu-cikgu yang baru akan berlaku. Tetapi kaji semulalah cikgu ini. Kalau cikgu yang hendak masuk itu berilah pendedahan kebudayaan, silang budaya, supaya dia masuk, dia tidak tengok kampung Orang Asli itu ada anjing. "Aduh", dia pun takut, maka dia tidak mahu datang. Silang budaya tidak ada. Pemikiran silang budaya, ketrampilan diri menghadapi cabaran tidak ada. Datang-datang hantar orang-orang yang muda. Sudah meninggal dunia, '...' kalau tidak silap saya.

Jadi kalau boleh cadangan Tuan Yang di-Pertua, supaya dihantar guru-guru yang berpengalaman dekat pedalaman ini. Guru yang berpengalaman terutama kawasan sekolah Orang Asli. Sekolah Orang Asli ini kita tahulah kemudahannya kan. Jadi kalau kerajaan sudah nampak ini kemudahan Orang Asli untuk meningkatkan. Ini juga aset ekonomi. Jadi kalau ramai Orang Asli sudah berjaya dalam soal ini, bukan Orang Asli yang berjaya, masyarakat Malaysia yang berjaya. Sikit dan boleh dijadikan contoh. Di Malaysia ini bukan saja menaranya, tingkatnya tinggi dan boleh dicontoh, jambatannya boleh dicontoh. Tetapi Orang Asli pun boleh dijadikan dicontoh. Ini yang kita mahu. Semuanya boleh, semuanya Malaysia Boleh. Begitu juga tentang perumahan. Orang Asli tidak ramai, perumahannya masih lagi teruk.

Kalau tengok orang beli tong yang dekat Pahang pun tanya saya mana rumah yang dijanjikan? Katanya telefon berkali-kali. Rumah yang dibuat daripada sepuluh kali. Sepuluh kalau tidak silap saya masa lawatan yang dindingnya dibuat daripada zink. Sebahagiannya daripada plastik, lantainya daripada buluh, di situ anaknya tiga orang, bapanya hampir lumpuh. Jadi kita tengok sepuluh ribu saja, kalau buat secara holistik, rumah orang tidak selesai. Ini buat rumah kadang-kadang satu kampung beri enam buah. Elektrik tidak ada, tunggu. Jadi tidak ada *holistic* namanya.

Jadi kalau kita buat satu peruntukan besar saya ingat saya mohon kepada kerajaan supaya tahun depan, tahun Orang Asli memiliki rumah dengan bantuan SPBN. Kita ada dua puluh jabatan bagi 17,000. SBPN bantu pula RM17,000. Sudah besar sudah 34,000. Bayar RM50 sebulan pun tidak apa. Dia kalau yang dapat itu 40 dibayar RM100 sebulan tetapi dengan Orang Asli kerana *win-win situation*, RM50 saya ingat boleh. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua kita ada di sini. Dia dapat melihat terutama...

Dato' Azian bin Osman: Mohon mencelah. Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa...

Tuan Yang di-Pertua : Yang Berhormat beri laluan.

Dato' Azian bin Osman: Saya rasa kita pernah berbincang perkara ini. Saya ingin beritahu pihak saya sedang menunggu *proposal* daripada Yang Berhormat sudah lama tidak tiba-tiba. Terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Yang Berhormat kerana Allah telah membukakan pintu hati Yang Berhormat serta anggotanya. Saya sedang mencari satu konsultan yang boleh, kerana dia dapat membuat segala bentuk kemajuan di situ. Terutama saya rasa Orang Asli akan terpinggir kalau tidak disusun terutama dalam Wilayah Pembangunan Iskandar ini yang begitu hebat. Dua puluh tahun akan datang dia seperti lebih baik, lebih hebat daripada Putrajaya dan Kuala Lumpur. Kalau Orang Asli tidak disusun, saya ingat ini akan menjadi contoh yang buruk kepada negara. Sebab itu projek negara, bukan projek negeri.

Jadi kalau pada kerajaan-kerajaan negeri yang ada orang-orang kitalah. Kalau Orang Asli dia panggil orang kitak, orang kitak. Kalau Orang Asli kata orang saya. Kalau bahasa tuan-tuan saya hendak makan, Orang Asli Kuala berbunyi lain. [*bercakap dalam bahasa Orang Asli*]. Sungguh berbeza. Keunikan Orang Asli ada lapan belas suku kaum. Saya berharap kepada kerajaan melihat projek-projek yang mendatangkan ekonomi, terutama ekonomi segera, terutama kita tengok dekat Pulau Bumbun yang ada kraftangan Orang Asli yang begitu unik diiktiraf oleh antarabangsa yang boleh dipamerkan dan jadikan ia satu tempat yang boleh kita membangunkan ekonomi.

Kita tengok di Jalan Tapah pergi ke *Cameron Highlands*. Tengok orang kitak di situ. Ekonominya menjual barang-barang cukup antik. Orkid hutan wujud di situ. Macam-macam spesies. Tongkat Ali sepanjang ini dijual. Tuan-tuan tidak hendak beli. Kacip Fatimah banyak. Bila perlu? Sudah sakit tenat baru perlu, buat apa lagi? Susah kita hendak jumpa bomoh pun sudah tidak guna lagi. Jadi kita perlu ada. Boleh susunkan kepada kementerian kata saya cubalah buat satu tempat.

Satu tempat bangunan yang sesuai untuk mereka supaya peragakan diri mereka dengan pakaiannya. Dengan dia punya hurai rambutnya... Apa itu? Saya pun sudah lupalah. Dia punya keseniannya. Begitu juga di Muadzam. Sepanjang Jalan Muadzam dia hendak pergi Pahang. Pondoknya begitu cantik, antik. Menjual burung, menjual apa, menjual macam-macam pelbagai herba. Tetapi di tepi jalan cukup...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah dapat membentangkan isu dengan begitu bernas dan begitu berkesan. Jadi saya kesal kerana terpaksa memperingati Yang Berhormat kerana masa Yang Berhormat pun bukan banyak lagi. Terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Saya ingat Tuan Yang di-Pertua dalam masa tujuh setengah kita berhentilah sebab masa itu di peringkat lapar. Itu kalau diizinkan kalau hendak cepat, nanti saya cepatkanlah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ada laluan.

Datuk Jins Shamsudin: Yang Berhormat boleh saya minta laluan.

Tuan Osman bin Bungsu: Ini ada laluan tadi. Terima kasih.

Datuk Jins Shamsudin: Baik, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada tawar-menawar pula.

Datuk Jins Shamsudin: Saya melihat bahawa memang benarlah bahawa Orang Asli ini dipinggirkan. Tetapi saya agak terkejut apabila saya pergi ke satu tempat dibangunkan oleh MK, Tan Sri Mustafa Kamal, saya telah diajak untuk melihat sendiri satu pembangunan yang telah diambil alih kampung Orang Asli dan dibangunkan di situ di Damansara Perdana. Saya melihat Orang Asli telah diberi sebuah banglo seorang satu dan ada sekolahnya, ada rumahnya di Damansara Perdana, di belakang. Ada banglo seorang dapat satu banglo dan satu sekolah telah didirikan, ada kedai-kedai yang dibangunkan dan diberi kepada kebanyakan Orang Asli untuk dibangunkan. Jadi tidak semualah pengusaha perumahan ini yang mengambil kesempatan. Tetapi Tan Sri Mustafa Kamal di bawah MKnya telah melaksanakan sesuatu yang baik kepada orang ramai.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Dr. Jins Shamsuddin.

Terima kasih Yang Berhormat. Peminat Yang Berhormat ini begitu ramai. Orang Asli ini bila cakap sahaja Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin ini, dia tengok siang menjadi ular, malam menjadi manusia yang mempunyai kepintaran dan masih lagi kita boleh lihat kepintarannya. Tahniah dapat mewakili masyarakat seniman dalam Dewan Negara ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, MK Land memang saya puji dan saya lihat ada satu usaha yang gigih yang mana kita melihat ada pembangunan. Tapi saya melihat pengisian kerohanian itu tidak ada. Akhirnya wang yang macam bukit itu telah rata tinggal. Ada yang sudah pindah balik, menjadi peneroka tanah terbiar kerana penyusunan dari segi pembangunan insan itu kurang. Jadi saya harap perkara ini, terima kasih kepada MK Land kalau boleh dapat disusun dengan pelbagai ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu lagi tentang keciciran. Saya melihat keciciran ini adalah berkait rapat dengan meningkatkan modal insan ini. Kita tengok keciciran di sini 34.3% atau 1,322 daripada 3,853 pelajar Orang Asli tamat darjah enam tapi gagal menyambung pelajaran dari darjah enam ke tingkatan satu. Kerana kita tahu anak-anak Orang Asli ini, dalam keadaannya untuk pergi ke alam tingkatan satu ini, dia rasa dulu dia dapat makan, yalah dia orang miskin. Sekarang bila pergi ke sekolah menengah, makan sudah tidak ada. Kemudian tambang dan sebagainya semua ditanggung oleh keluarga itu sendiri. Jadi ini agaknya menjadi masalah kepada sebahagian daripada pelajar Orang Asli, bukan semua.

Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana telah memberi kelonggaran kepada pelajar-pelajar Orang Asli ini mendapat duit KWAPM dan juga memberi Orang-orang Asli sekolah pendidikan khas di mana ada peruntukan yang lebih banyak. Jadi dengan cara ini, saya ingat pendidikan akan berjalan dengan baik dan saya berharap pihak kementerian supaya dapat memantau perjalanan sekolah-sekolah di kawasan pedalaman Orang Asli sebab saya lihat pemantauannya kurang. Jadi kalau kurang, dari segi sistem

pembelajarannya agak terabai di mana ramai pelajar Orang Asli tidak menguasai 3M. Jadi saya mencadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua supaya institusi pengajian tinggi mengambil berat dalam soal ini. Mengambil sekolah-sekolah Orang Asli sebagai sekolah anak angkat kerana mungkin juga idea-idea ini dapat meningkatkan tahap Orang Asli.

Begitu juga dikaji semula tentang penggunaan bahasa Inggeris di kampung Orang-orang Asli ini dan di sekolah-sekolah Orang Asli. Penguasaan bahasa Melayu pun agak kucar-kacir. Jadi kalau hendak dilihat pencapaian dari segi kelulusan akademik, sudah tentu makin jauh jurang penguasaannya. Jadi saya berharap kepada jabatan dan juga kementerian yang tertentu seperti Kementerian Pengajian Tinggi memberi peluang seluas-luasnya kepada lepasan pelajar SPM umpamanya dalam memberi kursus-kursus di institusi pengajian tinggi kerana ini adalah peluang. Kita hendak beri dia peluang walaupun dia mempunyai kelulusan minimum. Kalau diberi peluang seperti saya, Tuan Yang di-Pertua... Tengok masa masih ada enam minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah yang kita saling ingat-mengingati tentang perkara sama. Saya mengikut ucapan Yang Berhormat, Yang Berhormat pula sentuh prasarana Orang Asli, ekonomi Orang Asli, perumahan Orang Asli dan sekarang keciciran dalam pendidikan Orang Asli. Oleh kerana Yang Berhormat ada lagi lima minit, saya hendak ingatkan Yang Berhormat kalau-kalau ada yang lain yang Yang Berhormat masih terlupa.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana ingat-mengingati antara kita adalah satu perkara yang amat baik. Jadi untuk masuk ke IPTA ini perlulah diberi peluang. Saya yang dilantik menjadi Ahli Dewan Negara, kelulusan SPM pangkat tiga sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon mencelah, boleh? Ada masa sedikit?

Tuan Osman bin Bungsu: Seminitlah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Memperjuangkan Orang Asli, adakah maksud Yang Berhormat hendak dibubuh dalam Akta Kementerian Pengajian Tinggi juga diberikan kuota untuk masuk ke universiti sama ada IPTA atau IPTS?

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak minta kuota. Kalau ada kuota pun tetapi tidak ada orang-orang yang berkebolehan yang masuk pun, tidak berdaya saing dan hanya membazirkan duit kerajaan. Nanti dia berhenti di tengah jalan. Tapi kalau dia sudah ada dan diberi peluang dengan keadaan minimum dan dia sanggup untuk belajar di peringkat ini, insya-Allah. Emak saya tidak reti membaca dan ayah saya juga tidak reti membaca, saya seorang daripada sebelas adik-beradik, SPM hanya pangkat tiga, akhirnya boleh ke universiti kerana apabila sudah bekerja 10 tahun hingga 15 tahun, dia ada angan-angan untuk melanjutkan pelajaran, inilah peluangnya untuk melanjutkan pelajaran. Jadi kalau diberi tengok semua yang baik-baik hanya masuk ke universiti, yang tidak baik ini, kalau

macam Yang Berhormat Sharifah, Yang Berhormat Ismail dan Yang Berhormat-Yang Berhormat lain, dia boleh kata orang itu kalau anaknya kurang bagus dia boleh hantar anak-anaknya ke universiti swasta. Ini Jabatan Hal Ehwal Orang Asli tidak dapat hendak membantu kepada Orang-orang Asli pergi belajar di institut pengajian tinggi swasta, tidak dapat bantuan.

Tapi saya cadangkan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memberi satu peluang mengubah semula supaya Orang Asli yang berminat untuk masuk ke institusi pengajian swasta ini diberi juga biasiswa kerana biasiswa dapat memberi peranan yang penting dalam membangunkan institusi pendidikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berharap juga kepada usahawan-usahawan juga yayasan-yayasan yang sudah berdaya maju dapat membantu anak-anak Orang Asli dalam pendidikan ini supaya jurang mereka dapat ditingkatkan. Begitu juga supaya pelajar-pelajar Orang Asli yang berjaya, yang sudah mencipta ada yang di peringkat dapat sampai *master*, ada Ph.D...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Mohon laluan Yang Berhormat, ada dua minit.

Tuan Osman bin Bungsu: ...dapat dibawa balik dan dibawa balik bekerja dengan pihak kerajaan kerana dia sudah ditaja oleh kerajaan, ditarik balik dan bekerja dengan kerajaan. Dalam masa tiga hingga empat tahun selepas itu, dia sudah ingat bekerja sendiri, barulah boleh dilepaskan. Inilah satu cadangan.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hanya seminit atau dua. Jadi kita telah dengar daripada Yang Berhormat mengenai Orang Asli. Syabas pada Yang Berhormat kerana memperjuangkan nasib mereka. Tapi di Sarawak kita ada Orang Penan, mereka diberi kemudahan yang baik tapi belum dapat menyerapkan diri dengan pembangunan. Sekolah dibuat, anak-anak mereka tidak mahu datang, selepas sehari dua, balik semula ke dalam hutan. Mungkin pengalaman yang ada daripada Orang Asli di sini yang lebih maju dan lebih bertamadun daripada mereka dapat mengajar mereka. Ke arah itu saya ingin pandangan daripada Yang Berhormat kalau boleh untuk kebaikan Malaysia. Terima kasih.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih, masa seminit ini ialah masa itu emas. Saya rasa serah kepada kementerian untuk menjawab kerana dulu kita minta Orang Asli di Semenanjung dengan di Sabah dan Sarawak disatukan tapi ada kerajaan negeri berbincang supaya ia diasingkan. Maksudnya serumpun sebudaya jugalah. Jadi kalau Orang Asli di Semenanjung boleh dapat, saya rasa di Sabah dan Sarawak pun saya rasa boleh dapat. Kita ingin maju, itulah warganegara kita dan itulah aset kita supaya kita berjuang untuk kita meningkatkan kemajuan Orang Asli dalam Malaysia ini.

Dengan kata ini saya menyokong Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya betul-betul menghormati Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Dewan Negara.

Ahli-Ahli Dewan: *[Bertepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Mereka bijak kawal selia sendiri, *self-regulation*. Saya pun tidak dikenakan apa-apa perintah tapi dikawal sendiri. Saya ucapkan terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 15 Mei esok. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.